


Jilid II  
Bil. 3



Hari Khamis  
15hb Mac, 1984

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 357]**

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong [Ruangan 428]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KEDUA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO  
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.  
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,  
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH  
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu  
Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHOONG HON NYAN, P.S.M.,  
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,  
P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

- Yang Berhormat DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Pemas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- .. DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. DATO' HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

**Khamis, 15hb Mac, 1984**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PIAGAM WANITA  
(WOMEN'S CHARTER)**

**1. Dr Tan Seng Giaw:** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa negara kita masih tidak mempunyai satu Piagam Wanita (Women's Charter) di mana segala hak-hak wanita demi kebajikan mereka dapat dimaktubkan; adakah wujud apa-apa rancangan untuk mengadakan suatu Charter dan apakah masalah-masalah yang telah melambatkannya sekian lama.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini negara Malaysia tidak memerlukan satu Piagam Wanita (Women's Charter) bagi menjaga hak-hak dan kebajikan wanita. Ini adalah kerana di negara ini tidak wujud diskriminasi di antara lelaki dan wanita dalam perkara-perkara yang berhubung dengan pekerjaan, pelajaran, kebajikan dan sebagainya.

Wanita di negara ini mempunyai taraf yang sama dalam segala bidang sama ada di sektor Kerajaan mahupun di sektor swasta. Malahan pengiktirafan kepada kepentingan

kaum wanita ini telah dicapai tanpa banyak tekanan daripada mana-mana pihak.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta kebenaran dulu. Nanti dulu - sila.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada ketika ini di seluruh negara kedengaran penyeksaan ke atas isteri-isteri oleh setengah-setengah suami dan pula mengenai harta suami yang meninggal dunia. Kalau isteri tidak mempunyai anak maka harta itu cuma 1/3 sahaja diberi kepada balunya. Dan sebaliknya sekiranya. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak membuat ucapankah atau hendak membuat pertanyaan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat mengetahui bahawa sekiranya isterinya meninggal, suaminya boleh mendapat semua harta yang ditinggal dan sebagainya.

**Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia telah ada undang-undang mengenai hak-hak wanita terutama di dalam perkara-perkara yang berhubung dengan perkahwinan dan kekeluargaan. Bagi wanita Islam ada Muslim Family Law, dan bagi wanita bukan Islam ada:

- (1) Law Reform (Marriage And Divorce) Act 1976;

- (2) Guardianship of Infant Act, 1961;
- (3) Distribution Act, 1958;
- (4) Inheritance (Family Provision) Act, 1971.

Saya sedar bahawa pembahagian harta sebanyak  $\frac{1}{3}$  kepada balunya itu adalah tertentu kepada orang-orang Cina dan ini sudahpun diperjuangkan dalam proses kelulusan. Dan bagi orang-orang Islam mengikut peraturan Faraid iaitu jika isteri ada anak dapat  $\frac{1}{8}$  kalau tidak ada anak  $\frac{1}{4}$ .

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu sama ada Kerajaan kita mengadakan satu Piagam Wanita disebabkan ugama Islam adalah ugama rasmi di negara kita dan mengatakan kedudukan lelaki dan perempuan adalah berbeza. Dan oleh sebab itu persamaan tidak boleh diberi kepada wanita.

**Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita mengamalkan nilai-nilai Islam dan ajaran Islamlah maka kaum wanita mendapat hak dan kedudukan serta taraf yang sama di antara lelaki dan wanita. Maka dengan sebab itu kita tidak perlu kepada charter atau sebagainya bahkan kita harus menggunakan beberapa module yang lain seperti:

- (1) perancangan nasional;
- (2) sikap masyarakat sendiri terhadap sexism;
- (3) kepimpinan;
- (4) kerjasama di antara organisasi-organisasi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di dalam bidang undang-undang kita tidak ada persamaan (equality) antara wanita dan isu ini ada selalu dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita di

tanahair kita, adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu Jawatankuasa Khas untuk menyemak semua undang-undang supaya di mana-mana ada ketidaksamaan atau tidak equality untuk wanita boleh dibetulkan.

**Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kesemuanya telah pun disiapkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan kita di mana Kerajaan telah pun menubuhkan satu badan yang dinamakan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (National Advisory Council on Integration of Women In Development) dalam tahun 1976. Badan ini terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri dan antara lain berhubung sebagai penyelaras, perundingan dan penasihat kepada Kerajaan dan di antara Kerajaan dengan pertubuhan-pertubuhan sekarela serta badan-badan Kerajaan bagi mempertingkatkan penglibatan wanita dalam proses pembangunan dan badan ini mempunyai biro-bironya yang telah diatur dan disusun dan akan menjalankan usaha-usahanya bagi tahun ini iaitu Biro Kesihatan, Biro Kekeluargaan, Biro Tenaga Manusia dan Pekerjaan, Biro Perundangan dan di antara rancangan yang akan dijalankan ialah seperti mencadangkan supaya diadakan Family Court dan lain-lain berhubung dengan perundangan berkenaan dengan wanita, Biro Penyelidikan dan Penyebaran Maklumat, Biro Pendidikan dan Latihan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghabisan, lelaki minta persamaan perempuan tidak minta pun, orang perempuan mempertahankan. (*Ketawa*)

**Tuan Sim Kwang Yang:** Soalan tambahan. Saya minta Timbalan

Menteri berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini adakah beliau sedar bahawa kelebihan, majoriti pekerja-pekerja di bidang perkhidmatan dan bidang industri elektronik adalah kaum wanita dan adakah Kerajaan menjalankan apa-apa kajian atau siasatan untuk memastikan bahawa mereka tidak ada dieksploitasikan.

**Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa NACIWID ada Biro Tenaga Manusia dan Pekerjaan dan Biro ini akan mengumpulkan data tenaga kerja dan pekerjaan wanita. Penerangan mengenai hak wanita dalam pekerjaan dibawah undang-undang buruh dan ketiga kami tidak akan mengabaikan tentang kewajipan terhadap anak-anak yang mana sepatutnya tanggungan ini di atas ayah atau orang lelaki, tetapi kami mengambil berat.

Ketiga, iaitu kajian kemungkinan menubuhkan creches di bawah kawasan-kawasan perindustrian sama ada oleh majikan atau majikan dan Kerajaan.

#### **USAHAWAN BUMIPUTERA— BANTUAN**

**2. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop**  
Majlis minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian:

- (a) sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (LKPM) di dalam usahanya membantu usahawan-usahawan bumiputera di dalam pembahagian modal dan juga pemberian projek-projek yang diluluskan untuk bumiputera berdasarkan pencapaian yang dikira sehingga akhir tahun 1983.

- (b) dalam jangkamasa tersebut (1983) apakah bidang-bidang industri yang telah diberikan kepada bumiputera dan berapa banyakkah modal yang telah dibayar.

**Timbalan Menteri Perusahaan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara tahun 1971 sehingga 1983, sejumlah 1,044 projek-projek milik Bumiputera telah diluluskan. Ini merupakan 17.7% daripada keseluruhan kelulusan yang diberikan kepada projek-projek perindustrian. Daripada 1,044 projek Bumiputera ini 210 merupakan projek-projek yang disertai oleh Perbadanan Milik Kerajaan di mana 76 darinya dipunyai sepenuhnya oleh Perbadanan-perbadanan ini dan baki 134 lagi dimiliki secara usahasama. Projek-projek yang disertai oleh pelabur-pelabur Bumiputera swasta berjumlah 834 buah projek di mana 251 adalah milik sepenuhnya oleh mereka dan bakinya, 583 pula merupakan usahasama. Jumlah cadangan modal dibayar di dalam projek-projek Bumiputera ini adalah \$2,746.9 juta di mana modal dibayar Perbadanan Milik Kerajaan adalah berjumlah \$1,951.9 juta, sementara jumlah cadangan modal dibayar oleh pelabur-pelabur Bumiputera swasta ialah \$795.0 juta.

Industri-industri yang diluluskan kepada pelabur Bumiputera lebih tertumpu kepada lima bidang dan mengikut susunan keutamaannya ialah, pengilangan makanan (160), barang-barang galian bukan logam (127), kayu dan barang-barang kayu (125), kimia dan barang-barang elektrik dan elektronik (75). Kelima-lima industri ini mempunyai cadangan modal dibayar berjumlah \$1,269 juta yang mewakili 46% dari cadangan modal dibayar yang berjumlah \$3,831.0 juta.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada jumlah projek-projek yang diluluskan kepada bumiputera dan kepentingan bumiputera berapakah yang sebenarnya telah beroperasi dan kedua, adakah kita sebenarnya mempunyai satu blue print terhadap penyertaan bumiputera di dalam perindustrian di dalam negara ini dan bolehkah juga diterangkan berhubung dengan industri berat adakah suatu dasar atau strategi Kerajaan bagi menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam industri berat ataupun kilang-kilang yang berhubungan dengan industri berat dan jika ada apakah setengah-setengah daripada jenis-jenis kilang-kilang ini yang dikenalpasti.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, angka tepat bagi jumlah syarikat yang beroperasi tidak dapat diperolehi kerana maklumat-maklumat ini tidak disampaikan oleh pihak pelabur-pelabur yang telah pun diluluskan oleh lesen tetapi mengikut peratusan purata nasional sebanyak lebih kurang 75% daripada lesen-lesen yang telah pun diluluskan menjalankan operasi.

Kedua, berkenaan sama ada Kerajaan mempunyai blue print tentang usaha-usaha untuk menggalakkan bumiputera meningkatkan pencapaian mereka dari segi bidang peindustrian, saya suka menyatakan bahawa pertamanya di dalam pengubalan pelan induk perindustrian negara yang sekarang ini sedang pun disiapkan, salah satu daripada faktor utama yang ditimbang dan ditekankan ialah usaha-usaha yang dapat kita jalankan, program-program dan strategi yang dapat disusun bagi menentukan di dalam

dasar perindustrian yang akan dijalankan itu bumiputera akan dapat bersama-sama secara aktif terlibat dalam program-program pembangunan perindustrian. Namun begitu, sebelum langkah ini diambil dan sebelum pelan induk perindustrian ini disiapkan pada tahun hadapan langkah-langkah telah pun diambil dari peringkat awalnya untuk memastikan bahawa seberapa banyak sokongan dan dorongan diberikan kepada sektor Bumiputera untuk terlibat dalam bidang perindustrian.

Pertamanya di dalam Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia iaitu MIDA kita telah pun membentuk satu Jawatankuasa Petugas terutamanya untuk mengenalpasti bidang-bidang perindustrian yang kita fikirkan boleh diberikan keutamaan kepada bumiputera. Di antara sektor-sektor yang diberikan penekanan dan keutamaan ialah dalam bidang memproses makanan.

Kedua, dari segi jangka pendek juga kita ada menawarkan beberapa bentuk galakkan sebagaimana yang dinikmati oleh para pelabur yang lain tetapi lebih daripada itu terutamanya terhadap pertimbangan untuk mendapatkan perlesenan dan ini setakat ini kita telah pun memberikan kemudahan-kemudahan kepada kaum bumiputera untuk mendapatkan lesen bagi mengilang barang-barang yang dimohon oleh mereka itu. Di mana yang boleh projek-projek bumiputera diberi galakan yang lebih tinggi daripada syarikat-syarikat dan projek-projek yang bukan bumiputera ataupun asing yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama.

Kedua, projek-projek bumiputera di dalam industri yang telah dianggap telah tertubuh masih diberi satu galakan cukai sekiranya ketika ini belum ada projek bumiputera ataupun

bilangan projek bumiputera adalah terlalu kecil dalam bidang yang berkenaan.

Soalan ketiga Ahli Yang Berhormat tadi ialah tentang dasar perindustrian negara berhubung dengan industri berat. Kita memang memandang berat tentang perkembangan penyertaan bumiputera dalam bidang industri berat sebagaimana yang telah pun diketahui dalam bidang ini beberapa projek-projek besar telah pun dijalankan ataupun sedang pun dilancarkan oleh Kerajaan sendiri sebagai pengasas atau pelopor dalam bidang industri berat termasuk dari segi pembuatan kereta nasional dan juga komponen-komponen kereta, dalam bidang industri berat seperti besi waja, minyak dan sebagainya dan dalam hal ini perkiraan memanglah diambil untuk menentukan bahawa kaum bumiputera tidak akan ketinggalan bahkan diberikan penekanan dan keutamaan untuk sama-sama terlibat dalam program perindustrian berat ini.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah benar pihak MIDA telah berhenti memberi taraf pioneer ataupun pioneer status pada kilang-kilang asing yang diwujudkan di kawasan industri di negeri yang lebih maju seperti Pulau Pinang. Kalau benar, apa sebab-sebabnya?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu kerana kita masih lagi memberikan kemudahan-kemudahan seperti ini berdasarkan beberapa kriteria-kriteria, kelayakan-kelayakan syarikat-syarikat memohon. Kalau syarikat-syarikat yang memohon itu umpamanya menggunakan satu kadar teknologi yang tinggi, yang sememangnya digalakkan oleh

Kerajaan kita akan terus memberikan pertimbangan untuk kemudahan-kemudahan seperti pioneer status ini diberikan kepada mereka itu.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang penghabisan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Timbalan Menteri tadi menerangkan daripada jumlah 1,044 industri, 210 masih lagi dimiliki oleh Kerajaan. Soalannya adakah Kementerian itu bercadang untuk menyerahkan 210 milik Kerajaan itu kepada Bumiputera, dan jika ada, bilakah masa dan tarikhnya?

Yang kedua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah Kementerian ini berpuas hati dengan angka-angka atau kemajuan yang telah diterangkan oleh beliau tadi dari segi pencapaian Dasar Ekonomi Baru yang diwujudkan oleh Kerajaan dan jika berpuas hati apakah asas-asasnya?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan pertama, memanglah diakui bahawa sebahagian besar daripada projek-projek dalam bidang perindustrian yang diiktirafkan sebagai Bumiputera masih lagi dipegang oleh agensi-agensi Kerajaan dan sebagaimana yang kita ketahui agensi-agensi Kerajaan adalah mewakili sebahagian besarnya kepentingan Bumiputera dan sudah menjadi dasar Kerajaan supaya syarikat-syarikat milik Kerajaan yang ada diswastakan atau diserahkan kepada Bumiputera pada masa-masa dan ketika-ketika yang difikirkan layak ataupun sesuai. Rancangan ini sedang pun berjalan dan akan terus berjalan, dan insya Allah saya percaya pada masa-masa ke hadapan semakin

banyak kaum Bumiputera akan mengambil bahagian atau mengambilalih syarikat-syarikat milik Kerajaan ini.

Kedua, tentang sama ada kita berpuas hati, kita belum berpuas hati kerana dari segi angka peratusan yang saya sebutkan tadi hanya 17.7% sahaja pencapaian kaum Bumiputera dalam bidang perindustrian dan sebahagian besarnya adalah dipegang oleh agensi-agensi yang mewakili kepentingan Bumiputera dan sebab itu penglibatan Bumiputera individu dan swasta masih lagi rendah. Dengan sebab itulah sebagaimana yang saya terangkan dalam soalan yang pertama tadi, saya mengatakan bahawa kita perlu mengambil langkah-langkah yang lebih tegas, yang lebih berkesan untuk memastikan kaum Bumiputera dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam bidang perindustrian. Dan sebagaimana yang telah pun saya jawab peringkat awal tadi langkah-langkah ini sedang pun diberikan dalam bentuk galakan, kemudahan-kemudahan dan saya percaya kalau ini dijalankan secara berterusan, insya Allah matlamat Dasar Ekonomi Baru akan tercapai.

### GURU SISWAZAH—BILANGAN MELEPASKAN JAWATAN

3. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai bilangan guru-guru siswazah yang melepaskan jawatannya untuk berkhidmat dengan universiti-universiti tempatan. Adakah kemasukan mereka ke universiti itu bertujuan untuk mendapatkan skim perkhidmatan yang lebih baik dan meninggalkan perkhidmatan perguruan yang kurang memuaskan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan guru-guru siswazah yang melepaskan jawatan

mereka untuk berkhidmat dengan universiti-universiti tempatan bagi tempoh dua tahun iaitu tahun 1982 dan 1983 adalah seperti berikut:

<i>Tahun 1982</i>	<i>Tahun 1983</i>
UKM — 8	UKM — 6
UM — 2	UM — 1
UPM — 1	UPM — 8
UTM — 7	USM — 2
	UTM — 5

Guru-guru siswazah yang dilepaskan untuk berkhidmat dengan universiti-universiti tempatan adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai ijazah-ijazah lanjutan dalam bidang-bidang yang tertentu dan sesuai berdasarkan keperluan tenaga pengajar di universiti-universiti. Tujuan mereka memasuki universiti-universiti tersebut adalah untuk mendapatkan pengalaman-pengalaman yang baru dan memberi syarahan dalam bidang pengkhususannya yang diperolehi setelah mereka mendapatkan pengalaman yang cukup di sekolah-sekolah biasa.

Memandangkan pusat-pusat pengajian tinggi adalah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran, maka adalah menjadi satu tanggungjawab Kementerian untuk membekalkan tenaga pengajar yang berkelayakan tinggi yang sesuai apabila diperlukan dari masa ke semasa oleh pusat-pusat pengkajian tinggi.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah guru-guru yang meninggalkan profesion perguruan untuk menjadi tenaga pengajar di universiti-universiti tempatan itu disebabkan mereka ingin mengejar gaji yang lebih tinggi ataupun kerana profesion perguruan ini terlalu menjemukan mereka dengan beban tugas yang terlalu berat? Jika sekiranya disebabkan mereka ingin mengejar gaji yang lebih tinggi, adakah Kerajaan

bercadang untuk mensekukan atau menyatukan skim perkhidmatan bagi guru-guru dan pensyarah-pensyarah di universiti-universiti tempatan?

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah pun jawab pada soal asas, guru-guru yang dipilih atau diberi tawaran sebagai pensyarah di universiti-universiti adalah oleh kerana mereka mempunyai ijazah lanjutan dalam bidang-bidang yang tertentu dan sesuai dan bukan oleh kerana mereka akan mendapatkan gaji yang lebih tinggi.

#### **GURU—KEKURANGAN DI SEKOLAH RENDAH/MENENGAH**

**4. Tuan Quah Wee Liam:** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengenai kedudukan kekurangan guru-guru sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia tahun ini dan apakah langkah-langkah akan diambil untuk mengatasi masalah ini pada tahun ini.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun 1984 ini terdapat sedikit kekurangan guru-guru terlatih di beberapa buah sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia, yang saya pun telah sebut di dalam Dewan yang mulia ini semalam. Walaupun begitu kekurangan ini telah dapat diatasi dengan mengambil semula guru-guru sandaran tanpa latihan.

Bilangan guru-guru siswazah terlatih di sekolah-sekolah menengah akan bertambah lagi apabila sebilangan lagi siswazah tamat kursus perguruan di universiti-universiti pada bulan April dan Ogos tahun ini.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri berkenaan, adakah beliau sedar pada tahun ini seorang guru yang tidak tahu

bahasa Mandarin telah dilantik menjadi Guru Besar di sebuah Sekolah Rendah Cina di Balik Pulau, Pulau Pinang. Adakah ini akibat masalah kekurangan guru-guru yang tersebut dan apa langkah Kerajaan ingin ambil untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat memberikan maklumat tertentu berkenaan hal ini, tetapi saya ingin menegaskan di sini seseorang guru yang diberikan kenaikan pangkat atau diberi jawatan sebagai Guru Besar bukan oleh sebab hanya dia ada pengalaman sahaja di dalam bahasa Mandarin, tetapi juga mengikut pengalaman beliau dan juga service beliau serta qualification dan lain-lain yang patut diberi pertimbangan.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah Kerajaan bercadang meninggikan gaji guru-guru sekolah rendah dan menengah atau melonggarkan syarat-syarat untuk menjadi guru-guru pelatih supaya terdapat cukup bilangan guru-guru yang terlatih.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi sekarang bukan masalah gaji, tetapi masalah kapasiti untuk melatih guru-guru di dalam maktab-maktab yang ada sekarang di negara kita ini. Oleh sebab itu, semalam saya pun telah menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka, Kementerian Pelajaran akan memulakan latihan semasa cuti (holiday training course) untuk guru-guru pada bulan Disember tahun ini.

#### **KUMPULAN ANTI-NASIONAL OLEH PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI**

**5. Dr Koh Tsu Koon:** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau

sedar bahawa pengumuman-pengumuman oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan baru-baru ini yang menegaskan bahawa pelajar-pelajar kita yang belajar di luar negara, khasnya, pemegang-pemegang biasiswa Kerajaan, akan dihantar balik ke Malaysia jika didapati terlibat dalam “kumpulan-kumpulan antinasional” dan “kegiatan-kegiatan menentang serta mengkritik Kerajaan” telah mengakibatkan kekeliruan dan perasaan khuatir di kalangan pelajar-pelajar serta rakyat umum. Apakah jenis komen dan kritikan yang dianggap sebagai “anti-Kerajaan” atau “anti-nasional”. Bagaimanakah Kerajaan boleh memastikan bahawa sebarang tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berasaskan kepada maklumat-maklumat yang betul serta adil kepada pelajar-pelajar dan supaya tindakan-tindakan ini tidak menyekat pembangunan intelek dan politik di kalangan pelajar kita yang merupakan bakal pemimpin-pemimpin negara kita pada masa depan.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan oleh Kerajaan seperti yang telah diumumkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah lengkap untuk mengetahui kedudukan dasar Kerajaan akan hal ini dan mana anti-Kerajaan atau antinasional adalah ditujukan kepada segolongan pelajar militan yang ingin menggulingkan Kerajaan secara kekerasan.

Untuk menentukan keadilan, tindakan dibuat adalah hasil dari laporan-laporan yang akan disiasat dengan teliti sebelum dihantar 'surat tunjuk sebab' untuk meminta pelajar memberi penjelasan. Tindakan ini tidak menyekat pembangunan intelek dan politik di kalangan pelajar kita kerana Kerajaan tidak pernah dan tidak akan mencegah para pelajar Malaysia di seberang laut membawa

kritikan yang membina. Sebaliknya para pelajar adalah digalakkan membuat kritikan walaupun pahit dan Kerajaan akan terima dan di mana difikirkan menasabah akan digunakan sebagai pandangan yang boleh dijadikan panduan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam beberapa hari yang lepas Dewan yang mulia ini dapat diberikan oleh Menteri-menteri bahawa ada murid-murid dan pelajar-pelajar luar negeri yang militan yang mahu menjatuhkan Kerajaan kita secara revolusi. Apa yang saya mahu tahu ialah apa bukti boleh diberikan oleh Kerajaan untuk menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti yang tidak dikehendaki adalah wujud.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah dengan jelasnya menjawab soalan asas, iaitu jikalau adalah golongan murid-murid yang mengambil peranan di dalam aktiviti anti-nasional ini kita akan siasat dengan teliti dan majoriti murid-murid di luar negeri tidak terlibat dalam aktiviti begini dan mereka sentiasa ada hubungan baik dengan wakil Kementerian melalui Student's Department di semua negeri-negeri di mana kita ada pelajar-pelajar di sana.

#### **SYARIKAT SPORTS TOTO MALAYSIA SDN. BHD.—PERANAN**

**6. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah peranan yang dimainkan oleh Syarikat Sports Toto Malaysia Sdn. Bhd., bagi kemajuan arena kesukanan di negara kita; dan
- (b) apakah jenis sumbangan dan bantuan yang kini diberi oleh Syarikat Sports Toto Malaysia Sdn. Bhd. kepada Tabung

Amanah Sukan yang  
dikelolakan oleh pihak  
Kementerian.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang di-Pertua, Sports Toto Malaysia Sendirian Berhad adalah sebuah syarikat telah ditubuhkan pada bulan Februari, 1969 di bawah Akta Syarikat, 1965.

Salah satu objektif yang telah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah Syarikat ialah untuk mendapatkan wang bagi kemajuan sukan dan pembangunan kebudayaan tanahair. Selaras dengan peranan ini, Sports Toto Malaysia Sendirian Berhad telah mengeluarkan sumbangan kewangan bagi menggalak dan memajukan sukan melalui 3 cara, iaitu sumbangan derma, penajaan dan iklan.

(b) Nama Tabung amanah Sukan yang dimaksudkan ialah Kumpulanwang Sukan Negara yang telah ditubuhkan di bawah seksyen 9, Akta Majlis Sukan Negara, 1971. Semenjak tahun 1983, Syarikat Sports Toto Malaysia Sendirian Berhad mengeluarkan sumbangan kepada Kumpulanwang Sukan Negar daripada keuntungan perniagaannya. Jumlah sumbangan yang diberi adalah mengikut keperluan tahunan dan mengikut jumlah keuntungan. Pada tahun lepas, sebanyak \$5 juta telah diberikan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta hendak tahu sahaja Sports Toto ini adakah satu jenis sukan atau pun satu jenis perjudian?

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Syarikat Sports Toto adalah satu syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 1968. Oleh itu, boleh dikatakan itu bukan satu judian.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Memandangkan

Kerajaan sekarang menyerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan, adakah perjudian Toto ini berbanding dengan nilai-nilai Islam? (*Ketawa*).

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak ada kuasa langsung dalam hal ini. Sebenarnya Syarikat Sports Toto adalah di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri, oleh yang demikian adalah lebih sesuai soalan ini ditujukan kepada Jabatan Perdana Menteri (*Ketawa*).

**Tuan Sim Kwang Yang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini adakah beliau sedar bahawa satu masalah yang besar dihadapi oleh ahli-ahli sukan adalah kekurangan fasiliti—kemudahan untuk latihan dan pelatih-pelatih yang layak. Jika ya, apa rancangan yang telah dibuat untuk memastikan masalah itu dapat diatasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada fikiran saya itu tak bersangkut. Yang ditanya ini ialah berkenaan Syarikat Toto sama ada bantuan diberi kepada Tabung Amanah Sukan atau tidak.

#### PERBADANAN PERKAPALAN ANTARABANGSA MALAYSIA— KERUGIAN

**7. Datuk Leonard Linggi anak Jaguh** minta Perdana Menteri menyatakan kerugian untuk tempoh tiga tahun yang lepas bagi Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia dan sebab-sebabnya jika ada.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, MISC telah mengalami kerugian hanya dalam tempoh 2 tahun yang lalu sahaja, iaitu tahun 1982 dan 1983. Bagi tahun 1983, kerugian sebelum diaudit ialah lebih kurang \$35 juta, sementara kerugian

dalam tahun 1982 ialah \$59.9 juta. Bagi tahun-tahun sebelumnya, iaitu 11 tahun sebelumnya, MISC sentiasa memperoleh keuntungan setiap tahun, kecuali tahun 1970 dan 1971.

Sebab-sebab utama Perbadanan ini mengalami kerugian dalam tahun 1982 dan 1983 adalah seperti berikut:

- (1) Perbadanan ini telah mengalami kejatuhan hasil disebabkan kemerosotan pasaran tambang akibat kemelesetan ekonomi yang menyebabkan keadaan lebih keupayaan muatan dalam industri perkapalan, bukan sahaja di rantau sini tetapi di seluruh dunia sebenarnya. Terdapat juga beberapa buah kapal Perbadanan yang tidak digunakan pada masa-masa tertentu disebabkan oleh industri perkapalan tidak begitu giat dan tidak begitu bergerak di masa kemelesetan.
- (2) Walaupun pada keseluruhannya hasil berkurangan, namun demikian kos masih terus berada di paras yang tinggi. Sungguhpun terdapat pengurangan dalam kos tak tetap selaras dengan kejatuhan hasil, sebaliknya kos tetap telah bertambah.

Kos tetap adalah sebahagian besarnya terdiri dari kos menjalankan kapal, susat nilai dan belanja pembiayaan kewangan. Kos-kos ini bertambah oleh kerana kenaikan premium insuran, tambahan kapal-kapal baru dan belanja urusan pinjaman.

Ketiga, kerugian sebelum diaudit bagi tahun 1983 adalah lebih rendah daripada tahun 1982 kerana sumbangan daripada operasi kapal-kapal tangki gas cecair ataupun LNG tankers, dengan izin, dan juga hasil dari langkah-langkah pengurangan kos yang dijalankan oleh perbadanan

tersebut. Dua daripada kapal-kapal LNG telah diguna khidmat dalam tahun 1983, sebuah pada bulan Januari 1983 dan sebuah lagi pada bulan Oktober, 1983.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Menteri yang berkenaan tadi beliau ada mengatakan MISC ada mengalami kerugian yang terus diakibatkan oleh sebab-sebab yang tertentu. Soalan saya yang pertama ialah berapakah jumlah pelaburan MISC pada masa sekarang; kedua, kalau kerugian ini berlanjutan, adakah pihak berkuasa bercadang untuk memberhentikan MISC ini oleh sebab kerugian ini makin bertambah dan akan menjadi teruk dan pihak yang berkuasa mungkin tidak ada kemampuan untuk menampung kerugian ini; dan ketiga, apa tujuan untuk mengadakan satu perbadanan yang selalu mengadakan kerugian, adakah ini oleh sebab prestige sahaja?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama iaitu jumlah pelaburan, saya mohon maaf kepada Ahli Yang Berhormat kerana saya tidak teringat pada ketika ini jumlah pelaburan itu tetapi saya boleh bagi secara bertulis. Walau bagaimanapun MISC mempunyai 45 buah kapal pada ketika ini.

Bagi menjawab soalan yang kedua untuk menghentikan atau menutup MISC, saya rasa soal ini tidak timbul oleh kerana seperti yang saya terangkan tadi dalam tahun-tahun yang lebih awal iaitu selama 10 tahun MISC telah membuktikan prestasi yang baik yang telah memberi sumbangan kepada negara dari segi keperluan perkapalan kebangsaan ataupun national sea carrier, dengan izin, bagi negara ini dan mendapat keuntungan di dalam satu dasawarsa atau satu dekad. Jadi, saya rasa kalau ditimbang dua tahun yang lalu dengan prestasi

MISC selama satu dekad yang lalu itu barangkali Ahli Yang Berhormat saya fikir bersetuju bahawa kemuskilan dan kerumitan MISC pada ketika ini bukanlah disebabkan olehnya sendiri sahaja tetapi disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia dan perniagaan perkapalan di seluruh dunia pada ketika ini. Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa keadaan di dalam doldrum ataupun keadaan di dalam kemelesetan perdagangan perkapalan di seluruh dunia ini sedang beransur pulih menjadi baik pada ketika ini; dan adalah diramalkan bahawa dalam satu, dua tahun yang akan datang shipping ataupun perkapalan akan menjadi lebih lagi berkemungkinan mendapat keuntungan, pulih semula dan sebagainya.

Yang ketiga, apa tujuan mendirikan perbadanan-perbadanan yang rugi, jawabnya semasa Kerajaan menubuhkan satu perbadanan dia tidak mengetahui dengan pastinya sama ada perbadanan itu akan rugi, dia mengharap sentiasa akan untung.

### **BAHASA MALAYSIA STANDARD—PENGGUNAAN**

**8. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan bahawa RTM sedang berusaha ke arah penggunaan Bahasa Malaysia yang standard yang menggunakan bunyi kata atau sebutan berdasarkan kepada fonetik atau bunyi vokalnya, adakah usaha ini telah terlebih dahulu dirujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mendapatkan nasihat dan kemajuan yang dibuat ke arah ini.

**Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Jemaah Menteri yang bersidang pada 18hb Januari, 1984 telah bersetuju cadangan Kementerian Penerangan

untuk berusaha meningkatkan penggunaan Bahasa Malaysia Standard sebagai satu usaha positif mendaulatkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Negara.

Kementerian saya akan menggunakan saluran medianya, terutama sekali Radio dan Televisyen Malaysia, untuk menggerakkan usaha-usaha murni ini. Sayugia diingatkan bahawa RTM dan alat-alat media Kementerian Penerangan yang lain seperti Filem Negara Malaysia dan Jabatan Penerangan hanya merupakan Agensi Pelaksana sahaja. Badan yang diperuntukkan kuasa undang-undang untuk memutuskan apa juga dasar Bahasa Kebangsaan ialah Dewan Bahasa dan Pustaka, satu agensi di bawah Kementerian Pelajaran.

Langkah pertama ke arah pendaulatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan bagi Kementerian saya ialah untuk mengaturnya kempen-kempen Penggunaan Bahasa Malaysia Standard; kedua, menghantar pegawai-pegawai Kementerian berkursus dan ketiga, mengadakan rancangan-rancangan khas di Radio dan Televisyen seperti Rancangan Bimbingan Bahasa Malaysia Standard di Televisyen yang akan bermula sebulan dua ini dan lain-lain rancangan yang akan difikirkan, kalau mungkin siri khas seperti "Mind Your Language" untuk mempopularkan penggunaan Bahasa Malaysia Standard dan seterusnya di peringkat yang terakhir ialah amalan oleh RTM sendiri dalam menggunakan Bahasa Malaysia yang betul.

Satu kaedah Kawalan Mutu Bahasa Standard perlu juga diwujudkan dengan mengadakan satu Bahagian Khas di Kementerian saya yang akan dinamakan Bahagian Peningkatan dan Kawalan Mutu Bahasa Malaysia Standard sehingga satu hari nanti

Bahasa RTM akan menjadi pengukur kepada Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Negara.

Rancangan untuk menentukan perkembangan Bahasa Negara sebagai alat Pembangunan Negara yang penting didorong oleh keyakinan terhadap perlunya tekanan terhadap bahasa sebagai ciri penting dalam merangka Dasar Komunikasi Negara. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik sedutan dari Communication Monograph No. 3 Perspective in Communication Policy and Planning terbitan East-West Centre—yang bertajuk “Language, Nationhood and Communication Planning in the Case of a Multilingual Society”.

Karl. W. Deutsch dalam satu pendedahan teorinya mengenai peranan komunikasi dalam pembangunan negara, telah menyarankan bahawa bahasa dan kenal huruf (literacy) adalah ciri-ciri penting dalam komunikasi dan mobilisasi masyarakat, yang sesungguhnya menjadi ukuran yang terpenting dalam pembangunan negara. Beliau berjaya menunjukkan bahawa komunikasi adalah amat pokok dalam membentuk satu bangsa, satu masyarakat, satu “nationality” dan kadar asimilasi linguistik adalah petunjuk kepada kemampuan berkomunikasi (berinteraksi) yang justru menentukan tahap perpaduan atau sebaliknya perpecahan negara.

Dalam conceptualization Deutsch itu nyatalah dalam masyarakat berbilang bahasa, bahawa kedua-dua perancangan bahasa dan perancangan komunikasi adalah pokok kepada pembangunan negara atau kehancurannya, kedua-duanya amat saling gantung bergantung bahkan sesungguhnya tidak boleh dipisahkan “ibarat kembar siam”.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya penulisan itu telah mengkaji Singapura sebagai satu kes di mana

Kerajaannya mempunyai dasar berbilang bahasa dengan latar-belakang berbilang kaum di mana Cina 76%, Melayu 15%, India 7% dan lain-lain 2%.

Kalau diizinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya petik sorotannya dalam bahasa Inggeris seterusnya, dengan izin:

“The fact that English is utilized as the working language in the political, bureaucratic and socio-economic systems serves two important functions in Singapore. In the short run the use of English, a non-native language, means that all ethnic groups have relatively equal access to the national system and equal opportunities to gain social mobility.”

“As a compromise among the three major and potentially competitive ethnic communities, the leaders of Singapore decided at the time of independence in 1965 that there would be four official languages in the new Republic. Malay, Mandarin (for Chinese), and Tamil were selected to represent the three ethnic cultural traditions in Singapore; and English was selected because of its international status and Singapore’s colonial background. Of the four, Malay was designated the national language, reflecting both the historical and geographical position of the island-state and performing a role that is more ceremonial than functional. The official language policy of Singapore can best be described as multi-lingualism or linguistic pluralism”.

Ini bermakna bahawa bahasa-bahasa lain tidak berkubur sehingga perlunya kempen penggunaan bahasa Mandarin besar-besaran untuk menandingi perkembangan bahasa Inggeris-tidak

pula dinyatakan bagaimana untung nasibnya Bahasa Melayu di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Bahasa Melayu yang sudah dijadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Negara kita mahu hidup terus dan berkembang sebagai bahasa ilmuan dan juga *lingua franca* maka pengalamannya oleh media terpenting negara perlu mendapat sokongan.

Untuk beberapa waktu, orang Kedah tetap menyebut "mereka" sebagai "depa" orang Melaka menyebut "ular" sebagai "ulau", orang Parit dan Bota "apa" sebagai "ape", orang Trengganu "jalan" sebagai "jalang" dan Kelantan "Tuhan" sebagai "Tuhe".

Bagaimanapun 1,000 tahun lagi insya Allah Tamaddun Malaysia akan subur dipupuk oleh RTM serta dirancangkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan bahasa yang mampu membawa pemindahan teknologi ke dalam negara ini, kalau kesedaran mendaulatkannya wujud dari sekarang dengan perubahan-perubahan yang tidak dapat dielakkan berlaku sebagai bahasa yang hidup dengan istilah idea-idea baru dan teknologi baru dan sebagainya.

RTM tidak dapat melaksanakan dasar bahasa kalau tiada kuasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dan sokongan daripada rakyat.

**Tuan Mokhtaram bin Rabidin:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri Penerangan telah menyatakan beberapa contoh loghat bahasa daerah. Jadi saya ingin bertanya, untuk membentuk satu bahasa Melayu standard yang sebenar, loghat atau loghat-loghat yang manakah yang hendak diambil kira?

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa standard iaitu Dewan Bahasa akan menekankan kepada dasar-dasar linguistic secara saintifik

iaitu menentukan hukum-hukum fonem kepada vokal-vokal dan sebagainya, kecuali mungkin vocal 'a' yang hujung itu agaknya masih kekal sebagai 'e' atau 'e'. Itu terpulang kepada perkembangan seterusnya yang sehingga hari ini nampaknya belum diputuskan oleh Dewan Bahasa dari segi vocal 'a' yang akhir itu.

Tetapi di dalam masalah istilah-istilah serapan telah ditetapkan mengikut ejaan-ejaan baharu berdasarkan kepada perjanjian-perjanjian rasmi Kerajaan dengan negara Indonesia di mana ada Jawatankuasa Tetap Istilah bersama dan juga ejaan bersama yang telah dimeteri.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang diberi oleh Menteri berkenaan adalah panjang angin atau pun 'long-winded'. Dan saya mahu tahu sama ada beliau mempelajari 'the art of answering question', dengan izin, daripada satu rancangan RTM iaitu 'Yes Minister' (*Ketawa*).

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Mohd. Adam:** Tidak timbul, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, adakah terdapat hubungan timbalbalik ataupun hubungan yang erat di antara Radio dan Televisyen berhubung dengan Jawatankuasa Pengkaji Istilah Bahasa Malaysia di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka dari sudut penggunaan Bahasa Malaysia standard. Kalau ada, mengapakah kadangkala masih terdapat kalangan-kalangan tertentu, misalnya, penyanyi-penyanyi yang menyalahbunyikan perkataan-perkataan misalnya dalam iklan Amanah Saham Nasional dibunyikan "Amanah Saham Nashional", bukan "Amanah Saham Nasional".

Yang keduanya, adakah RTM mengawal para pengiklan dari sudut

tata bahasa dan juga bunyi perkataan-perkataan sebelum iklan-iklan tersebut disiarkan.

Dan yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam jawapannya tadi, misalnya, asimilasi, interaksi, integrasi, inculturasi, akulturasi dan banyak 'si', 'si' yang lain, adakah istilah-istilah ini telah pun diluluskan oleh Jawatankuasa Pengkaji Istilah Dewan Bahasa dan Pustaka. Dan jika sekiranya ada, mengapakah perkataan-perkataan ini hanya sering digunakan oleh para akademik dan tidak digunakan keseluruhannya oleh rakyat biasa?

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, dalam penggunaan bahasa ini ada dua peringkat. Peringkat tabii dan peringkat idealnya. Dan pada hari ini kita telah mngikuti arus tabii. Tidak dengan meletakkan ukuran idealnya, maka itulah sebabnya seperti saya katakan tadi dalam jawapan tadi, Kementerian Penerangan sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar bahasa yang telah dirumuskan oleh Dewan Bahasa itu supaya dasar itu akan menjadi kenyataan, tidak hanya menjadi dasar dan tersimpan dalam Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tidak ada pengamalan dan pengamatan sehingga Bahasa Malaysia boleh hidup untuk memindahkan, dengan izin, istilah rasmi iaitu pemindahan teknologi ke negara kita melalui bahasa ilmuwan iaitu bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmuwan dan ini adalah pandangan-pandangan daripada ahli-ahli bahasa sendiri dalam masalah ini.

Dan dalam pembentukan ataupun pengawalan seperti penggunaan bahasa dan juga iklan dan sebagainya, ini tergantung setelah susunan pentadbiran dapat dibuat seperti yang saya kata tadi, cadangan untuk

pembentukan satu bahagian khas, iaitu Bahagian Peningkatan dan Kawalan Mutu Bahasa Malaysia Standard di RTM sendiri. Dan baharulah kita dapat laksanakan kerana di situlah nanti ada pakar-pakar bahasa untuk menasihatkan penggunaan bahasa yang betul dan saya juga tidak menyatakan bahawa bahasa-bahasa serapan yang saya gunakan itu ialah bahasa yang telah dipersetujui oleh Dewan Bahasa, kerana seperti kita tahu bahasa itu hidup dan khazanah bahasa akan bertambah dengan keberanian kumpulan-kumpulan contoh untuk menggunakan istilah-istilah baharu yang akhirnya akan dipopularkan dan menerap dan hidup dalam bahasa itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Paduka Zaleha binti Ismail.

*(Soalan No. 9 Y.B. Datin Paduka Zaleha binti Ismail tidak hadir).*

### STPM—KERTAS PEPERIKSAAN BOCOR

**10. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil siasatan ke dalam kebocoran kertas-kertas peperiksaan bagi Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), dan apakah langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk menghalang kebocoran kertas-kertas peperiksaan di masa hadapan.

**Dato' Dr Tan Tiong Hon:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang sama telah disampaikan di Dewan yang mulia ini pada 13hb Mac ini bagi menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Keluang.

**Tuan Lee Lam Thye:** *(Bangun).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa haribulan Yang Berhormat?

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** 13hb Mac.

**Tuan Yang di-Pertua:** 13hb Mac?

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Ya, 13hb Mac.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak berbangkit pada 13hb Mac di dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya sendiri tidak ingat pada 13hb Mac.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Baiklah Yang Berhormat. Siasatan dalam kes kebocoran kertas-kertas soalan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia tahun 1983 masih belum lagi diselesaikan.

Pihak Polis sedang meneruskan penyiasatan tentang kes tersebut. Disamping itu Majlis Peperiksaan Malaysia juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji kebocoran itu.

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menyiasat sebab-sebab kebocoran disamping membuat perakuan untuk menjamin tidak berulang lagi peristiwa seumpama ini.

Pada peringkat ini, Kementerian saya belum lagi dapat mengumumkan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah kebocoran kerana penyiasatan Polis belum selesai dan Jawatankuasa yang mengkaji kebocoran sedang menyiapkan laporan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa satu kajian sedang dibuat oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk menentukan bahawa kebocoran kertas-kertas peperiksaan tidak akan berulang lagi, tetapi tadi beliau ada mengatakan pula perkara ini diserahkan kepada pihak Polis, bukankah ini bererti bahawa Jawatankuasa pihak Kementerian Pelajaran sebenarnya masa ini tunggu sahaja tidak buat apa-apa kajian oleh kerana tidak tahu apa punca

kebocoran. Kalau begitu kenapa tubuhkan satu Jawatankuasa apabila tidak ada kerja?

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tak dengar apa yang saya sebutkan bukan Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran tetapi yang ditubuhkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia dan kita akan tunggu laporan dari Majlis itu dan berkenaan penyiasatan Polis, mereka perlu mengambil masa. Kita harap tak lama lagi kita akan dapat laporan dari pihak yang berkenaan.

#### MINYAK MASAK— KENAIKAN HARGA

**11. Tuan Lim Liang Seng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa isu kekurangan minyak makan yang mengakibatkan harganya melambung tinggi dengan dahsyatnya baru-baru ini adalah berpunca dari ketiadaan pengawasan (monitoring) yang sempurna oleh pihak Kementerian dan Agensi Kerajaan seperti Porim yang seharusnya mengetahui dari awal lagi kekurangan pengeluaran kelapa sawit dan minyak kelapa sawit serta soal 'forward selling' yang telah berlaku pada keseluruhannya di negara kita:

- (a) jika tidak sedar, apakah sebabnya;
- (b) jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mencegah keadaan seumpama itu dari berulang lagi pada masa-masa akan datang.

16.3.84

**18. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian

menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga minyak masak telah naik dan sama ada kenaikan ini telah disetujui oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan apakah tindakan yang diambil untuk mengawal kenaikan harganya.

26.3.84

**11. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah perkara-perkara yang menyebabkan kenaikan barang-barang keperluan harian baru-baru ini terutamanya minyak masak. Mengapakah pihak Kementerian lambat bertindak bagi mengawal kenaikan harga barang-barang itu. Apakah langkah-langkah lanjut yang diambil oleh Kementerian bagi mengelakkan keadaan seperti itu tidak berlaku lagi.

30.3.84

**12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah keupayaan semua kilang minyak masak seluruh negara boleh menapis/mengeluarkan minyak masak untuk keperluan pengguna-pengguna bagi tahun 1983. Nyatakan kedudukan harga minyak itu secara terperinci bagi tahun itu dan bagi bulan Januari dan Februari, 1984. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan bahawa bekalan minyak masih mencukupi.

30.3.84

**27. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan cadangan beliau untuk menjadikan minyak masak suatu barang terkawal memandangkan kepada harga barang tersebut yang melambung.

2.4.84

**8. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa

peratuskah harga minyak masak telah naik sejak satu tahun yang lalu dan memandangkan minyak masak adalah bahan keperluan harian dan digunakan oleh tiap-tiap keluarga setiap hari di seluruh negeri kita, sama ada minyak masak akan dijadikan barangan kawalan.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, isu kenaikan harga minyak masak telah menarik perhatian ramai. Malahan setakat ini ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini telah membangkitkan soalan-soalan berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama 5 soalan lain iaitu yang dikemukakan oleh Ahli dari Batang Padang pada 16hb Mac, 1984; Yang Berhormat dari Ulu Muda pada 26hb Mac, 1984; Yang Berhormat dari Jelutong dan Yang Berhormat dari Bacok kedua-duanya pada 30hb Mac, 1984; dan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pada 2hb April, 1984 kerana kesemuanya soalan ini mempunyai pokok persoalan yang serupa.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia pada tahun 1983 ialah 3.02 juta tan metrik berbanding dengan 3.5 juta tan metrik pada tahun 1982 iaitu pengurangan sebanyak 0.48 juta tan metrik atau 13.7%. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- (a) keadaan 'stress' ke atas pokok-pokok dari kesan pendebungan kumbang weevil (weevil pollination) yang mendatangkan hasil pengeluaran yang tinggi dalam tahun 1982;
- (b) kemarau pada awal tahun 1983 dan kemudiannya banjir pada bulan Disember 1983 hingga Februari 1984 yang melanda

kawasan-kawasan utama penanaman kelapa sawit seperti Pahang dan Johor;

- (c) harga kelapa sawit yang rendah dari bulan Julai 1982 sehingga bulan Julai, 1983.

Pengurangan pengeluaran minyak kelapa sawit mentah pada tahun 1983 walau bagaimanapun tidak menjejaskan bekalan minyak masak yang dianggarkan kira-kira 200,000 tan metrik setahun. 90% dari keperluan ini adalah dari sumber minyak kelapa sawit dan bakinya dari lain-lain minyak seperti kelapa, minyak kacang tanah, minyak jagung dan lain-lain.

Pengurangan pengeluaran minyak kelapa sawit ini pula berlaku semasa penawaran minyak dan lemak dunia berkurangan pada keseluruhannya sebanyak 2 juta tan metrik. Ini disebabkan terutamanya oleh kemerosotan pengeluaran bijian untuk membuat minyak (oil seeds) seperti kacang soya, biji bunga matahari di Amerika Syarikat, biji bunga matahari di Mesir, kacang tanah di Amerika Latin, kelapa di Filipina dan Indonesia dan 'rapessed' di negeri EEC. Faktor-faktor ini semua telah menyebabkan harga minyak kelapasawit meningkat.

Berdasarkan harga purata yang diniaga (average price traded), harga minyak kelapasawit mentah pada bulan Jun 1983 ialah \$809 setan metrik dan ini meningkat kepada \$1,412 setan metrik pada bulan Disember, 1983 dan seterusnya kepada \$2,121 setan metrik pada bulan Januari, 1984 iaitu kenaikan kira-kira 162% jika dibandingkan harga pada bulan Januari, 1984 dengan harga pada bulan Januari, 1983. Harga minyak kelapa sawit mentah tertinggi yang diniaga ialah \$2,825 setan metrik pada 20hb Januari, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kenaikan harga minyak kelapa sawit

ini, harga minyak masak juga telah naik. Minyak masak ini banyak pengeluar dan jenamanya dan dengan yang demikian harganya adalah berbeza-beza di antara pengeluar-pengeluar, jenama-jenama, kawasan-kawasan dan kedai-kedai. Walau bagaimanapun, kenaikan harga minyak masak paling ketara mulai bulan Januari, 1984 dalam mana didapati harga telah naik satu kali ganda dibandingkan dengan harga pada pertengahan tahun 1983. Memandangkan kepada keadaan ini dan kemungkinan harga akan terus berubah secara leluasa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan bantuan lain-lain Kementerian dan Agensi Kerajaan, telah menubuhkan Jawatankuasa *ad hoc* untuk mencari jalan dan kerjasama supaya kenaikan harga minyak masak dapat diredakan. Jawatankuasa Ad-Hoc ini akan terus menjalankan tugasnya untuk:

- (i) memastikan bekalan minyak masak dalam negara sentiasa mencukupi memandangkan barang ini adalah barang yang di kawal bekalannya di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961;
- (ii) memastikan perubahan-perubahan harga minyak masak berlaku secara beransur-ansur jika kenaikan harga tersebut tidak dapat dielakkan akibat dari perubahan-perubahan harga bahan mentah dan lain-lain kos pengeluaran dan pengedaran;
- (iii) menimbangkan cadangan-cadangan yang diterima dari pelbagai pihak. Di antara cadangan-cadangan yang telah di terima ialah kawalan harga; packing yang seragam; dan pengeksporth-pengeksporth dikenakan kuota untuk membekal dalam pasaran dalam negeri. Semua cadangan-cadangan yang

diterima akan dikaji dengan teliti supaya apa-apa keputusan yang dibuat tidak menimbulkan kesan-kesan negatif dari segi bekalan dan harga, pasaran eksport dan kedudukan negara sebagai pengeksport minyak kelapa sawit dan minyak sayur yang penting di dunia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 12 hingga 35 adalah diberi di bawah ini).*

#### **SYARIKAT KREDIT DAN PEMBERISEWAAN (CREDIT AND LEASING COMPANIES)**

**9. Datin Paduka Zaleha binti Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah langkah Kementerian mengawal institusi dan syarikat pinjaman wang (credit) and leasing Co. dan money lenders) dari mengenakan faedah lebih tinggi dari faedah yang rasmi ditetapkan oleh Kerajaan.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tidak ada undang-undang atau peraturan-peraturan yang khusus ke atas syarikat-syarikat kredit dan pemberisewaan (credit and leasing companies). Walau bagaimanapun jika syarikat-syarikat tersebut menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pinjaman sewa-beli (hire-purchase finance), mereka adalah dikawal di bawah Akta Sewabeli 1967 yang ditadbirkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Bagi syarikat-syarikat yang terlibat dalam urusan pinjaman wang pula (money lending) mereka adalah tertakluk kepada Ordinan Pemberi Pinjam Wang 1975

yang ditadbirkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di bawah Undang-undang tersebut Kerajaan telah menetapkan kadar-kadar faedah yang boleh dikenakan. Bagi pinjaman sewabeli, kadar faedahnya hendaklah tidak melebihi 10% manakala bagi pinjaman wang, kadar faedah ialah 12% untuk pinjaman bercagar dan 18% untuk pinjaman tidak bercagar.

Kerajaan sentiasa mengawasi syarikat-syarikat tersebut supaya mematuhi undang-undang yang ditetapkan itu. Di samping itu, kerjasama orang ramai adalah diperlukan untuk melaporkan mana-mana syarikat-syarikat yang telah melanggar undang-undang tersebut untuk membolehkan Kerajaan mengambil tindakan sewajarnya ke atas syarikat-syarikat yang berkenaan.

#### **KONTRAK BEKALAN KEPADA BUMIPUTERA**

**12. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dasar keutamaan bekalan mengikut Arahan Perbendaharaan 7/74 tidak banyak dapat membantu peniaga-peniaga Bumiputera.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Mengikut rekod Kementerian Kewangan Surat Pekeliling Bilangan 7/1974 telah berjaya di dalam memupuk perkembangan usahawan Bumiputera khususnya melalui perolehan Kerajaan. Hasil dari Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7/1974 banyak Syarikat-syarikat Bumiputera telah mendapat kontrak-kontrak bekalan khususnya bagi kontrak yang bernilai \$5.0 juta ke bawah dimana pada tahun 1982 Kontraktor-kontraktor Bumiputera telah mendapat kontrak bekalan Kerajaan sejumlah \$475.76 juta

(59.27%) berbanding dengan sebanyak \$79.53 juta (11.87%) dalam tahun 1973 iaitu sebelum Surat Pekeliling Perbendaharaan berkenaan dikeluarkan. Dari angka-angka ini adalah jelas bahawa tanpa Surat Pekeliling Perbendaharaan berkenaan, Kontraktor Bumiputera harus tidak akan mencapai ketahap sekarang khususnya di dalam kontrak Kerajaan.

Di bawah Surat Pekeliling ini juga telah ditentukan bahawa sekurang-kurangnya 30% daripada nilai kontrak kerja pula dikhaskan kepada Bumiputera sahaja. Hasil dari Surat Pekeliling ini pada tahun 1972 kontrak-kontrak berjumlah \$186.02 juta (47.16%) telah dimenangi oleh Syarikat-syarikat Bumiputera berbanding dengan \$51.2 juta (24.64%) sahaja dalam tahun 1973 iaitu sebelum Surat Pekeliling Perbendaharaan berkenaan dikeluarkan.

### PELAJAR PRA-UNIVERSITI DI SEBERANG LAUT

**13. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar yang dihantar oleh Kerajaan dan lain-lain agensi Kerajaan ke (i) Australia (ii) lain-lain negara untuk pelajaran pra-Universiti dengan menghuraikan negara-negara berkenaan dan sama ada Kerajaan akan dalam masa akan datang, menyediakan pelajaran tempatan untuk semua pemegang-pemegang biasiswa menengah dan menengah tinggi supaya tidak menyaing dengan pelajar-pelajar persendirian Malaysia untuk tempat-tempat yang terhad di seberang laut.

**Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Bilangan pelajar-pelajar yang dihantar oleh Kerajaan dan lain-lain agensi Kerajaan ke Australia dan lain-lain

negara untuk pelajaran pra-Universiti adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Bilangan Pelajar</i>
Australia .. .. .	976
New Zealand .. .. .	116
United Kingdom .. .. .	3,890
U.S.A. .. .. .	8,105
Canada .. .. .	683
Mesir .. .. .	134
Indonesia .. .. .	97
Jumlah .. .. .	<hr/> 14,001 <hr/>

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang menyediakan pelajaran tempatan untuk semua pemegang-pemegang biasiswa menengah dan menengah tinggi. Ini kerana Kerajaan berpendapat tidak timbul persaingan bagi mendapatkan tempat-tempat belajar di seberang laut di antara pelajar-pelajar anjuran Kerajaan dengan pelajar-pelajar persendirian seperti yang ditimbulkan. Walau bagaimanapun mulai tahun 1984, Kerajaan telah mula mengambil langkah menjalankan kursus-kursus pra-Universiti bagi pelajar-pelajar tajaan Kerajaan di institusi-institusi dan kolej-kolej tempatan, termasuk kolej swasta sebagai langkah untuk menjimatkan perbelanjaan, di samping menjadikan pelajar lebih matang dan bersedia sebelum dihantar ke seberang laut.

### KURSUS DALAM CUTI GURU-GURU

**14. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah benar Kursus Dalam Cuti Guru-guru Sabah tidak diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Jika ya, apakah sebabnya.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Yang Berhormat, semua Kursus asas yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran semasa cuti sekolah adalah di iktiraf oleh Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun perlantikan ke jawatan tetap adalah bergantung kepada kelulusan dan budibicara Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

#### MURID BARU SEKOLAH RENDAH CINA

**15. Dato Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan murid-murid baru yang berdaftar dan memasuki ke darjah satu Sekolah Rendah Cina di seluruh Malaysia bagi tahun 1984 dan menentukan bahawa adakah benar bilangan murid-murid baru telah berkurang dibandingkan dengan bilangan murid-murid yang berdaftar dan memasuki dalam tahun 1983 dan jika ya, apakah sebab-sebab utamanya.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Pada masa ini angka-angka yang sebenarnya bagi bilangan murid baru di Sekolah Rendah Cina di Sabah dan Sarawak tahun ini masih lagi belum diterima sepenuhnya dari sekolah-sekolah. Daripada angka-angka yang terdapat di Semenanjung Malaysia, terdapat kekurangan murid baru di Sekolah Rendah Cina pada tahun 1984 ini berbanding dengan bilangannya pada tahun 1983. Angka-angka sebenar bagi 1984 ialah 83,025 berbanding dengan 1983 iaitu 89,455.

Kekurangan ini adalah telah dijangka kerana berkurangnya bilangan kanak-kanak keturunan Cina yang cukup umur masuk ke sekolah pada 1984. Angka-angka daripada Jabatan Statistik menunjukkan terdapat 93,331 kanak-kanak keturunan Cina yang cukup umur masuk ke sekolah tahun ini di

Semenanjung Malaysia berbanding dengan 98,900 pada 1983.

#### LAMPU LANDASAN LAPANGAN TERBANG SIBU

**16. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab mengapa Lampu-lampu bagi Lapangan Terbang Sibu masih belum lagi disediakan, walaupun Menteri berkenaan ini telah memberitahu Parlimen bahawa lampu-lampu bagi lapangan terbang tersebut akan dipasang dalam bulan September, 1983.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Lampu-lampu landasan Lapangan Terbang Sibu telah pun siap dipasang pada akhir tahun 1983. Bagaimanapun, lampu-lampu ini belum boleh digunakan sehingga ianya telah menjalani ujian kalibrasi. Buat masa ini, ujian kalibrasi. Peringkat terakhir sedang dijalankan dan di jangka selesai pada akhir bulan Mac, 1984.

Walaupun begitu, saya ingin memaklumkan bahawa lampu-lampu landasan ini akan membantu pergerakan pesawat pada waktu senja sahaja. Perkhidmatan penerbangan waktu malam memang tidak boleh diadakan sekalipun lampu-lampu tersebut ada, disebabkan keadaan kawasan di sekeliling lapangan terbang tersebut (geographical constraint).

#### TANAH SIMPANAN KERETAPI OLEH SETINGGAN

**17. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau telah memberi notis kepada setinggan-setinggan yang menduduki tanah simpanan keretapi untuk berpindah dan sama ada beliau akan memberikan mereka tempat alternatif untuk menetap sebelum mengeluarkan notis memerintah

mereka berpindah agar tidak menyebabkan kesusahan kepada beribu-ribu orang miskin.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu ialah sebuah "corporate sole" di bawah undang-undang. Dengan yang demikian, ianya mempunyai hak-hak yang tertentu terhadap tanah hakmilik keretapi dan tanah rizab keretapi bagi maksud kegunaannya sendiri. Untuk melindungi hak-hak tersebut, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah mengeluarkan Pemberitahu-pemberitahu untuk mengingatkan setingan-setingan yang telah mencerobohi tanah-tanah tersebut supaya berpindah keluar dari tanah-tanah yang mereka duduki itu. Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu tidak berupaya untuk menawarkan tempat tinggal yang lain sebagai ganti kepada setingan-setingan ini, kerana perkara ini adalah di luar bidangkuasa Pentadbiran yang berkenaan untuk berbuat demikian.

Walau bagaimanapun, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sedang mengadakan perundingan dengan Kerajaan Negeri-Kerajaan Negeri yang berkenaan, dalam usaha membantu menyelesaikan masalah setingan ini, yang merupakan sebahagian daripada masalah perumahan awam pada keseluruhannya.

#### **PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI/KRITIK KERAJAAN**

**18. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menarik balik cadangannya untuk mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut yang mengkritik parti pemerintah kerana langkah seumpama itu akan dianggap

dari kacamata antarabangsa sebagai penindasan yang dilakukan terhadap hak demokratik pelajar Malaysia terhadap kebebasan berucap dan maka dengan itu menjejaskan imej Negara kita di luar negeri.

#### **Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:**

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Ahli Bandar Kuching dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengenai perkara yang sama saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan memang sentiasa mengambil berat ke atas kebajikan pelajar-pelajar kita diluar negeri terutamanya mereka yang sedang dibiayai oleh Kerajaan yang jumlah dianggarkan seramai 18,000 orang. Memandangkan kepada jumlah yang begitu besar adalah wajar bagi Kerajaan mengambil berat terhadap kegiatan-kegiatan pelajar-pelajar ini. Negara Malaysia bukanlah satu negara sahaja yang mengawasi pelajar-pelajarnya di luar negeri bahkan negara-negara lain juga berbuat demikian.

Dalam kita mengambil tindakan ke atas pelajar-pelajar yang tersebut tadi Kerajaan akan menyiasat secara rapi tindak-tanduk yang dianggap sebagai menentang Kerajaan, dan akan ditunjukkan kepada mereka-mereka yang bersikap militan sekiranya kegiatan mereka ini melanggar syarat-syarat perjanjian. Penyiasatan secara teliti adalah untuk memberi keadilan kepada semua pihak. Dalam hal ini mereka akan diberi notis "tunjuk sebab" mengenai tindak-tanduk sedemikian dan pelajar-pelajar bolehlah memberi penjelasan untuk membela diri. Jawapan akan dikaji sama ada tindakan patut diambil khususnya bagi pelajar-pelajar yang ada kaitan melalui perjanjian dengan Kerajaan.

Saya tidak menganggap implikasi buruk akan berlaku kerana Kerajaan mengambil tindakan ke atas pelajar-pelajarnya sendiri yang

mengambil tindakan militan dan menjatuhkan imej negaranya sendiri di luar negeri. Kalau tindakan sedemikian berlaku di dalam negeri pun, mana-mana Kerajaan akan mengambil tindakan yang sama. Langkah-langkah yang akan diambil untuk menyekat tindakan-tindakan pelajar militan sebenarnya mempertahankan imej antarabangsa Malaysia.

#### **KELAS BAHASA IBUNDA— PERUNTUKAN**

**19. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah amaun wang yang diperuntukkan untuk kelas-kelas bahasa ibunda (POL Classes) untuk tahun ini, jumlah enrolmen bagi kelas-kelas tersebut untuk tahun ini, dan jumlah kelas-kelas ibunda yang dijalankan, dan bilangan kelas-kelas ibunda yang dijalankan semasa waktu persekolahan biasa.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Bagi tahun 1984, anggaran peruntukan bagi kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil adalah \$5,554,400.00. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada kadar berikut:

Guru Siswazah	.. ..	\$15.00 sejam
Guru Bukan Siswazah		\$10.00 sejam

Adalah sukar untuk kita menentukan jumlah enrolmen (jumlah kelas serta bilangan kelas yang diajar dalam waktu sekolah), bagi kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil ini kerana penubuhan kelas-kelas tersebut adalah bergantung kepada permintaan. Walau bagaimanapun adalah dianggarkan seramai 228,496 orang murid akan mengikuti kelas-kelas tersebut. Sebanyak 6943 buah kelas dianggarkan telah ditubuhkan pada 31-1-1984 dan dari jumlah itu sebanyak 5078 kelas akan dijalankan dalam waktu persekolahan biasa.

#### **KURIKULUM PELAJARAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH**

**20. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan kurikulum pelajaran Islam yang baru untuk sekolah-sekolah menengah. Jika ya, bilakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakannya dan adakah pelajar-pelajar bukan Islam juga terpaksa mengikut kurikulum tersebut.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Kementerian Pelajaran sedang menyusun semula sukatan pelajaran Agama Islam yang baru bagi Sekolah Menengah Bantuan Kerajaan dan masa bagi memulakan perlaksanaannya belum ditentukan lagi.

Apabila sukatan itu siap kelak, Kementerian Pelajaran akan menentukan masa yang sesuai untuk memulakan perlaksanaannya. Biasanya pelajar-pelajar yang beragama Islam dikenakan mempelajari dan mengikuti pelajaran itu. Kerajaan tidak bercadang memaksa pelajar-pelajar bukan Islam mengikuti pelajaran itu, kerana mereka boleh mengikuti pelajaran moral yang dicadangkan kepada mereka.

#### **RAKYAT MALAYSIA MELAWAT CHINA**

**21. Wan Mohd Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai rakyat negara kita yang telah dibenarkan melawat negara China bagi tahun 1982 dan 1983. Apakah tujuan sebenar lawatan mereka dan sejauhmanakah lawatan mereka itu boleh menjejaskan keharmonian dan ketenteraman rakyat negara ini.

**Menteri Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam):** Jumlah rakyat negara ini yang telah melawat Republik Rakyat China

pada tahun 1982 dan 1983 ialah masing-masing 4093 orang dan 5643 orang.

Rakyat Malaysia telah membuat lawatan tersebut di atas tujuan-tujuan berikut:

- (a) menziarahi saudara-mara yang rapat seperti ibu, bapa, adik-beradik, isteri dan anak-anak.
- (b) mendapat rawatan perubatan bagi penyakit yang merbahaya kepada kehidupan yang tidak dapat dirawat di Malaysia.
- (c) untuk melancong bagi mereka yang berumur 65 tahun ke atas dan kemudahan ini diberi hanya sekali seumur hidup.
- (d) urusan perdagangan melalui Pamiran Perdagangan Cantoan yang dikendalikan oleh PERNAS.
- (e) urusan perkhidmatan bank yang diluluskan oleh Perbendaharaan, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Dalam Negeri.
- (f) lawatan perdagangan dan pengilangan dan pengeksporth persendirian tertakluk kepada pertimbangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Dalam Negeri.

Pihak Kerajaan berpuashati dengan tatacara dan peraturan menimbang permohonan untuk lawatan ke Republik Rakyat China oleh warganegara Malaysia. Sehingga sekarang Kerajaan tidak menganggap bahawa lawatan ini boleh menjejaskan keharmonian dan ketenteraman rakyat negara ini. Namun demikian Kerajaan akan sentiasa mengawasi dan mengikuti perkembangan selanjutnya dengan tujuan untuk menjamin bahawa ketenteraman dan keselamatan negara tidak terjejas. Dalam pada itu adalah menjadi

tanggungjawab rakyat Malaysia yang terlibat supaya benar-benar jujur menggunakan kemudahan ini seperti yang dimaksudkan oleh Kerajaan serta brsama-sama memelihara keharmonian dan ketenteraman rakyat serta keselamatan negara.

### **RANCANGAN MEMBASMI KEMISKINAN—PERUNTUKAN**

**22. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah peruntukan dan nisbah perbelanjaan negara bagi program menghapus kemiskinan dan bagi program penyusunan semula masyarakat dalam tahun 1980, 1981, 1982 dan 1983. Setakat manakah matlamat menghapus kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru telah tercapai.

**Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Perancangan belanjawan lazimnya dibuat secara keseluruhannya bagi satu-satu tempoh Rancangan Pembangunan Lima Tahun, dan kemudiannya, baharulah peruntukan tahunan ditentukan setelah dipastikan "project scheduling" bagi semua program yang diluluskan untuk pelaksanaan.

Dalam perancangan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat, peruntukan yang dikhususkan bagi program-program yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan adalah \$9,319.2 ribu juta atau 23.7% daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan. Sebanyak \$4,397.6 ribu juta atau 11.2% dikhususkan untuk program-program penyusunan semula masyarakat. Disamping itu, sebanyak \$300.5 ribu juta atau 0.8% lagi diuntukkan bagi program-program yang disifatkan sebagai "overlapping" yakni, mempunyai kedua-dua objektif DEB. Dengan itu di bawah RME jumlah sebanyak \$14,017.3 ribu juta

atau 35.7% daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan telah dikhususkan bagi program-program pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Butir-butir pencapaian kedua-dua matlamat DEB ini terkandung dalam dokumen Kajian Separuh Penggal RME yang akan dibentang dalam sidang Dewan Rakyat pada 29hb. Mac, 1984 kelak.

### **PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL—PERWAKILAN**

**23. Tuan Seow Hun Khim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang cadangan Timbalannya terhadap soal perwakilan peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja dipertubuhan negeri yang berkenaan dan sama ada perwakilan ini akan berasaskan pada bilangan peniaga kecil dan penjaja sesuatu kaum di tiap-tiap negeri dan memandangkan bilangan peniaga kecil dan penjaja telah semakin bertambah, sama ada Kerajaan akan menubuhkan Jabatan Khas untuk memberi nasihat dan bantuan kewangan kepada para peniaga kecil dan penjaja tanpa mengira kaum atau agama.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil memang ada membuat cadangan supaya wakil gabungan diturut sertakan ke dalam Majlis Dewan Perbandaran masing-masing negeri oleh kerana kehadiran wakil gabungan persatuan dalam Majlis Daerah/Dewan/Perbandaran di negeri-negeri berkenaan merupakan saluran di mana segala masalah dan kerumitan yang timbul dapat diselesaikan.

Walau bagaimanapun penyertaan wakil gabungan persatuan ke dalam Majlis Daerah/Perbandaran adalah

terpulang kepada budibicara Majlis Daerah/Perbandaran yang berkenaan. Ada Majlis Tempatan misalnya Dewan Bandaraya telahpun mengwujudkan saluran dailog khas dengan penjaja kecil melalui Majlis Perundingan Penjaja Wilayah Persekutuan di mana persatuan penjaja dari berbagai kawasan di wakili meliputi Bumiputera dan bukan Bumiputera. Yang Berhormat sedia maklum bahawa terdapat berbagai persatuan dan pertubuhan di negara ini yang juga meminta diwakili dalam Majlis Daerah/Dewan/Perbandaran.

Dengan itu adalah perlu bagi Majlis Tempatan menimbangkan perwakilan dalam badan itu dengan teliti berdasarkan kepada kepentingan tertentu yang perlu diberi pertimbangan.

Buat masa ini pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu Jabatan Khas bagi memberi nasihat dan bantuan kewangan kepada para peniaga dan penjaja kecil memandangkan bahawa agensi-agensi Kerajaan yang sedia ada, dikira mencukupi untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan, misalnya Majlis-majlis Tempatan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Bahagian Industri Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta agensi-agensi Pembangunan Wilayah.

### **TRAGEDI KD SERI PERAK**

**24. Dato' Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab yang membawa KD SERI PERAK tenggelam di Laut China baru-baru ini dan nyatakan berapakah umur kapal tersebut dan kenapakah Kerajaan masih menggunakan kapal-kapal yang telah lanjut usia dan tidak menggantikannya dengan yang baru, lebih moden dan sophisticated.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tragedi yang menimpa KD SERI PERAK di laut China Selatan semasa dalam pelayaran ke Labuan pada bulan Januari lalu adalah kerana dilanda oleh gelombang laut yang buruk. Walau bagaimanapun punca sebenarnya kapal itu tenggelam masih lagi belum dapat dipastikan lagi kerana penyasatan ke atas kemalangan itu masih lagi dijalankan. Tragedi seperti ini adalah merupakan salah satu bahaya (Occupational Hazards) yang terpaksa dihadapi oleh mana-mana angkatan laut dalam rangka tugas dan operasinya.

Walaupun KD SERI PERAK ini sudah melebihi 20 tahun namun kerja-kerja pembaharuan, pembaikan dan penyelesaian yang rapi sentiasa dijalankan dari masa ke semasa dan pada masa peristiwa buruk itu berlaku ia telah disahkan dalam keadaan baik dan sesuai untuk operasi.

Memang menjadi hasrat Kementerian Pertahanan untuk meningkatkan lagi kemampuan pertahanan negara samada pertahanan Darat, Laut dan Udara dengan peralatan moden dan sophisticated. TLDM akan dilengkapi dengan kapal-kapal yang lebih moden apabila beberapa buah kapal jenis Corvette diterima penghujung tahun ini.

#### BUKU BACAAN KBSR BAHASA MALAYSIA/INGGERIS

**25. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa buahkah buku-buku bahan bacaan KBSR Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang telah dipilih oleh Biro Teks semenjak KBSR diperkenalkan;
- (b) sebutkan berapa buah buku-buku yang dipilih ini diterbitkan

oleh Penerbit Bumiputera dan Bukan Bumiputera dan sebutkan nama-nama penerbitan serta tahunnya; dan

- (c) bagaimanakah caranya buku-buku ini dipilih dari yang sudah sedia dicetak atau belum dan apakah kriteria buku-buku ini dipilih dari segi bahan, bentuk dan isi kandungannya.

#### **Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:**

- (a) Bilangan buku bahan bacaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang telah dipilih oleh Biro Buku Teks, Kementerian Pelajaran semenjak KBSR diperkenalkan adalah seperti berikut:

- (i) Bahan Bacaan Bahasa Malaysia untuk tahun *satu* sebanyak 41 judul dan untuk tahun *dua* sebanyak 19 judul.

- (ii) Bahan Bacaan Bahasa Inggeris untuk tahun *dua* sebanyak 50 judul iaitu 23 judul bagi fasa pertama dan 27 judul bagi fasa kedua.

- (b) Bilangan buku Bahasa Malaysia yang telah dipilih dan diterbitkan oleh penerbit-penerbit Bumiputera adalah sebanyak 33 judul dan diterbitkan oleh penerbit-penerbit Bukan Bumiputera sebanyak 27 judul. Sementara itu bagi buku-buku Bahasa Inggeris yang diterbitkan oleh penerbit Bumiputera adalah sebanyak 18 judul dan yang diterbitkan oleh penerbit Bukan Bumiputera sebanyak 29 judul. Tiga judul lagi adalah hasil terbitan syarikat yang berkongsi antara Bumiputera dan Bukan Bumiputera.

- (c) Kebanyakan buku tersebut telah dipilih daripada buku yang belum siap dicetak atau dalam bentuk manuskrip lagi, kecuali buku bahan bacaan Bahasa Inggeris Fasa I, di mana pemilihan adalah berdasarkan kepada buku yang siap dicetak.

Kriteria-kriteria bagi pemilihan buku-buku ini adalah seperti berikut:

(i) *Dari segi bahan:*

Bahan-bahan yang dipilih terdiri daripada bahan yang ditulis berdasarkan tema-tema yang dikemukakan iaitu 60 tema bagi buku bahan bacaan Bahasa Malaysia dan 10 tema bagi buku bahan bacaan Bahasa Inggeris.

Pendekatan penulisan bahan tersebut adalah menarik dan menggalakkan murid-murid membaca bagi peringkat yang dimaksudkan. Adanya kelicinan jalinan cerita, terdapat kesesuaian persembahan dengan falsafah KBSR, seperti penyerapan daripada berbagai pelajaran yang lain dan wujudnya kaitan cerita dengan pengalaman dan latarbelakang murid. Selain dari itu ilustrasi yang jelas, menarik, ada kesesuaian dan kaitan dengan teks dalam menjelaskan cerita adalah juga penting.

(ii) *Dari segi bentuk:*

Bahan-bahan yang dipilih terdiri dari

bentuk cerita, penerangan, puisi, kartun dan dialog.

(iii) *Dari segi isi kandungan:*

Keutamaan diberi kepada bahan-bahan yang mempunyai isi kandungan yang dapat menambah dan mengembangkan pengetahuan dan minat murid, isi kandungan yang bebas dari kesalahan-kesalahan fakta dan bebas dari isu-isu kontroversi serta bebas dari nilai-nilai negatif.

Isi kandungan itu juga mestilah dapat memupukkan nilai-nilai moral yang baik seperti yang dicadangkan dalam pelajaran Pendidikan Moral. Selain dari itu aspek bahasa juga dipentingkan iaitu bahasa yang digunakan hendaklah betul dan tepat, ketepatan penggunaan tanda bacaan atau kesesuaian bahasa dengan peringkat murid yang dimaksudkan.

## PAKAIAN SERAGAM POLIS

**26. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab mengapa anggota polis dengan gaya pakaian seragam mereka yang ada sekarang tidak nampak kacak dan adakah disebabkan kain yang rendah mutu untuk dibuat pakaian seragam dan adakah syarat mengenai bidang dada dan tinggi seseorang itu masih lagi berkuatkuasa.

**Dato Musa Hitam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada keseluruhannya anggota-anggota Polis

kita tidak kurang segaknya jika dibanding dengan anggota-anggota Polis di negara lain. Mutu dan jenis kain pakaian seragam mereka dititikberatkan agar mereka sentiasa nampak kemas dan selesa mengikut iklim negara ini dan juga keperluan tugas mereka. Anggota-anggota Polis yang diambil berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia semuanya mengikut syarat-syarat fizikal yang ditetapkan termasuk ukuran dada dan tinggi dan ini tidak menimbulkan masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

### MAKTAB RENDAH SAINS MARA—KEMASUKAN

27. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada dasar Kerajaan mengenai syarat-syarat kemasukan pelajar-pelajar ke Maktab Rendah Sains MARA telah berubah kerana telah didapati ramai penuntut-penuntut dari kalangan berpendapatan tinggi dalam Maktab ini, kalau tidak mengapa perkara ini boleh terjadi.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid):** Bilangan pelajar-pelajar yang memohon untuk memasuki Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) semakin bertambah dari tahun ke tahun berbanding dengan jumlah pengambilannya tidak banyak berubah kerana keupayaan menyediakan tempat adalah terhad. Keadaan ini biasanya akan menyukarkan lagi pihak MARA di dalam proses pemilihan iaitu untuk menentukan mereka yang benar-benar layak sahaja dipilih. Berikutan dengan itu pada tahun 1984 ini MARA telah membuat perubahan dasar dan syarat-syarat berikut:

- (a) Kelayakan minima untuk menduduki ujian pemilihan masuk ke MRSM telah dinaikkan daripada pencapaian

5B di dalam ujian penilaian Darjah 5 kepada pencapaian 2A, 2B dan 1C.

- (b) Pemilihan pada tahun ini juga telah dibuat selepas Kementerian Pelajaran Malaysia memilih calon-calonnya untuk memasuki kesemua Sekolah Berasrama Penuh Anjuran Kementerian Pelajaran. Pada tahun-tahun sebelumnya pemilihan masuk ke MRSM adalah dibuat sebelum Kementerian Pelajaran memilih calon-calonnya masuk ke Sekolah-sekolah berasrama penuh.

Hasil daripada perubahan syarat kelayakan minima untuk menduduki ujian pemilihan seperti yang tersebut di atas didapati bilangan calon yang telah berkurangan daripada 29,000 orang pada tahun 1983 kepada 18,000 orang sahaja pada tahun 1984 ini. Walaupun berlakunya perubahan syarat di atas tetapi MARA tetap mencapai objektif pemilihannya iaitu:

- (a) Untuk memilih pelajar-pelajar yang mempunyai potensi tinggi untuk maju di dalam bidang-bidang yang bermirip kepada sains dan matematik.
- (b) Memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar dari keluarga yang kurang berada khususnya mereka dari kawasan luar bandar.

Berhubung dengan dasar MARA di dalam memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar dari keluarga yang kurang berada khususnya mereka dari kawasan luar bandar, dapat dibuktikan dengan data pengambilan pelajar-pelajar pada tahun 1984 ini yang menggambarkan kedudukan seperti berikut:

- (a) Daripada 1,713 orang jumlah pelajar-pelajar yang diambil hanya 27% atau 457 orang

sahaja yang berasal dari kawasan bandar.

- (b) Dari segi jumlah pendapatan keluarga pula didapati hanya sebanyak 34% sahaja pelajar-pelajar yang pendapatan keluarganya melebihi \$1,000.00 sebulan.

Selain daripada itu perlu juga dinyatakan bahawa dari 27% pelajar-pelajar dari kawasan bandar seperti yang disebutkan di atas bukanlah merupakan mereka yang mempunyai keluarga yang berpendapatan tinggi belaka malah sebilangan kecil daripada mereka adalah datangnya dari keluarga yang kurang berada.

#### FELDA DI SABAH—KAWASAN DIMAJUKAN

28. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (i) jumlah hektar tanah yang diberi oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada FELDA sehingga 31hb Disember, 1983 untuk dimajukan dan daripada jumlah keluasan ini berapa hektar telah

dimajukan setakat ini dan amaun wang yang dibelanjakan untuk maksud tersebut; dan

- (ii) sama ada beliau sedar dalam bulan Oktober tahun lalu, Ketua Menteri Sabah selepas melawat rancangan-rancangan tanah FELDA di Lahad Datu, Umas Brantian dan Kalabakan telah menyatakan bahawa rancangan-rancangan tersebut tidak dimajukan dengan baiknya walaupun Pengurus Kawasan FELDA bagi Negeri Sabah telah menyatakan segala rancangan FELDA di kawasan-kawasan tersebut sedang maju dengan baiknya; jika ya, nyatakan hakikat sebenarnya.

#### Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):

- (i) Bagi makluman Yang Berhormat sehingga 31hb Disember, 1983 Kerajaan Negeri Sabah telah memperuntukkan kawasan seluas 129,787 hektar untuk dimajukan oleh FELDA. Pecahannya adalah seperti berikut:

<i>DAERAH</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>KELUASAN (HEKTAR)</i>
1. Lahad Datu	Sahabat	101,173
2. Tawau	(i) Umas-Umas Brantian	9,713
	(ii) Kalabakan	9,593
3. Sandakan	Kinabatangan	9,308
JUMLAH		129,787

Pembangunan FELDA di Sabah telah bermula pada tahun pembangunan 1979/80. Sehingga ini sejumlah 12 buah

rancangan meliputi kawasan seluas 39,778 hektar sedang dimajukan seperti berikut:

### KAWASAN YANG DIMAJUKAN DI NEGERI SABAH

Tahun Pembangunan	Luas Kawasan Kampung	Umas-Umas		Sahabat		Kalabakan		Jumlah		Jumlah Kawasan Tanaman	Jumlah Besar
		Sawit (ha)	Koko (ha)	Sawit (ha)	Koko (ha)	Sawit (ha)	Koko (ha)	Sawit (ha)	Koko (ha)		
1979/80	..	552	998	—	—	—	—	552	998	1550	1550
1980/81	..	427	4063	808	1828	—	—	5891	808	6699	7126
1981/82	..	281	1620	—	5827	1565	—	7447	1565	9012	9293
1982/83	..	1203	—	—	6005	—	4240	10245	—	10245	11448
1983/84	..	532	—	—	2880	—	6949	9829	—	9829	10361
Jumlah	..	2443	6235	1806	16540	1565	11189	33964	3371	37335	39778

Dalam tempoh pembangunan tersebut sejumlah \$64.9 juta telah dibelanjakan.

- (ii) Untuk makluman Yang Berhormat saya sedar dengan masalah yang ditimbulkan dan adalah benar bahawa keseluruhannya kerja-kerja pembangunan di rancangan FELDA di Sabah tidak mencapai tahap dan mutu yang begitu memuaskan. Ini adalah kerana beberapa masalah yang dihadapi oleh FELDA dalam kerja-kerja memajukan rancangan-rancangan tersebut. Tiga masalah besar yang dihadapi ialah:

(a) *Kelemahan Pemborong*

Kemajuan kerja-kerja utama seperti menebang, memerun serta menanam dibberapa kawasan didapati lembab disebabkan kelemahan pemborong dan pekerja-pekerja yang kurang berpengalaman. Keadaan ini juga menyebabkan kerja-kerja penjagaan ladang tidak memuaskan.

(b) *Musuh Tanaman*

Di kawasan-kawasan yang telah siap ditanam, kerosakan pokok-pokok disebabkan serangan musuh adalah tinggi dan kerja-kerja mengawal serta membasmi musuh-musuh ini tidak dapat dijalankan dengan berkesannya. Program untuk menyulam bagi menggantikan pokok-pokok yang diserang oleh musuh tanaman tidak dapat dijalankan mengikut jadual kerana kekurangan anak benih sawit dan koko.

(c) *Keadaan Cuaca*

Di beberapa kawasan, keadaan cuaca yang panas telah menyebabkan kebakaran dan banyak pokok-pokok sawit dan koko mati. Kerja-kerja menyulam belum dapat dijalankan kerana kekurangan anak benih sawit dan koko.

Bagi mengatasi keadaan ini, langkah-langkah yang diambil

oleh FELDA mengenai pengurusan di Sabah adalah seperti berikut:

- (a) Memperkukuhkan pentadbiran FELDA di Sabah dengan pertukaran pegawai-pegawai dan memenuhi jawatan-jawatan yang telah diadakan dan masih kosong.
- (b) Dua Pentadbiran di Tawau dan Lahad Datu ditubuhkan. Dengan adanya Pentadbiran Wilayah berdekatan dengan rancangan-rancangan yang sedang dimajukan, Pengurus-pengurus rancangan boleh mendapat nasihat dan bantuan khidmatan pada bila-bila masa yang diperlukan.
- (c) Pentadbiran rancangan telah juga disusun semula. Luas kawasan disesuatu rancangan telah ditentukan semula supaya tidak lebih 2,000 hektar dan Pengurus yang berpengalaman ditempatkan di tiap-tiap rancangan. Kawasan yang diawasi oleh Penyelia dan Pembantu Luar telah juga dikurangkan. Dengan susunan baru ini kerja-kerja dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih berkesan. Pemborong dan pekerja-pekerjanya boleh diawasi dengan lebih rapi oleh Pentadbiran Wilayah.

Mengenai kerja-kerja pemulihan ladang, langkah-langkah sedang diambil untuk menambahkan bekalan biji benih sawit dan menubuhkan beberapa buah lagi semeian untuk memenuhi keperluan sulaman, dan mengadakan kawalan musuh yang lebih

berkesan termasuk pembinaan pagar elektrik di Gugusan Sahabat.

Pengarah FELDA Sabah telah membuat lawatan yang lebih kerap ke rancangan-rancangan dan mengadakan Mesyuarat Pengurusan Operasinya pada tiap-tiap bulan untuk mengkaji kemajuan dan masalah kerja-kerja pembangunan FELDA di Sabah serta mencari jalan untuk mengatasinya.

Dengan langkah-langkah tersebut, adalah dijangka bahawa kerja-kerja pemulihan untuk meningkatkan tahap dan prestasi tanaman dan penjagaan di ladang di rancangan-rancangan yang berkenaan akan dapat dicapai dalam masa dua tahun.

## PELAJARAN MENGENAL PERLEMBAGAAN MALAYSIA

**29. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk memperkenalkan mata pelajaran "Perlembagaan Malaysia" dalam sistem sukatan pelajaran di Sekolah Menengah di negara ini, memandangkan ramai di antara rakyat kita hari ini belum memahami Perlembagaan sendiri.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya perkara pelajaran mengenal Perlembagaan Malaysia telah dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah secara keseluruhannya. Cuma perkara ini bukan dijadikan sebagai satu matapelajaran. Saya ingin memaklumkan, Perlembagaan Malaysia adalah bahan utama dalam

matapelajaran Sivik di peringkat sekolah menengah yang menyentuh tentang:

- (a) Perlembagaan
- (b) Ciri-ciri Perlembagaan.
- (c) Latarbelakang Perlembagaan.
- (d) Penerangan maksud sebenar mengenai perkara-perkara Penting Dalam Perlembagaan.
- (e) Negara dan Perlembagaan.
- (f) Prinsip Keluhuran Perlembagaan.
- (g) Sejarah Perkembangan Malaysia.

Ingin saya menambah, menerusi matapelajaran Sejarah pula aspek perlembagaan adalah diajar di sekolah-sekolah, khususnya di sekolah-sekolah menengah di bawah tajuk:

- (a) Perubahan-perubahan Perlembagaan.
- (b) Kemerdekaan Malaysia dan Pengujudan Perlembagaannya.
- (c) Perlembagaan dan simbol Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong.
- (d) Perlembagaan dan Bahasa dan Agama.

Selain daripada melalui pelajaran formal, perkara memahami Perlembagaan kita sememangnya ditekankan di dalam kegiatan dan aktiviti ko-kurikulum sekolah seperti ceramah, perbahasan dan pidato, yang sentiasa dianjurkan oleh Badan-badan Sekolah seperti Persatuan Sejarah, Persatuan Bahasa, Kelab Sivik dan Persatuan Ibubapa Guru (PIBG), dan juga di dalam organisasi-organisasi sekolah termasuk pasukan beruniform seperti Pengakap, Pandu Puteri, Palang Merah dan Kadet Sekolah.

Selain daripada itu lawatan-lawatan sentiasa dianjurkan oleh Badan-badan Sekolah untuk memberi peluang murid-murid melawat ke Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri untuk menyaksikan amalan-amalan perlembagaan di dalam sidang Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Dewan-dewan Undangan Negeri. Semuanya ini adalah sebahagian daripada aktiviti pembelajaran untuk memahami Perlembagaan. Kita selalu melihat murid-murid sekolah yang memakai uniform serta guru-guru mereka hadir di Galeri Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk menyaksikan perjalanan sidang parlimen ini. Jika benar ramai di antara rakyat kita hari ini belum memahami perlembagaan sendiri, puncanya bukanlah dari sistem pelajaran.

### INSTITUT PENGAJIAN ANTARABANGSA DAN STRATEGIK

**30. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan tugas-tugas utama yang akan dimainkan oleh Institut Pengajian Antarabangsa dan Strategik (Institute of Strategic and International Studies) yang baru ditubuhkan itu, dan siapakah yang menjadi ahli-ahli Institut tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tugas-tugas utama yang akan dilaksanakan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa iaitu Institute of Strategic and International Studies atau ISIS ialah:

- (a) Menjalankan pengajian di dalam berbagai-bagai bidang dan membuat analisa jangka panjang berkenaan dasar-dasar awam.
- (b) Mengadakan seminar, persidangan dan lain-lain aktiviti untuk menggalakkan perbincangan umum dan professional atas isu-isu penting

- berkaitan dengan negara dan juga hal ehwal antarabangsa.
- (c) Menerbit dan mengedarkan tulisan-tulisan, kajian-kajian dan pendapat-pendapat yang meningkatkan atau dijangka akan meningkatkan imej negara.
- (d) Membantu dan membimbing penyelidik-penyelidik membuat kajian atas isu-isu negara dan antarabangsa.

Berhubung dengan keahlian pula, pada masa ini Institut ini belum lagi membuat pelawaan dan pendaftaran ahli-ahlinya kerana baru sahaja ditubuhkan dan masih dalam proses menyusun aktiviti-aktivitinya. Keahlian penuh Institut ini akan terbuka kepada warganegara Malaysia. Pihak Institut mempunyai kuasa penuh untuk menimbangkan permohonan kemasukkan sebagai ahlinya dari kalangan pemohon-pemohon yang dianggap berminat dan dapat membantu Institut dalam mencapai matlamatnya serta memenuhi bidang kepentingannya.

## GAS MASAK KE RUMAH-RUMAH

**31. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang dicapai dalam rancangan Kerajaan untuk membekalkan gas masak ke rumah-rumah melalui saluran paip.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** PETRONAS akan memperkenalkan sistem pembekalan gas masak melalui saluran paip (reticulation system) bermula dengan Projek Perumahan "Rantau PETRONAS" di Kerteh, Terengganu dan Projek Perumahan Kakitangan PETRONAS di Pasir Gudang, Johor. Projek Perumahan Rantau PETRONAS akan melibatkan penyaluran gas ke 416 buah rumah dan dijangka siap pada penghujung tahun 1984 manakala Projek Perumahan

Kakitangan PETRONAS yang dijangka siap pada bulan Julai, 1984 akan melibatkan 73 buah rumah.

PETRONAS sedang mengadakan rundingan dan perbincangan dengan beberapa pemaju perumahan supaya memulakan sistem "reticulation" di dalam skim-skim perumahan baru mereka, termasuk projek Bandar Baru Wangsa Maju di Kuala Lumpur yang akan melibatkan 12 buah rumah pangsa kos rendah.

Sementara itu satu Pasukan Petugas telah dilantik oleh Kerajaan untuk mengkaji dan menentukan perancangan pelaksanaan projek ini ke seluruh negara. Berasaskan perakuan-perakuan Pasukan Petugas ini, Kerajaan akan dapat menentukan dasar dan perancangan jangka panjang serta pelaksanaan projek ini ke seluruh negara untuk menentukan pelaksanaan dan pengurusan projek yang sesuai dengan keperluan dan kehendak-kehendak masyarakat.

## PROJEK INDUSTRI BARU—KEGAGALAN

**32. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan bilangan kegagalan-kegagalan estet-estet industri yang baru, seperti di Parit Buntar, Perak apa garis-garis panduan khususnya mengenai beradanya infrastruktur dan kemudahan-kemudahan dorongan akan disyorkan kepada pihak Kerajaan Negeri agar estet-estet industri pada masa hadapan akan berjaya menarik pelabur-pelabur.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Hajj):** Kerajaan memang menyedari bahawa terhadapnya beberapa kawasan perindustrian yang tertentu di negara ini yang kurang berjaya di dalam

menarik dan mendorong lebih bilangan projek-projek perindustrian bagi ditempatkan di kawasan tersebut. Tetapi ini tidaklah boleh dianggap sebagai kegagalan. Kerajaan menyedari bahawa masa yang lebih lama adalah diperlukan bagi memenuhi tapak yang telah dibangunkan. Tidak menariknya minat para pelabur untuk menempatkan projek-projek mereka di kawasan-kawasan perindustrian tersebut mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti ketidak sempurnaan kemudahan infrastruktur dan kekurangan lain-lain kemudahan sokongan.

Untuk memastikan di masa hadapan kawasan-kawasan perindustrian yang baru akan lebih menarik minat para pelabur-pelabur, garis panduan telah diberi kepada Kerajaan Negeri di dalam pemilihan kawasan perindustrian yang dicadangkan. Di antara faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam perancangan dan pembangunan kawasan perindustrian adalah:

- (i) Penempatan yang sesuai iaitu lokasinya yang strategi.
- (ii) Kewujudan gunatena yang bukan sahaja dari segi bekalan tetapi juga dari segi mutu pekerja dan kemahiran mereka.
- (iii) Kewujudan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang sempurna dan cekap serta sistem pengangkutan dan perhubungan yang lancar bagi menentukan jadual pengeluaran kilang-kilang tidak akan terganggu.

Di samping ketiga-tiga faktor di atas, faktor tersedianya kemudahan-kemudahan sosial, ciri-ciri tapak tanah, implikasi ke atas pencemaran alam sekitar, adalah merupakan faktor yang penting juga.

Dengan berpandukan garis panduan-garis panduan ini, adalah diharapkan pembangunan kawasan perindustrian di masa depan akan dapat menarik lebih pelabur dan seterusnya membolehkan projek-projek dilaksanakan dengan sempurna.

### SKANDAL PINJAMAN BMF— PENYIASATAN

**33. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini maklumat mengenai perkembangan-perkembangan dalam hal penyiasatan atas skandal pinjaman BMF, hingga hari ini.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penjelasan terhadap perkara ini telah pun dibuat di dalam Dewan ini pada 13hb Mac yang lepas di mana saya telah menerangkan bahawa jawatankuasa penyiasat yang terdiri dari 3 orang itu masih lagi menjalankan penyiasatan mereka ke atas isu BMF. Semua laporan hasil siasatan ini akan terkandung dalam Kertas Puteh yang akan dibentangkan di Parlimen kelak.

### KELAS BAHASA IBUNDA— PENUBUHAN

**34. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa terdapat kelas-kelas Ibunda yang lewat dimulakan, kadangkadangkang dua bulan selepas bermulanya penggal sekolah pertama;
- (b) bilangan Kelas Ibunda pada 31-1-1984 berbanding dengan bilangannya pada bulan November 1981, 1982 dan 1983; dan
- (c) apakah langkah positif untuk mengatasi masalah ini.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Penubuhan kelas-kelas bahasa Cina dan Tamil di sesebuah sekolah adalah berdasarkan kepada permintaan ibubapa yang tidak kurang dari 15 orang sepertimana yang dinyatakan di dalam Akta Pelajaran 1961. Kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil yang dimasukkan ke dalam Jadual Waktu sekolah dan mempunyai guru tetap untuk mengajar bahasa-bahasa itu, dijalankan sebaik sahaja sekolah dibuka bagi penggal pertama.

Bagi kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil di luar waktu sekolah kadangkala lewat sedikit dijalankan kerana:

- (i) Ibubapa lewat mengemukakan permintaan untuk mengadakan kelas-kelas tersebut.
- (ii) Permintaan yang diterima adalah kurang dari 15 orang ibubapa murid.
- (iii) Mendapat guru yang layak mengajar bahasa-bahasa tersebut.

Kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil dijalankan sehingga akhir bulan Oktober. Bilangan kelas Bahasa Cina dan Tamil pada bulan November 1981, 1982 dan 1983 adalah 9,130 buah kelas, 11,345 buah kelas dan 9,050 buah kelas. Kementerian Pelajaran telah pun menjalankan sebanyak 6,943 buah kelas Bahasa Cina dan Tamil pada akhir bulan Januari 1984 ini iaitu 76.71% dari jumlah bilangan kelas pada tahun lepas. Semenjak akhir bulan Januari, bilangan kelas telah sentiasa bertambah dan besar kemungkinan akan mencapai bilangan 9,000 kelas pada akhir bulan ini.

Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah positif bagi menentukan kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil dijalankan secara berkesan. Di antara lain, Kementerian Pelajaran telah berusaha menjalankan

lebih banyak lagi kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil untuk menampung kekurangan sementara guru-guru berkenaan.

## DASAR EKONOMI BARU—MARA

**35. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah objektif dan bagaimana MARA membantu Kerajaan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru di seluruh negara terutama sekali di Sabah.

**Dato' Sanusi bin Junid:** MARA merupakan salah sebuah Agensi yang ditubuhkan untuk membantu Kerajaan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Barunya. Ke arah pencapaian matlamat tersebut MARA telah menentukan objektifnya seperti berikut:

“Menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera supaya menyertai dengan aktif dan maju dalam kegiatan perdagangan/perusahaan kecil dan sederhana ke arah pembentukan masyarakat peniaga yang berjaya dan kukuh”.

Bagi mencapai objektif yang tersebut di atas MARA telah membentuk strategi-strategi tertentu. Di antaranya adalah seperti berikut:

- (a) Mewujudkan serta menambahkan bilangan usahawan di kalangan Bumiputera dan meningkatkan taraf mereka dalam kegiatan perdagangan/perusahaan kecil dan sederhana ke arah pembentukan masyarakat peniaga yang berjaya dan kukuh.
- (b) Mengambil bahagian aktif dalam bidang perdagangan dan perindustrian dan pengurusan dalam syarikat-syarikat sebagai langkah memberi perlindungan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera.

- (c) Menambahkan bilangan guna tenaga yang terlatih dalam berbagai bidang di semua peringkat untuk sektor perdagangan dan peindustrian.
- (d) Mengadakan lain-lain kemudahan dan perkhidmatan di mana sesuai serta menjadi pemegang amanah yang boleh membantu secara khusus atau umum bagi meninggikan taraf ekonomi dan sosial Bumiputera.

Berdasarkan kepada strategi-strategi yang tersebut di atas MARA telah merancang dan melaksanakan berbagai program di peringkat Ibu Pejabat, Negeri-negeri dan Daerah-daerah di Seluruh Malaysia termasuk juga Sabah dan Sarawak. Program-program ini meliputi berbagai bidang, diantaranya adalah seperti berikut:

- (a) Dalam bidang pembangunan usahawan, MARA mengadakan aktiviti yang berkaitan, seperti kemudahan pinjaman, menyediakan ruang-ruang niaga dan bengkel, latihan keusahawan, khidmat nasihat dan bimbingan serta mengenalpasti dan mewujudkan projek-projek pembangunan.
- (b) Di bidang pelajaran pula MARA telah menyediakan beberapa kemudahan seperti pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran, pelajaran menengah dan latihan kemahiran.
- (c) Dalam bidang pelaburan iaitu untuk menambahkan penyertaan ekuiti dan memberi perlindungan kepada usahawan Bumiputera, MARA telah menubuhkan beberapa buah syarikat yang berkaitan dengan perusahaan pengangkutan, pembuatan,

perdagangan dan lain-lain perusahaan yang berkaitan dengannya.

- (d) Di bidang sosial pula MARA mengadakan perkhidmatan bas awam untuk kemudahan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Di Sabah khususnya MARA telah pun melaksanakan program-program tertentu diantaranya termasuklah program pembangunan usahawan dan program pelajaran. Di bawah program pembangunan usahawan berbagai kegiatan yang dijalankan seperti mengadakan kemudahan pinjaman, latihan perniagaan, khidmat nasihat dan bimbingan dan juga kemudahan ruangniaga dengan tujuan untuk mewujudkan dan meningkatkan bilangan penyertaan Bumiputera Sabah dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Manakala di dalam bidang pelajaran pula MARA menyediakan biasiswa dan pinjaman pelajaran dan juga tempat-tempat di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) serta Institut Kemahiran MARA (IKM) kepada pelajar-pelajar dari Sabah.

Secara keseluruhannya pencapaian pelaksanaan program-program MARA di Sabah adalah seperti berikut:

- (a) Dalam bidang pembangunan usahawan, MARA telah mengeluarkan pinjaman perniagaan sebanyak \$21.8 juta kepada 4,795 orang peminjam sehingga akhir tahun 1983. Di samping itu pada tahun 1982 dan 1983 sahaja MARA telah melatih seramai 2,724 orang usahawan dan bakal usahawan di dalam bidang perusahaan dan perdagangan serta memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada 478 buah projek perusahaan dan perdagangan.

(b) Bagi mengatasi masalah untuk mendapat tempat berniaga MARA juga menyediakan kemudahan ruang-ruang niaga untuk usahawan Bumiputera dalam bentuk Komplek, Aked, Rumah Kedai dan Bazaar. Dua buah kompleks perniagaan lima tingkat di Tawau dan Sandakan adalah dalam peringkat pembinaan. Komplek di Sandakan telah pun siap dan menunggu "Certificate of Fitness" dan komplek di Tawau pula dalam lingkungan 65% siap. Sementara itu sebuah Aked di Kudat yang mengandungi 27 unit telah pun siap pada awal tahun 1983. Manakala Aked di Beauford, Ranau dan Papar adalah di peringkat perancangan awal. Perancangan yang mendalam juga telah diatur untuk pembinaan Bazaar di Lahat Datu dan Keningau.

(c) Di dalam bidang pelajaran pula walaupun Maktab Sains MARA (MRSM) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) Sabah masih lagi berada di peringkat perancangan tetapi MARA telah pun mengambil pelajar-pelajar dan pelatih-pelatih untuk memasuki MRSM dan IKM di Semenanjung. Sehingga akhir tahun 1983 MARA telah pun mengambil seramai 91 orang pelajar dan 56 orang pelatih untuk memasuki MRSM dan IKM di Semenanjung. Di samping itu pelajar-pelajar dari Sabah juga diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi di Institut Pengajian Tinggi Tempatan dan di luar negeri menerusi program biasiswa dan pinjaman pelajaran MARA yang diletakkan di bawah peruntukan pelbagai negeri (Multi).

Walaupun terdapat beberapa "constraints" seperti peruntukan kewangan yang terhad dan juga masalah perhubungan dan pengangkutan, MARA tetap akan berusaha untuk melaksanakan program-programnya kearah mewujudkan dan membangunkan Bumiputera Sabah terutamanya di dalam usaha untuk menambah dan meningkatkan penyertaan mereka di dalam bidang perusahaan dan perdagangan kearah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahasa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampuan Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal kedua Parlimen Yang Keenam”. (14hb Mac, 1984).

**Tuan Yang di-Pertua:** ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan iaitu perbahasan di atas Usul Ucapan

Terima Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan ditamatkan pada pukul 5.30 petang ini dan selepas itu Yang Berhormat Menteri-menteri akan mula menjawab sehingga besok. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh lagi mempunyai peluang berucap semasa perbahasan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang akan bermula pada 29hb Mac sehingga 4hb April, 1984. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

3.38 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan memendekkan ucapan saya. Semalam saya sudah mencadangkan bahawa usaha hendaklah diambil oleh semua pihak untuk melaksanakan Bahasa Malaysia yang seragam. Dan tadi Yang Berhormat Menteri Penerangan telah memberi penjelasan dengan panjang lebar walaupun sudah 12 tahun terlambat. Walau bagaimanapun, saya berharap usaha ini akan diteruskan sehingga kita berjaya untuk mempopularkan Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang asli yang merupakan maha bumiputera negara ini telah sekian lama merupakan golongan yang telah terlupa dalam skim pembangunan yang lebih luas. Saya difahamkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah menunjukkan minat baginda dalam kebajikan orang-orang asli. Saya mengalu-alukan minat dan usaha baginda dalam membantu golongan ini yang kurang bernasib baik. Kami berharap juga bahawa usaha-usaha baginda ini akan diteruskan. Difahamkan bahawa baru-baru ini Kerajaan telah melancarkan satu projek untuk mewujudkan satu kumpulan perniagaan di kalangan orang asli. Akan tetapi sebelum ini dapat dijayakan usaha-usaha untuk

meninggikan taraf pelajaran orang-orang asli mesti diadakan untuk membolehkan mereka mengambil bahagian dalam aspek-aspek kehidupan moden dengan sepenuhnya. Pada masa sekarang orang-orang asli selalu dieksploitasikan oleh golongan-golongan tertentu tidak kira Melayu, Cina atau India bila mereka menjual hasil-hasil hutan seperti jelutong, rotan dan sebagainya. Jadi kemungkinan orang-orang asli ditipu dan dieksploitasikan oleh orang-orang ini adalah tinggi sekali apabila Kerajaan menubuhkan kumpulan perniagaan orang asli ini. Kerajaan mesti mengambil langkah-langkah untuk menentukan yang mereka tidak ditipu sama sekali. Bagi orang-orang asli pelajaran hendaklah diutamakan.

Di sini saya mempunyai dua perkara mengenai penindasan ke atas orang-orang asli. Di kilometer 10, Tanah Tinggi Cemeran ada satu golongan orang asli yang dipindahkan daripada kawasan lain dan mereka sudah bermastautin di situ beberapa tahun dan menanam pokok durian, manggis dan sebagainya. Akan tetapi apabila manggis dan durian ini berbuah dengan cantik dan banyak, ada golongan yang hendak mengambil alih tanah ini. Dan golongan ini adalah golongan keturunan Melayu. Dan saya berharap pihak Kerajaan boleh membuat penyiasatan dengan teliti supaya ketidakadilan yang berlaku ke atas kaum orang asli ini boleh diberhentikan dengan serta merta. Kerana menurut laporan kalangan orang asli ini telah membuat aduan kepada Jabatan Orang Asli, akan tetapi Jabatan tersebut tidak dapat membuat apa-apa pun. Dan menurut laporan ada satu projek di Hulu Kelantan dilodging di mana Jabatan Orang Asli merancang untuk menswastakan projek penanaman pokok teh secara besar-besaran di satu kawasan seluas hampir 4,000 hektar di lodging Hulu Kelantan. Dan kononnya setakat ini 300 keluarga orang asli yang

terlibat dengan usaha yang dijalankan ini telah mendapatkan faedah.

Saya hendak menekankan di sini dengan kalangan orang asli, pelajarannya tidak setaraf yang dikehendaki. Dan konsep pengswastaan ini bagi mereka langsung tidak wujud. Walaupun ada pihak Jabatan Orang Asli telah memberi tiga sebab untuk mengadakan rancangan ini misalnya rancangan itu bertujuan menyediakan satu alternatif yang baik ke arah memodenkan kehidupan orang-orang asli daripada mengamalkan sistem pertanian pindah.

Yang kedua, di segi intergrasi ia penting dalam memaksimumkan peluang dalam usaha menyatukan orang asli dengan rakyat Malaysia lain selaras dengan dasar pembangunan negara.

Yang akhir sekali mengadakan peluang agar mereka memainkan peranan dalam keselamatan dan pertahanan negara dalam kawasan rancangan yang dirancangan itu. Jadi, apa yang dijelaskan oleh pihak Jabatan Orang Asli ini memang bunyinya seronok dan baik belaka tetapi saya berharap orang-orang asli ini tidak seharusnya dieksploitasikan walaupun konsep pengswastaan ini akan dilaksanakan. Saya berharap juga Kementerian Dalam Negeri akan mempertingkatkan usahanya untuk meninggikan taraf hidup di kalangan orang asli. Sekaian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang berhormat dari Jerai.

**Tuan Ismail bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta pendek sedikit jikalau kita boleh benarkan orang-orang lain memberi ucapan sama.

3.46 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke

hadrat Allah swt. kerana dengan limpah hidayahNya saya berpeluang untuk turut bersama-sama membahaskan dan menyokong diatas cadangan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan sidang Penggal Kedua Parlimen yang Keenam pada 12hb Mac, 1984 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang meliputi berbagai bidang, saranan dan pandangan itu adalah merupakan satu garis panduan yang amat menarik dan penting kepada seluruh pihak untuk dapat menjadikan negara ini sebuah negara yang aman, bahagia dan makmur serta memberi keadilan yang penuh saksama kepada semua. Adalah menjadi sepenuh harapan bahawa semua konsep yang telah dikemukakan menjadi dasar kepada negara agar dapat difahami dan terlaksana dengan jaya dan berkesannya. Kerana tidak bererti sekiranya dasar dan konsep hanya tinggal dasar dan konsep sahaja tanpa sebarang amalan bagi mencapai apa-apa kejayaan dan kekesanannya. Dengan itu saya menyokong penuh agar amalan Kepimpinan Melalui Tauladan dapat serapkan sepenuhnya di dalam semua peringkat dan golongan terutama bagi menghasilkan pentadbiran dan urusan Kerajaan yang lebih lancar serta berkesan kepada matlamatnya.

Bagaimanapun saya amat kesal apabila berbagai konsep dan dasar baru yang diperkenalkan terutama untuk menjadi contoh dan tauladan sejajar dengan Kepimpinan Melalui Tauladan ini ada di antara orang-orang yang berkenaan yang telah bertanya berapa lama Mahathir akan jadi Perdana Menteri? Pertanyaan ini jelas

membuktikan angkuhnya manusia-manusia tersebut kerana apa yang difikirkan hanya bagi kepentingan diri sahaja dan tidak langsung memikirkan kepentingan rakyat dan negara seluruhnya. Dengan itu saya berharap Kerajaan akan bersedia mengambil tindakan tegas dan berkesan agar mana-mana orang yang menjadi batu penghalang kepada sebarang dasar dan konsep bagi kepentingan agama, bangsa dan negara diberi kata dua dan jika perlu disingkirkan segera dari perhubungannya dengan sebarang tugas pelaksanaan yang dipertanggungjawabkan selama ini agar sisa-sisa yang menjadi gejala kemunduran dan halangan sedemikian tidak terus wujud menjadi duri dalam daging terhadap Kerajaan dan negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini bagi mengalu-alukan di atas pengumuman Kerajaan mengenai Dasar Pertanian Negara yang telah dinyatakan oleh Kerajaan di dalam pengumannya baru-baru ini. Saya percaya bahawa dengan wujudnya Dasar Pertanian Negara yang dinyatakan itu adalah untuk menjadi asas kepada merangka strategi-strategi dan program-program bagi mempergiatkan lagi ataupun mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian untuk ekonomi rakyat dan negara pada keseluruhannya.

Dasar Pertanian Negara yang ditunggu amat lama baru diumumkan ini, walau bagaimanapun, adalah amat sesuai sekali dengan apa yang telah disarankan. Cuma bagi saya, saya merasa amat kebimbangan oleh walaupun cerita dan huraiannya indah tetapi kesannya belum tahu. Contohnya macam sepasang suami isteri yang baru mendapat kepastian doktor mengenai bahawa si isterinya sudah mengandung.

Dan timbullah harapan bagi kejayaan kelahiran anak yang di

kandungnya itu dengan berbagai penganggapan dan harapan yang tinggi sedangkan kandungan itu belum tahu bilakah ianya akan mendatangkan hasil seperti yang dikehendaki.

Apa yang saya rasai kurang senang tentang dasar pertanian ini kerana sungguhpun Dasar Pertanian ini telah diumumkan agak lama tetapi saya rasa di Dewan ini masih belumpun dibentangkan satu salinan untuk Ahli-ahli Dewan ini melihatnya dengan sebenarnya, dan yang ada pada saya inipun hanya dipinjam dan saya tidak tahulah apakah kerana kemelesetan ekonomi tidak sempat untuk mencetak satu kertas yang boleh dibentang untuk diperbahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pertanian yang telah diumumkan ini baharu pun merupakan peringkat dasar dan sungguhpun strateginya telah ditulis sedikit sebanyak tetapi ini masih lagi menjadi samar-samar terhadap sejauh manakah kejayaan daripada dasar kepada pelaksanaan, kepada kekesan dan sasarannya nanti. Kerana bagi saya untuk mencapai harapan ini perlu wujudnya komunikasi dua hala yang erat dan seiringan dengan di antaranya. Maksud saya sekiranya sesuatu dasar untuk mencapai kekesanannya perlu dasar itu difahami oleh pihak pelaksanaan dan perlu juga pelaksanaan dan dasar tadi dapat dilaksanakan sejajar dengan kemampuan ataupun dengan sasaran ataupun kekesan yang dikehendaki. Dan dalam hubungan ini apa yang pentingnya seperti yang pernah saya nyatakan selalu perlunya mewujudkan komunikasi dua hala untuk dapat dasar difahamkan kepada sasarannya dan difahamkan kepada agensi pelaksanaannya supaya dapat dilaksanakan dengan sempurna dan diterima oleh pihak sasarannya juga dengan sempurna disamping pihak yang membuat dasar dan pihak yang

melaksanakan dasar juga harus memahami sedalam-dalamnya masalah di peringkat sasaran yang ada pada masa ini.

Apa yang suka saya nyatakan ialah kerana selama ini kadangkala dasar-dasar yang telah dibuat di mana strateginya hanya di perbincangkan di peringkat tertentu dan tidak diturunkan kepada peringkat yang sebenarnya yang seharusnya diberikan perhatian ataupun diletakkan focus yang tertentu. Jadi dengan itu berertilah dasar yang diwujudkan terlaksananya strategi-strategi yang tidak sampai kepada sasaran seperti yang dikehendaki. Dan apa lagi sekiranya masalah-masalah yang ada di bawah tidak dapat dirancang penyelesaiannya sejajar dengan kenyataan-kenyataan yang sebenarnya wujud.

Misalnya kita dapati sektor kemiskinan. Kemiskinan lebih banyak terdapatnya di kalangan sektor pertanian dan saya percaya wujudnya Dasar Pertanian Negara dan strategi-strategi yang dirancangan nanti adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan ini seperti mana yang sedia dimaklumi. Tetapi kadangkala apa yang saya lihat dasar dan strategi yang dibuat itu tidak ditumpukan kepada kajian yang sebenarnya, mengapakah wujudnya sektor kemiskinan ini berterusan walaupun berbagai-bagai dasar perancangan telah diwujudkan di dalam Dasar Ekonomi Baru. Sukalah saya jelaskan disini misalnya kemiskinan yang wujud di sektor pertanian khususnya kepada penduduk-penduduk luar bandar. Saya dapati ada empat faktor penting asas kemiskinan yang berterusan yang wujud di kalangan sektor pertanian. Yang Pertama, faktor tanah di mana terdapat kalangan sektor petani ini ataupun petani-petani yang memiliki tanah-tanah yang tidak ekonomik ataupun keluasanya tidak ekonomik

atau pun pengeluaran tanah itu tidak ekonomik. Yang kedua, faktor pengetahuan, faktor pengalaman dan kebolehan petani-petani itu sendiri. Yang ketiga, faktor kesungguhan dan penggunaan sepenuh masa dan tenaga dan yang keempatnya faktor nilai sikap yang negative. Daripada empat faktor ini saya harap Dasar Pertanian dan strategi yang akan dibuat haruslah menyelesaikan empat-empat faktor ini, sekiranya tidak maka tidak berertilah Dasar Pertanian ataupun strategi yang dibuat akan menyelesaikan masalah-masalah yang sedang dihadapi.

Tentang faktor tanah kita dapati kebanyakan petani khususnya petani-petani padi di Kedah di dalam kawasan MADA mempunyai tanah-tanah yang tidak ekonomik dan sebahagiannya juga ialah terdiri daripada petani-petani yang menyewa dan bukan petani-petani yang memiliki ataupun mempunyai tanah dan ini sudah tentulah bahawa tanah itu merupakan sebagai satu perkara yang sungguh penting kalau hendak menyelesaikan masalah meningkatkan pendapatan ataupun menyelesaikan soal kemiskinan di sektor pertanian terutama di sektor pertanian padi.

Sungguhpun di dalam kawasan pertanian padi tanahnya tidak berkembang dan menurut Dasar Pertanian Negara terdapat strategi untuk melipatgandakan penghasilan di segi jenis benih padi ataupun disegi bidang teknologi moden disamping kemudahan-kemudahan asas sahaja, sedangkan kita dapati juga masalah tanah boleh diberikan kepada petani-petani yang mengusahakannya dengan keluasan yang boleh dikatakan ekonomik sekiranya perancangan dibuat. Tetapi oleh kerana tidak ada perancangan yang tertentu dan strategi yang tertentu maka apa yang saya dapati tanah-tanah ini telah pergi kepada mereka yang mempunyai modal ataupun mereka yang kaya

bertambah kaya. Bagi mereka yang miskin masalah sewaan tanah meningkat, masalah musuh penyakit padi dan masalah-masalah lain yang mengurangkan penghasilannya telah menggagalkan kehidupan petani ini sendiri untuk mendapat tambahan tanah kerana mereka tidak mempunyai modal yang cukup untuk mendapat tanah-tanah yang akan disewakan. Dan dengan itu berertilah bahawa tanah-tanah yang ada itu akan pergi kepada pemodal-pemodal ataupun orang-orang yang mempunyai modal yang lebih ataupun mereka yang lebih kaya untuk mengendalikan tanah-tanah yang lebih ekonomik. Soal ini bukan perkara baharu, soal ini sudah lama dibangkitkan dan saya sendiri telah membangkitkan di Dewan ini tentang Akta Sewa-menyewa Tanah. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pada ketika itu telah menyatakan bahawa soal Akta Sewa-menyewa Tanah ini tidak berbangkit dan ianya sedang terlaksana. Tetapi jelas sehingga sekarang ini tidak pun satu kajian dibuat dan menentukan kedudukan kadar sewa yang berpatutan terutama sekali bagi memberi kemampuan terhadap petani-petani miskin untuk mendapat sewaan tanah yang sesuai.

Yang kedua, masalah tanah ini juga tidak ada perancangan dan pernah saya sendiri mencadangkan supaya ditubuhkan Bank Tanah ataupun Biro Tanah yang dapat mengendalikan urusan-urusan penjualan tanah-tanah milik pertanian, urusan sewa-menyewa dan sebagainya supaya tanah-tanah ini dapat dikumpulkan ataupun tanah-tanah ini dapat diuruskan oleh satu agensi yang tertentu dan dapat pula mengagih dan membahagi-bahagikan kepada petani yang miskin menurut program-program dan menurut perancangan yang lebih teratur dan memberi kesan. Tetapi keadaan ini masih tidak dapat

membawa suatu keadaan perubahan sehingga pada hari ini yang boleh memberi jaminan sepertimana yang saya katakan tadi.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Sungguhpun di dalam usaha Kerajaan menyelesaikan masalah-masalah pemilikan tanah yang tidak ekonomik ataupun petani-petani yang tidak mempunyai tanah untuk diusahakan dengan wujudnya perancangan-perancangan pembukaan tanah berterusan seperti projek-projek *in situ* dan sebagainya tetapi saya rasa perlu juga mempunyai satu kajian yang menyeluruh dan kajian untuk jangka panjang jika dibandingkan dengan perancangan-perancangan pembukaan tanah yang ada sekarang ini. Sekarang ini saya rasa kita merasai berbangga kerana pihak FELDA sendiri telah dapat memasukkan kira-kira 70,000 petani-petani ataupun peladang-peladang yang tidak mempunyai tanah untuk dapat memiliki tanah di dalam rancangan-rancangan tanah yang Kerajaan buka. Tetapi kalau kita kaji untuk jangka panjang hanya penyelesaian untuk pemilikan tanah dan memberi tanah kepada mereka yang tidak mempunyai tanah ini ialah sekadar 20% sahaja, kerana setiap keluarga yang memasuki ke rancangan-rancangan tanah mempunyai sekurang-kurangnya hitung panjang anak lima dan bererti di bawah sistem perancangan tanah yang diberikan ini akan diwarisi kepada satu keluarga sahaja untuk jangka panjang berterusan. Kalau anak lima bererti satu anak akan mewarisi tanah yang diberi tadi, sedangkan empat anak lagi tidak akan dapat mewarisi tanah ini dan akan mencari pula di bidang lain ataupun akan menjadi peladang-peladang ataupun anak-anak tani yang tidak lagi memiliki tanah. Kalau 70,000 yang

telah dimasukkan ke rancangan tanah sekarang bererti kita menyelesaikan 70,000 keluarga sedangkan untuk jangka panjangnya terpaksa menghadapi  $70,000 \times 4$  keluarga anak yang akan berkeluarga kelak yang tidak mempunyai tanah, bererti 280,000 pula akan menjadi peladang ataupun petani yang tidak mempunyai tanah sekiranya anak-anak ini tertumpu juga di sektor tanah.

Jadi inilah pada pandangan saya bahawa sektor tanah ini merupakan perkara yang agak penting dikaji di bawah Dasar Pertanian Negara dan haruslah mempunyai strategi-strategi yang terperinci untuk menyelesaikannya sebagai faktor yang membawa kesan kemiskinan yang berterusan dan berlarutan di dalam sektor pertanian yang saya katakan tadi.

Faktor yang kedua ialah faktor pengetahuan, pengalaman dan kebolehan. Faktor ketiga kesungguhan dan penggunaan sepenuh masa dan tenaga, dan faktor yang keempat nilai sikap yang negatif. Ini bergantung kepada faktor yang kedua iaitu pengetahuan, pengalaman dan kebolehan. Jadi kita rasa sekarang ini dengan perhatian Kerajaan terhadap pembangunan pendidikan pelajaran yang sedang berkembang dan meningkat, adalah diharap akan dapat menyelesaikan perkara ini ataupun faktor-faktor yang saya sebut ini dengan lebih berkesan sekiranya peluang-peluang dan perancangan-perancangan yang terperinci akan dapat diberi perhatian yang langsung kepada sektor pertanian seperti yang saya sebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Dasar Pertanian Negara ingin juga saya menyentuh sedikit tentang masalah pembentukan strategi yang khusus kepada pengeluaran bahan-bahan makanan iaitu beras. Dari apa yang telah dirancangan dalam Dasar

Pertanian Negara, saya petikkan di sini, Tuan Yang di-Pertua:

“*Beras*—Tidak ada sebuah negara pun yang pernah dapat mengeluarkan semua jenis makanan yang mencukupi untuk memenuhi keperluannya. Di dalam perkara ini isu yang penting ialah pengeluaran makanan asasi iaitu beras bagi Malaysia. Penentuan peratus pengeluaran beras di dalam negara adalah dipengaruhi oleh keperluan keselamatan makanan. Memandangkan kos pengeluaran yang tinggi di negara ini, adalah tidak ekonomik bagi negara ini mengeluarkan 100% daripada keperluannya. Tambahan pula di masa darurat penggunaan beras adalah tidak sebanyak penggunaan dalam keadaan biasa. Berdasarkan kepada pertimbangan di atas, matlamat tingkat pengeluaran yang tingkat pengeluaran yang ditetapkan ialah di antara 80% dan 85% daripada keperluan negara. Untuk mencapai dan mengekalkan tingkat ini, pengeluaran padi akan dipergiatkan melalui penyediaan dan peningkatan kemudahan parit dan taliair di kawasan yang sedia ada untuk penanaman dua kali setahun, penggunaan benih yang berhasil tinggi dan juga penggunaan amalan pertanian moden”.

Saya berasa patut berterima kasih kepada Kerajaan yang telah merancang Dasar Pertanian khasnya tertumpu kepada beras dan Kedah adalah merupakan negeri jelapang padi bagi Malaysia ini yang mana penghasilan beras lebih kurang 54% dibekalkan kepada keperluan beras negara. Memandangkan bahawa pengeluaran beras ini kosnya amat tinggi maka berertilah sebahagian besar kawasan tanaman padi di Kedah dan penduduk yang diberikan tugas untuk menanam padi di Kedah merupakan penduduk yang selamalamanya akan menghadapi tekanan

daripada penghasilan kos yang tinggi dan tidak membawa keuntungan yang berpatutan kepada pengeluarannya.

Apa yang diharapkan ialah kalau sekiranya tanah dapat diberikan keluasan yang ekonomik ataupun kalau sekiranya kemudahan-kemudahan infrastruktur, taliair dan sebagainya diperengkapkan dengan sepenuhnya ataupun sekiranya kita dapat mengeluarkan benih yang meningkatkan hasil dengan tinggi, ataupun sekiranya tidak berlakunya masalah-masalah penyakit, ataupun masalah-masalah bencana alam terjadi. Kalau sekiranya perkara-perkara ini berlaku maka sudah pastilah 65,000 keluarga tani yang akan menjadi pengusaha-pengusaha untuk membekalkan 54% beras kepada negara merupakan kalangan-kalangan yang akan menjadi satu kalangan yang tertindas dan terpaksa diri mereka untuk menjadi mereka yang bekerja untuk mendatangkan hasil kepada sektor lain yang lebih mempunyai penghasilan yang baik di segi pendapatan dan penghasilan ekonomi.

Apa yang mendukacitakan saya lagi dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Keempat yang akan dibentangkan nanti, saya telah dapati kononnya banyak peruntukan telah dipotong daripada kemudahan-kemudahan untuk perparitan dan taliair di dalam Projek MUDA II dan ini telah pun dimaklumkan kepada saya bahawa beberapa projek terpaksa ditangguhkan, tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukannya telah dipotong. Jadi kalaulah ini keadaannya yang sebenar akan berlaku, maka apa yang dikatakan di dalam Dasar Pertanian Negara terhadap beras ini sudah pastilah tidak akan membawa apa-apa makna dan tidak membawa apa-apa kesan seperti yang dikehendaki. Dan malahan ini

amat mengecewakan Kerajaan Negeri Kedah dan petani-petani di negeri Kedah sendiri terhadap apa yang sebenarnya menjadi satu kenyataan kepada dasar dan strategi sedangkan pelaksanaan kepada sasarannya tidak pun sepertimana yang sebenarnya diperkatakan.

Jadi dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah bagi pihak Kerajaan seharusnya mengkaji dengan teliti sebarang tindakan ataupun sebarang apa yang diumumkan agar apa yang diumumkan ataupun tindakan yang akan diambil tidaklah bertentangan dengan apa yang diperkata dan apa yang dilaksanakan kerana kesannya adalah kesan terhadap rakyat dan rakyatlah yang mendokong Kerajaan selama ini dan kalau sekiranya rakyat sendiri telah merasai keciwa di dalam apa yang telah berlaku terhadapnya, sudah pastilah rakyat sendiri tidak akan dapat lagi bersabar dan menerima kesan yang diterima kepada mereka sehingga ini. Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:**  
Panjang lagikah?

**Tuan Ismail bin Arshad:** Sedikit lagi.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:**  
Ramai lagi yang hendak bercakap.

**Tuan Ismail bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kedudukan belia sepertimana yang disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya belia-belia yang ada pada hari ini yang akan mewarisi tanggungjawab untuk memimpin negara pada masa akan datang perlu mempunyai kemahiran dalam berbagai bidang untuk berkeupayaan berfikir secara positif dan bertindak secara rasional, saya rasa ini tidak seharusnya merupakan sebagai satu sasaran semata-mata.

Ianya juga perlulah dirancang dan diletakkan satu tanggungjawab dan pelaksanaan yang khusus untuk dapat menjadikan sebenar-benarnya belia mewarisi tanggungjawab untuk memimpin negara dan menjadi warisan kepada negara sebagai manusia atau insan kamil seperti yang pernah dikatakan.

Apa yang saya menarik perhatian tentang belia-belia ini ialah oleh kerana pertumbuhan penduduk di negara kita ini begitu meningkat dan boleh dikatakan 60% adalah terdiri daripada kalangan-kalangan belia dan seperti saya katakan tadi, kalau sekiranya Kerajaan dapat membuka rancangan tanah dan memasukkan 70,000 keluarga tani ke dalam FELDA tetap akan diwarisi oleh satu keluarga daripada 5 anak yang akan diberikan warisan dan bererti empat lagi akan mencari peluang-peluang ataupun bidang-bidang lain untuk mereka hidup. Biasanya di dalam kumpulan belia-belia ini terdapat beberapa peringkat ataupun kumpulan.

Yang pertama yang boleh diletakkan sebagai kategori yang pertama iaitu belia-belia yang berpeluang mendapat pendidikan yang cukup dan sempurna dan mereka ini akan mendapat peluang-peluang pekerjaan yang baik ataupun mereka tidak lagi mempunyai masalah di dalam kehidupan.

Kategori yang kedua, ialah belia-belia yang mempunyai pengetahuan dan pelajaran yang sederhana atau pertengahan di mana kalangan ini juga boleh kita berikan bantuan-bantuan latihan ataupun peluang-peluang bimbingan untuk mereka meneruskan aliran-aliran minat masing-masing supaya mereka dapat membangun ataupun dapat mencari peluang-peluang kehidupan yang mereka dapat terokai sendiri.

Kategori yang ketiga ialah belia-belia yang tidak mendapat pendidikan

yang mencukupi ataupun kadang-kadangnya terdapat kalangan-kalangan daripada belia-belia yang miskin yang keciciran di bidang pelajaran. Inilah yang seharusnya diberi perhatian sekarang ini oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan di mana kalau sekiranya kalangan ini dirancang, satu strategi untuk membantu dan memberi latihan-latihan yang sebenar-benarnya sama ada memberikan mereka ini peluang-peluang latihan, kemahiran atau sebagainya, maka sudah pastilah mereka ini tidak akan menjadi kalangan belia-belia yang terumbang ambing dan mungkin juga senang dipengaruhi oleh kalangan-kalangan yang tertentu. Contohnya, sekarang ini kita dapati di dalam musim berpolitik ataupun masa persidangan-persidangan politik, ada setengah daripada setengah belianya boleh dibeli dengan dibawa makan ataupun dijanji sesuatu, boleh dipengaruhi, kerana mereka tidak mempunyai harapan yang lain melainkan bergantung kepada sesiapa yang akan memberi janji.

Saya harap Kementerian Belia dan Sukan menyedari hakikat ini dan merancang keadaan yang sewajarnya supaya harapan kita terhadap belia-belia di masa yang akan datang tidak lagi menjadi belia yang boleh dibeli ataupun belia-belia yang terumbang ambing begitu sahaja.

Akhirnya, saya sukacitalah menyatakan di sini bahawa saya menyokong penuh di atas cadangan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong bagi Pembukaan Persidangan Penggal Kedua, Parlimen Keenam baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani. Oleh sebab ada sembilan orang lagi

yang hendak bercakap, kalau boleh 15 minit sahaja. Kita bahagi-bahagikan. Silakan.

4.15 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di waktu Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keenam pada 12hb Mac, 1984 ini.

Saya dan pengundi-pengundi di kawasan Parlimen Sungai Petani menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Baginda. Duli Yang Maha Mulia telah bertitah dengan begitu teliti dan begitu iklas betapa mustahaknya nilai-nilai yang mulia seperti kejujuran, kerajinan, dedikasi, bertanggung-jawab, bertimbang rasa dan amanah sangat penting bagi mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah serta mengamalkan konsep kepimpinan melalui teladan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sungguh bangga di atas kecekapan dan kesungguhan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan di dalam menyelenggarakan tugas-tugas mereka di jabatan-jabatan. Mereka ini patut diberi kepujian dan dinaikkan pangkat. Pada mereka yang kurang aktif pula patutlah dinasihatkan supaya berkerja lebih rajin.

Tuan Yang di-Pertua, belia hari ini adalah pemimpin hari esok. Oleh itu wajarlah Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan mengambil berat dan memberi perhatian yang sungguh-sungguh kepada golongan belia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya dibanyakkan pusat-pusat belia palupur dan latihan kemahiran supaya belia-belia kita tidak dipengaruhi dengan penyalahgunaan

dadah. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan Kementerian Kebajikan Masyarakat yang telah membangunkan Pusat Pemulihan bagi memulihkan belia-belia yang terlibat dengan dadah di kawasan Sungai Petani. Saya berharap pengawasan yang ketat akan dilakukan supaya penagih-penagih ini dapat dipulihkan dan kembali ke pangkuan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya tidak ada banyak padang untuk dijadikan padang bola untuk belia. Kalau adapun hanya di kawasan sekolah yang mana tidak diberi selalu kepada belia-belia bermain bola. Ada cadangan oleh belia-belia di Sungai Petani supaya tanah di Sungai Layar dibeli oleh Kementerian Belia dan Sukan dan dijadikan padang bagi belia-belia. Ini sangat-sangat diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Tuanku ada menyebutkan bahawa pembangunan bandar dan wilayah, maka satu pelan mengenai pengagihan pertumbuhan mengikut kawasan di peringkat negara akan dirangka. Ini adalah usaha yang baik sekali bagi mengurangkan perbezaan pembangunan antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar yang menjadi perbezaan dalam meningkatkan kemajuan ekonomi dan keluarga mereka. Tetapi pada hakikat sebenarnya terdapat pembangunan di bandar lebih pesat, lebih cepat dan lebih mengagumkan jika dibandingkan dengan kawasan luar bandar yang serba serbi kekurangan, iaitu kekurangan kemudahan asas yang perlu untuk hidup pun adalah jauh daripada mencukupi jika kita bandingkan dengan penduduk dalam bandar yang serba serbi mencukupi. Oleh itu dalam pembahagian projek pembangunan asas yang tidak penting dan mustahak kepada orang di dalam bandar lagi, tetapi masih didahagai oleh penduduk di luar bandar hendaklah ditumpukan kepada tempat

yang kurang maju supaya mereka dapat meningkat sosio ekonomi dan meningkat cara hidup yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya jalan-jalan kampung yang penting bagi perhubungan mereka ditarkan. Lampu elektrik yang perlu untuk mereka dan anak-anak mereka membaca buku dan juga bekalan air paip yang menentukan kesihatan mereka terjamin, masih tidak dapat dinikmati oleh mereka. Dan tidak hairanlah kalau mereka itu hidup masih susah dan tidak dapat menikmati kekayaan dalam negara yang kaya raya dan penuh dengan sumber-sumber alam yang dijadikan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada umatnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembangunan perumahan yang dibuat oleh kerajaan khasnya Kementerian Perumahan yang menjalankan projek rumah murah bagi rakyat miskin dan yang berpendapatan rendah, usaha Kementerian ini adalah amat baik dan patut dipuji, tetapi saya rasa dan saya minta biarlah rumah-rumah yang dibuat itu benar-benar rumah yang boleh dikatakan selesa untuk menampung keluarga yang tinggal di dalamnya kerana keluarga miskin ini bilangan keluarganya lebih ramai daripada orang kaya. Oleh itu bagi memenuhi hasrat kepada rakyat miskin ini tetapi kaya dengan anak dapatlah sekiranya dibangunkan ruangan-ruangan rumah dan bilik-bilik itu lebih besar, luas dan selesa. Kalau pembayarannya lebih sedikit pun tidaklah mengapa.

Untuk menyenangkan pihak Kerajaan khasnya Kementerian Perumahan mengetahui rumah-rumah yang saya katakan tidak selesa ini ialah rumah di Sungai Layar, Taman Seri Tanjung, Fasa 2, rumah berderet dua tingkat. Saya rasa pihak Kementerian patutlah pergi dan juga melihat keadaan rumah yang saya katakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kurang senang dan tidak faham mengapa ahli dari parti pembangkang DAP sangat takut dan bimbang kepada usaha ke arah pembangunan kebudayaan kebangsaan. Bukankah mereka itu rakyat Malaysia yang tinggal di Malaysia dan cintakan kepada negara Malaysia? Di mana bumi dipijak, disitulah langit dijunjung.

Saya rasa dan yakin Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah membuat sesuatu dengan cara melulu dan keterlaluan. Kerajaan sedar yang penduduk di negaranya adalah yang berbilang kaum dan keturunan. Oleh itu, janganlah pihak DAP khawatir sangat. Lihatlah dahulu sebelum menuduh sesuatu yang boleh menyakiti orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya turut bersama-sama menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Baginda. Sekian terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Seremban.

*4.21 ptg.*

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi satu dua pandangan di atas Titah Ucapan Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian dan perpaduan negara adalah masih sukar meskipun kita telah merdeka semenjak tahun 1957. Sejak itu setiap tahun seruan-seruan telah dibuat di dalam Dewan yang mulia ini untuk perpaduan negara. Akan tetapi matlamatnya adalah jauh daripada dicapai. Hanya beberapa hari yang lalu, Yang Berhormat Menteri Penerangan telah mencadangkan penubuhan sebuah Kementerian khas

bagi integrasi negara dan beliau telah menegaskan betapa pentingnya Kementerian seumpama itu.

Beberapa tahun lalu Kementerian Perpaduan Negara telah ditubuhkan dan telah diaktifkan, tetapi dengan perjalanan masa, Kementerian tersebut bukan sahaja tidak mencapai apa-apa hasil yang berkesan tetapi juga telah dibubarkan sama sekali. Sekarang ini percubaan untuk mewujudkan semula tetapi dengan menggunakan nama yang lain. Penukaran nama tidak akan mempunyai apa-apa makna selagi masalah perpaduan negara tidak dihadapi dengan betul. Perubahan nama-nama baru dan nama yang high sounding, dengan izin, tidak akan mencapai perpaduan negara. Langkah yang penting ialah untuk melaksanakan dasar-dasar yang betul pada zahirnya.

Dalam satu ucapan baru-baru ini, YAB Timbalan Perdana Menteri telah mengutarakan visinya tentang sebuah Malaysia yang lebih gemilang dan progresif. Kami di dalam DAP juga mempunyai visi yang sama, tetapi ingin kami menyatakan bahawa visi tersebut hanya boleh menjadi kenyataan apabila negara telah mencapai perpaduan negara.

Di dalam sebuah masyarakat yang berbilang bangsa, kebudayaan dan ugama, kepentingan semua rakyat hendaklah diambil kira dan dilayani. Kerajaan Barisan Nasional telah menerima dasar, satu bahasa satu budaya. Dan adalah sukar untuk menyesuaikan (reconcile) dasar seumpama itu dengan sebuah masyarakat majmuk (plural) yang mempunyai berbagai bahasa dan kebudayaan.

Rakyat Malaysia harus merasa bahawa mereka adalah selamat dari segi politik dan cara yang paling baik untuk berbuat ini ialah dengan mengamalkan sistem demokrasi

seorang satu undi. Akan tetapi cadangan untuk menyusun semula bahagian pilihanraya yang akan menambahkan kuasa politik satu kaum dengan mengorbankan kaum-kaum lain (at the expense of another) telah mendatangkan kegelisahan di kalangan orang-orang bukan Melayu di negara ini. Peluang-peluang yang lebih dalam bidang ekonomi dan pelajaran hendaklah diwujudkan supaya dapat pengagihan yang cukup bagi pemuda-pemuda kita dan tiada sesuatu kaum yang akan terasa dinafikan sesuatu. Pendek kata, pemimpin-pemimpin Kerajaan hendaklah berfikir dan berlagak sebagai rakyat Malaysia. Mereka hendaklah ambil berat terhadap semua rakyat tanpa mengira kaum sementara perhatian diberi untuk memperbaiki nasib orang-orang bumiputera.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan tidaklah boleh lalai akan nasib dan masa depan rakyat Malaysia yang lain yang dilahirkan di sini dan adalah orang bumiputera dalam erti kata yang sebenarnya. Perpaduan negara boleh dicapai tetapi prinsip-prinsip yang baik harus diwujudkan dan diikuti iaitu di dalam sebuah masyarakat majmuk. Pemimpin-pemimpin hendaklah berfikir dan berlagak sebagai Malaysian serta ambil berat akan nasib semua rakyat Malaysia dengan adilnya dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan dan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa minggu lalu YAB Timbalan Perdana Menteri telah mengeluarkan satu amaran keras kepada mereka yang telah melawat negeri China tanpa kebenaran Jabatan Imigresen dan tidak lama selepas itu Jabatan tersebut menahan (impounded) pasport 53 orang yang telah dikatakan telah melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.

Kedaaan di Hong Kong adalah seseorang pelawat (tourist) yang

melawat Hong Kong boleh dengan mudahnya memasuki negeri China selagi dia mengisi beberapa borang dengan bantuan agen-agen pelancungan dan mereka tidak dikehendaki menunjukkan pasport mereka. Beberapa orang rakyat memang telah ambil advantage akan kemudahan ini apabila mereka berada di Hong Kong. Mereka berbuat demikian kerana adalah sukar untuk mendapatkan kebenaran melawat negeri China dari Jabatan Imigresen. Terdapat sekatan-sekatan yang dikenakan bagi pelawat-pelawat yang ingin melawat ke negeri China iaitu:

- (1) Mereka hendaklah berumur 65 ke atas sekiranya mereka ini membuat satu lawatan.
- (2) Bukti-bukti dikehendaki sekiranya tujuan lawatan mereka adalah untuk melawat saudara-saudara mereka di negeri China.
- (3) Sekiranya mereka ingin melawat ke sini atas sebab-sebab perubatan maka pemohon berkenaan hendaklah memperolehi surat dari doktor yang menyatakan bahawa tiada rawatan tempatan untuk penyakitnya; atau
- (4) Bahawa si pemohon hendaklah menunjukkan dokumen-dokumen yang beliau akan menyertai pertunjukan perdagangan dengan tajaan perbadanan-perbadanan Kerajaan seperti PERNAS. Kebenaran memang diberi kepada ahli-ahli rombongan Kerajaan yang melawat negeri China.

Menurut pandangan saya tidak ada keperluan untuk dikenakan sekatan-sekatan ke atas mereka yang ingin melawat negeri China. Lawatan ke negeri China haruslah dibenarkan seperti melawat ke negara-negara lain, pendapat bahawa mereka yang

melawat negeri China akan terpengaruh dengan dakyah atau ideologi communist dan kembali ke sini untuk menyebarkan surversion tidaklah benar atau valid lagi. Pemimpin yang ada di China sekarang mengutamakan modenisasi dan pembangunan ekonomi dan bagi mereka orang-orang keturunan China dari Malaysia adalah rakyat Malaysia dan bukan China seberang laut (overseas Chinese). Adalah menjadi perkara yang diketahui semua bahawa negara-negara seperti Thailand, Burma dan Philipines yang menghadapi masalah insurgency komunis tidak mengenakan sekatan ke atas mereka yang ingin melawat negeri China.

Pelawat-pelawat dari Malaysia yang melawat China memuji keindahan negara serta benda purba sejarah negara tersebut tetapi mereka tidak terganggu dengan sekatan-sekatan yang dikenakan di situ ke atas kebebasan peribadi (personal liberties) serta taraf kehidupan yang buruk.

Kerajaan Barisan Nasional menegaskan bahawa selagi Peking mempunyai perhubungan parti antara parti dengan parti komunis tempatan, maka selagi itu tidak boleh diadakan perhubungan di antara rakyat dengan rakyat China. Kerajaan Negeri Thailand, Burma dan Filipina mengambil pendirian yang lain pula. Adalah tidak adil untuk menghukum (penalise) majoriti rakyat kita semata-mata kerana terdapat masalah komunis tempatan kerana rakyat telah membuktikan dalam beberapa pilihanraya umum yang mereka lebih suka pilihanraya melalui peti undi.

Saya rasa Kerajaan Barisan Nasional menggunakan hubungan antara parti dengan parti itu sebagai salah satu helah (execuse) kerana ia menganggap rakyat Malaysia keturunan China sebagai Column Ke 5

yang potensi, dari ini memang adalah satu anggapan yang tidak adil sama sekali.

Ketaatsetiaan rakyat Malaysia keturunan China masih diragui di kalangan pihak Kerajaan. Rakyat Malaysia keturunan China, telah membuktikan ketaatsetiaan mereka tanpa sebarang keraguan dengan pengorbanan dan sumbangan mereka kepada negara dan bahawa ketaatsetiaan mereka adalah sama dengan warganegara-warganegara Malaysia yang lain, tidak ada ruang untuk sebarang keraguan. Parti DAP menyeru Kerajaan Barisan Nasional memansuhkan sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas mereka yang ingin melawat negeri China.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya satu peristiwa mengenai cukai yang tidak pernah berlaku dahulu sedang berlaku di negara ini akibat keputusan yang dibuat oleh Majlis Tanah Negara. MTN dalam mesyuaratnya telah memutuskan untuk meninggikan cukai tanah dan ada telah mengesyorkan satu jadual kadar yang sama untuk semua negeri di negara ini. Akibat ini semua tanah yang dimiliki oleh orang-orang perseorangan atau pertubuhan-pertubuhan telah dikenakan cukai mengikut kadar-kadar meter persegi. Setahu saya kadar cukai tanah baru ini sedang dilaksanakan di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Melaka dan Pahang. Ini telah mendatangkan rasa marah dari pemilik-pemilik rumah, petani-petani, pekebun-pekebun kecil dan penduduk-penduduk kampung-kampung baru telah riuh mengapa begini, kerana dengan kadar baru yang dikenakan itu pemilik-pemilik rumah dan tanah akan dikehendaki membayar lebih cukai di antara 100% hingga 2000% berbanding dengan apa yang telah mereka bayar sebelum tahun 1983. Dengan mengenakan kadar baru di masa kemelesetan ekonomi Kerajaan-kerajaan Negeri

termasuk Negeri Sembilan telah bertindak kejam terhadap rakyat. Rakyat telah mengalami kesusahan sejak 2 tahun kebelakangan ini dan kadar baru ini hanya akan menambahkan beban mereka. Kenaikkan sebanyak 10% atau lebih sedikit adalah munasabah, tetapi kenaikan 100% hingga 2000% adalah satu perbuatan gila.

Kita tahu Kerajaan-kerajaan Negeri memerlukan wang dan bantuan kewangan yang diterima dari Kerajaan Persekutuan adalah kurang, tetapi ini tidak bermakna para pembayar cukai terpaksa menebus dosa Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah membelanjakan wang awam secara bebas dan boros. Mengikut tradisi cukai tanah adalah dikenakan berasaskan kepada kadar yang nominal dengan izin, dan ia tidaklah seharusnya mempunyai apa-apa hubungan dengan nilai maksud-maksud tanah. Memang terdapat rasional bagi cukai harta-benda atau penaksiran dikenakan berasas kepada nilai tanah. Dengan mengenakan cukai harta-benda, Majlis-majlis Perbendaharaan, bandar dan luar bandar menyediakan perkhidmatan dalam bentuk lampu awam, pemungutan sampah-sarap dan lain-lain kemudahan, tetapi apakah jenis pemungutan cukai tanah ini rakyat ingin tahu. Cukai tanah melambung naik dengan begitu tinggi, tetapi para pekerja, petani-petani, kerani, peniaga kecil dan pekedai tidak mendapat tambahan gaji atau pendapatan yang sebanding dengan kenaikan kadar cukai tanah.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat ada seminit lagi.

**Dr Chen Man Hin:** Ya. Akhirnya sedikit lagi, Kerajaan Negeri sebenarnya sedang menetapkan satu trend yang bahaya dan ini boleh mencetuskan satu lagi separa inflasi, kadar inflasi sekarang adalah kurang

dalam 10%, tetapi kenaikan cukai pintu sebanyak 100% hingga 2000% hanya akan menggalakkan keadaan inflasi.

Saya menyeru Menteri Kemajuan Tanah dan juga Menteri Kerajaan Tempatan serta Kerajaan-kerajaan Negeri supaya memansuhkan kadar baru cukai tanah ini dengan sertamerta supaya mengurangkan beban orang ramai. Terima Kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Silam.

4.37 ptg.

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut serta bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah diucapkan ketika membuka Mesyuarat Penggal Kedua, Parlimen yang Keenam pada 12hb Mac, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, objektif dan matlamat menjadikan negara kita berada dalam keadaan aman, bersatu-padu, bermaruah dan maju amatlah sukar untuk dicapai tanpa sokongan dan penyertaan semua lapisan masyarakat yang terdapat di negara ini. Dasar-dasar inovatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan sudah tentu tidak akan berjaya mencapai matlamatnya tanpa sokongan dan penyertaan rakyat dengan sikap yang positif. Dengan sokongan dan penyertaan masyarakat dalam semua peringkat, maka sudah pasti usaha dan matlamat utama kita akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya akibat buruk kemelesetan ekonomi dunia yang juga menjejaskan prestasi pembangunan negara kita telah memberikan kita panduan dan petunjuk untuk merancang dan merangka strategi-strategi dan

program-program membina demi mempertingkatkan lagi pencapaian objektif Dasar Ekonomi Baru kita. Dengan usaha gigih para pemimpin negara ini dapatlah rakyat negara ini menikmati kesejahteraan, keamanan dan kemajuan pembangunan yang telah dirancang dengan rapi dan teliti, pentadbiran negara begitu tersusun bagi melicinkan pentadbiran ini Kerajaan telah mengemukakan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang sudah pun diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin mengesyorkan agar Kerajaan dapat mengambil perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya tentang beberapa masalah yang saya akan bangkitkan sebentar lagi.

Pertamanya ialah berkenaan masa depan industri penerbitan buku di negara ini. Seperti kita semua sedia maklum buku adalah urat nadi dalam masyarakat majmuk seperti negara kita ini, sebuah negara yang pesat membangun hendaklah menerima dan mengakui hakikat ini. Di samping filem, radio, TV, majalah dan akhbar, buku memainkan peranan penting dalam pembangunan negara terutama sekali dalam masa kita ingin mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali juga ialah untuk kita mencapai matlamat utama, iaitu membentuk peribadi jenerasi muda negara ini. Usaha ke arah penerbitan buku-buku yang meluas sudah tentu akan dapat membantu kita menanamkan semangat gemar membaca dan ini secara tidak langsung akan membantu menyerapkan ilmu pengetahuan kepada semua pembaca. Perusahaan penerbitan negara ini mestilah sanggup menerbitkan buku-buku

bacaan untuk orang ramai, buku-buku untuk belia, terutama sekali kanak-kanak yang mana seharusnya diberi perhatian yang sewajarnya dari awal-awal lagi.

Adalah tidak dinafikan bahawa usaha kita untuk mencapai perusahaan penerbitan menghadapi masalah dan kesulitan yang tersendiri. Negara kita mempunyai tenaga yang berbakat dalam bidang penulisan buku-buku berbagai bidang, akan tetapi mereka tidak dapat galakan dan dorongan untuk menulis buku-buku kita yang dikehendaki. Sangat sedikit ahli-ahli akademik menghasilkan buku-buku yang kita kehendaki, umpamanya buku-buku rujukan dan sebagainya. Ini adalah disebabkan pasarannya yang terhad. Kedua, cukai jualan dan cukai belian yang dikenakan oleh Kerajaan ke atas kertas-kertas yang diimport menyebabkan ramai penerbit buku-buku tempatan mencetak buku-buku mereka di luar negeri dan apabila buku-buku tersebut dibawa masuk, Kerajaan tidak mengenakan sebarang cukai. Inilah yang merupakan masalah yang dihadapi oleh pencetak-pencetak kita.

Saya menggesa Kerajaan supaya dapat mencari jalan untuk penyelesaian di mana para penerbit tempatan tidak mencetak buku-buku mereka di luar negeri. Andainya wujud satu tindakan, maka terjaminlah pencetakan di negara ini. Saya juga mencadangkan supaya Kerajaan dapat mengurangkan kadar cukai bahan-bahan mentah kerana ini akan dapat membantu mengurangkan kos penerbitan dan secara tidak langsung menurunkan harga jualan.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini suka saya memaklumkan bahawa semangat penulis-penulis tempatan kian lemah oleh kerana apabila mereka menulis buku ataupun menerbitkan buku, ratusan lagi buku cetak-rompak

membanjiri pasaran. Saya tidak menafikan Kerajaan boleh mengambil dan melindungi hakcipta para penulis kita, akan tetapi dengan peruntukan yang ada dalam Undang-undang Hakcipta maka tidak tercapailah matlamat-matlamat yang kita idam-idamkan. Pelaksanaan Undang-undang ini terlalu lembab.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari ini saya juga ingin mengutarakan masalah kesihatan, pelajaran yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kawasan saya. Walaupun perkara-perkara ini telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat secara menyeluruh, akan tetapi saya terpaksa mengutarakan sekali lagi dengan gambaran yang spesifik semoga Kementerian yang berkenaan akan dapat mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Saya memahami oleh kerana keadaan ekonomi kita tidak mengizinkan, maka beberapa projek pembangunan sekolah terpaksa ditangguhkan, seperti pembinaan sekolah-sekolah dan membaiki sekolah-sekolah yang sudah buruk. Walau bagaimanapun, saya sukalah menegaskan agar Kerajaan mengambil perhatian yang sewajarnya agar menimbangkan semula supaya dapat meneruskan projek-projek pembinaan sekolah-sekolah, khasnya sekolah-sekolah di Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, satu gambaran yang spesifik berkenaan keadaan yang saya anggap seharusnya tidak terjadi dan wujud dalam negara kita yang merdeka ini, iaitu masalah bangku-bangku dan kerusi-kerusi sekolah-sekolah rendah di kawasan pilihanraya saya di mana murid-murid sekolah duduk dan menulis di lantai. Dua perkara ini saya dapati ia terjadi di dua buah sekolah; Sekolah Rendah Kerajaan Kampung Denawan dan Sekolah Rendah Kerajaan Kampung Bangau-bangau di Daerah Semporna. Saya amat terkejut apabila saya

melihat murid-murid duduk dan menulis di lantai. Perkara ini amatlah menyedihkan. Sudahpun buku-buku teks yang digunakan "out-of-date", duduk dan menulis lagi di lantai. Inilah gambaran yang saya maksudkan di mana Kerajaan, khasnya Kementerian Pelajaran seharusnya mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Saya yakin dan percaya keadaan seperti yang saya gambarkan tadi juga berlaku di kawasan-kawasan lain di Negeri Sabah, khasnya kawasan-kawasan yang terpencil. Dengan ini saya inginlah mengesyorkan supaya Kerajaan dapat menubuhkan Jawatankuasa di peringkat Negeri, peringkat Bahagian dan peringkat Daerah di Negeri Sabah supaya dapat mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat negeri ini dengan meningkatkan lagi mutu dan pencapaian murid-murid sekolah dalam semua peringkat.

Bersabit juga dengan pelajaran, iaitu dengan pembinaan Sekolah Menengah Pulau Bumbung di Semporna yang sehingga hari ini belum terlaksana pembinaannya, walhal sudah diadakan tapak untuk maksud pembinaan sekolah ini. Saya inginlah mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya pembinaan sekolah ini akan dapat dipercepatkan supaya murid-murid Tingkatan 1, 2 dan 3 yang telahpun dimulakan 3 tahun yang lalu tidak lagi menumpang di sekolah-rendah di pulau tersebut. Dan yang menyedihkan sekali ialah penderitaan murid-murid sekolah yang berasal dari kampung-kampung dan pulau-pulau yang berdekatan di mana mereka terpaksa membina rumah-rumah sementara yang berdekatan dengan sekolah ini.

Seperti saya dapati dalam lawatan saya ke sekolah menengah ini, terdapat lebih kurang 150 orang

murid-murid Tingkatan 1, 2 dan 3 tinggal di rumah-rumah sementara yang berukuran lebih kurang 10 kaki lebar dan 10 kaki panjang. Murid-murid tersebut tinggal dalam keadaan yang buruk dan sangatlah menyedihkan. Dengan ini saya mohon agar Kementerian Pelajaran dan Kerajaan akan berusaha untuk mengatasi masalah murid-murid tersebut demi kepentingan pelajaran mereka sebelum Sekolah Menengah Pulau Bumbung ini dapat dimulakan pembinaannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini Pulau Bumbung ini mempunyai penduduk lebih kurang 28,000 orang, tidak termasuk masyarakat orang-orang Filipina yang sudah tinggal di kawasan ini sejak beberapa tahun yang lalu. Pulau ini mempunyai 12 buah sekolah rendah dan sudah tentu sekolah menengah yang akan dibina nanti akan mencapai matlamatnya, di samping menampung sekolah-sekolah rendah di kampung-kampung dan pulau-pulau lain yang berdekatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ialah berkenaan masalah kekurangan doktor, alat-alat perubatan yang sangat-sangat diperlukan di Rumah Sakit Daerah Semporna di kawasan saya. Masalah ini harus diambil perhatian yang sewajarnya supaya penduduk-penduduk berjumlah lebih kurang 80,000 orang di daerah ini akan mendapat kemudahan perubatan seperti yang kita nikmati di negeri-negeri di Semenanjung ini.

Yang akhir sekali berkenaan kekurangan doktor di Rumah Sakit Daerah Semporna yang telah dialami selama lebih kurang 5-6 tahun. Hospital Daerah ini hanya mempunyai seorang doktor sahaja dan sudah tentu penduduk-penduduk di daerah ini akan menghadapi masalah-masalah perubatan. Kalaulah keadaan sedemikian berlaku berterusan, sudah

tentu hasrat dan matlamat kita untuk meninggikan taraf dan kesejahteraan hidup mereka yang tinggal di luar bandar akan tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita semua tidak sanggup melihat penduduk-penduduk luar bandar negeri ini menderita. Kita semua ingin melihat kemakmuran dan kesejahteraan kepada semua mereka. Dengan ini saya mengesyorkan supaya perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan.

Dengan itu, saya menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dilafazkan semasa membuka Mesyuarat Parlimen pada 12hb Mac, 1984 yang lalu.

4.50 ptg.

**Tuan Lim Liang Seng (Kinta):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta dalam membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Keenam, menyokong usul yang dicadangkan untuk mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Menjunjung Kasih Kebawah Duli serta juga memberi sedikit sebanyak pandangan saya tentang beberapa isu yang telah disentuh.

Tuan Yang di-pertua, setiap rakyat adalah bersyukur kerana negara kita Malaysia selama ini terus berada di dalam keadaan aman dan tenteram. Tiada siapa pun yang boleh menafikan bahawa ini adalah hasil kestabilan negara kita yang telah menjadi kebanggaan negara kita dan sanjungan negara-negara lain. Kestabilan ini wujud kerana kita mengamalkan satu sistem yang baik dan teruji iaitu sistem demokrasi berparlimen dan kedaulatan Raja berperlembagaan.

Kini 26 tahun telah berlalu sejak negara kita mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957. Selama 26 tahun yang lalu itu adalah menjadi matlamat Kerajaan, baik Kerajaan Perikatan dahulu mahupun Kerajaan Barisan Nasional sekarang, supaya menjadikan negara kita aman, bersatupadu, bermaruah dan maju.

Saya berasa gembira kerana Kerajaan sedar tidak ada jalan yang mudah ke arah pencapaian matlamat ini dan telah menyatakan dari semasa ke semasa akan menentukan arah-arab baru.

Sesungguhnya perpaduan negara adalah menjadi matlamat utama yang telah dinyatakan dengan jelasnya pada dasar-dasar Kerajaan. Dalam dasar Ekonomi Baru yang begitu penting serta mempunyai implikasi-implikasi meluas itu pun perpaduan negara juga merupakan matlamat utama yang mengatasi segala-galanya matlamat yang lain. Seperti telah diperkatakan di atas tadi tidak ada jalan yang mudah ke arah mencapai perpaduan negara, maka adalah tidak benar jika sekiranya seseorang mengatakan bahawa usaha-usaha kita selama ini telah dapat menegakkan perpaduan negara di atas satu asas yang kukuh. Walau bagaimanapun adalah juga salah sama sekali jika seseorang jutamanya dari kalangan ahli-ahli Pembangkang yang cuba dan sengaja memperkecil-kecilkan usaha-usaha kita dalam Kerajaan Barisan Nasional bertujuan dan kearah mencapai matlamat ini. Seseorang yang berkata demikian semata-mata tidak cakap benar dan langsung tidak rela memberi pengakuan kepada apa-apa hasil usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada dinyatakan bahawa perjuangan kita untuk membina

sebuah negara yang aman, bersatupadu, bermaruah dan maju adalah satu perjuangan yang berterusan. Kita telah diingatkan juga supaya sentiasa berwaspada untuk mengelakkan kedaulatan negara kita dari tergugat. Kita seharusnya terus memupuk dan mengukuhkan lagi tali persefahaman antara kaum supaya kita tidak akan berpecah belah. Kepada kita yang dari Barisan Nasional ini merupakan tanggungjawab dan kewajiban kita yang semestinya dilaksanakan oleh setiap kita.

Tuan Yang di-Pertua, persefahaman antara kaum yang wujud selama ini adalah menjadi asas perpaduan negara. Seandainya kita benar-benar menghargai asas ini hendaklah semua pihak menjauhkan diri dari melakukan sesuatu yang tidak diinginkan sehingga menjahanamkan asas ini. Saya berpendapat bahawa asas ini cuma boleh diperkukuhkan lagi jika sekiranya terdapat sikap tolak ansur, saling menghormati dan sensitif kepada perasaan takut dan kluatir di antara satu masyarakat sama lain.

Phenomena yang ada sekarang di mana sesuatu kaum diberi segala bantuan, peluang dan perlindungan yang tidak berhad dalam hampir semua bidang telah menimbulkan satu keadaan dan suasana yang tidak sihat dan kurang menyenangkan iaitu disatu pihak kaum berkenaan telah menjadi terlalu complacent dan di satu pihak yang lain sesuatu kaum yang lain dari itu pula menghadapi frustrasi atau kekecewaan yang amat sangat akibat kekurangan sangat atau langsung ketiadaan peluang untuk mengambil bahagian dalam sesuatu.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk mempertingkatkan tahap perpaduan negara serta memperkukuhkan lagi asasnya adalah perlu dan penting Kerajaan menggembelingkan keazaman dan keberanian politiknya untuk menentukan arah-arab baru

dalam pelaksanaan dasar-dasar serta program-program berkenaan supaya perkara-perkara yang membawa kesan-kesan buruk dan tidak diinginkan itu dikurangkan kepada tahap yang paling minima sekali.

Tuan Yang di-Pertua, memang tepat dan benar bahawa kemajuan pelajaran dan pembangunan kebudayaan merupakan alat-alat yang penting bagi mencapai perpaduan negara. Akan tetapi dalam bidang pelajaran akibat pelaksanaan dasar Kerajaan serta program-program berkenaan satu fenomena yang kurang menyenangkan telah muncul. Ekoran dari itu bukan sahaja asas perpaduan negara telah tidak diperkukuhkan malahan telah dijejaskan kerana, dengan izin, sense of discrimination and sense of deprivation telah timbul di dalam hati sanubari ramai pelajar bukan Bumiputera. Apa yang saya maksudkan ialah keadaan tidak saksama yang telah wujud sekian tahun lamanya dalam pengambilan pelajar untuk masuk Tingkatan VI pra-universiti. Selama ini terdapat dua set syarat-syarat kelayakan memasuki Tingkatan VI pra-universiti yang berlainan bagi pelajar-pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera. Saya berpendapat bahawa masanya sudah sampai Kerajaan seharusnya mempersama dan menseragamkan kedua-dua set syarat-syarat itu supaya tidak lagi memperbeza-bezakan di antara pelajar-pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pembangunan kebudayaan dan pembangunan kebudayaan kebangsaan, suka saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada Kerajaan supaya memperlihatkan sikap yang agak liberal. Saya berpendapat bahawa cara sebaik-baiknya untuk pembangunan kebudayaan kebangsaan ialah melalui proses evolusi dengan sendirinya.

Apakah perlu Kerajaan dan adakah bijak bagi Kerajaan bergesa-gesa dalam perkara ini. Ingin saya tegaskan bahawa usaha-usaha ke arah ini tanpa memberi pertimbangan yang wajar kepada hakikat yang Malaysia itu adalah sebuah negara yang terdiri dari berbilang kaum mungkin tidak dapat membawa kepentingan negara sepertimana yang diharap-harapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya suka menyatakan sokongan saya sekali lagi kepada usul yang dicadangkan itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Masa ada setengah jam lagi, jadi saya minta Ahli Yang Berhormat yang akan bercakap ini had setakat 10 minit sahaja. Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

5.00 ptg.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat gembira sekali kerana dapat bersama-sama mengikuti melahirkan hasrat junjungan kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan terus menyokong di atas usul yang dikemukakan oleh . . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Minta angkat suara sedikit, tidak dengar ini, pegawai-pegawai hendak mencatatkan.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** . . . . dan terus saya menyokong di atas usul yang telah dibentangkan oleh wakil daripada Kuantan tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memetikkan sedikit sebanyak atas Titah Ucapan Baginda Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Titahnya kemajuan pelajaran dan pembangunan kebudayaan merupakan

alat-alat yang penting bagi mencapai perpaduan negara. Dalam ucapan-ucapan yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia di dalam Dewan yang mulia ini adalah merupakan hikmat-hikmat yang boleh dipegang dan menjadi panduan kepada seluruh rakyat Malaysia. Dan dalam hikmat-hikmat perkataan Titah Duli Yang Maha Mulia itu sekiranya dipegang dan dipakai oleh segenap lapisan maka sudah tentu akan tercapai kepada matlamat-matlamat yang dikehendaki oleh Kerajaan dan rakyat. Diantara perkataan Titah Duli Yang Maha Mulia itu, kebudayaan merupakan alat-alat yang penting bagi mencapai perpaduan negara. Ertinya bahawa kebudayaan yang ada di dalam negara kita ini adalah kebudayaan yang timbul daripada kaum-kaum ataupun bangsa-bangsa yang ianya rakyat Malaysia iaitu daripada orang Melayu, Cina dan Hindu.

Hasrat Kerajaan untuk membentuk suatu dasar kebudayaan kebangsaan ialah bertujuan supaya tiap-tiap kaum tidak merasai dirinya itu sebagai seorang Cina ataupun orang Melayu, orang India pun merasai dirinya masih India lagi kerana selagi ada perasaan-perasaan yang seumpama ini menimbulkan ketiadaan ikhlas kita berada dalam tanahair ini.

Apa yang digambarkan oleh wakil daripada Seremban tadi menyarankan supaya Kerajaan buka dengan bebasnya rakyat-rakyat Malaysia boleh menziarahi atau pergi ke negeri China. Ini adalah satu gambaran diberi kepada orang-orang Cina yang ianya rakyat Malaysia supaya mengenang kembali tentang ke negeri China. Dan hikmat Kerajaan menutup atau tidak menggalakkan itu, ialah suatu hikmat yang besar terutama sekali ialah untuk menjaga perasaan orang Melayu. Kalaulah orang Cina di buka dengan luas boleh pergi ziarah ke negeri China, tentu sekalilah mereka bertalu-talu

pergi ke negeri China, seolah-olah balik ke tempat ibunda masing-masing. Tetapi kepada orang Melayu pula kemana hendak pergi. Ini untuk menjaga perasaan. Adapun dalam segi syakwasangka tentang pengaruh-pengaruh komunis dan sebagainya, rasa saya itu tidak begitu timbul.

Dalam segi kebudayaan, saya percaya bahawa bagi pihak Kerajaan telah mengkaji dengan secara yang amat teliti, ianya mendatangkan pertimbangan yang cermat untuk menyesuaikan kepada penerimaan seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Dalam hemat saya bahawa dalam dasar ini patutlah kita memberi kepercayaan penuh kepada Kerajaan yang mana susunan-susunan Kerajaan itu tidak lain tidak bukan ialah untuk mewujudkan ketenteraman dan kemakmuran hidup rakyat Malaysia dan keamanan negara. Dan sepatutnya pihak-pihak wakil-wakil pembangkang merasa berpuashati dan tidak usahlah mengungkit-ungkit lagi dalam Dewan ini sebagaimana apa yang telah disarankan oleh wakil dari Kota Melaka yang menyarankan supaya Kerajaan membentuk satu Jawatankuasa yang terdiri dari wakil-wakil kaum untuk membincangkan masalah dasar kebudayaan kebangsaan.

Sekiranya Kerajaan membenarkan perkara ini, maka akan menjadi suatu perkara yang boleh menimbulkan kekacauan dalam negara ini. Sebab tidak lain tidak bukan dalam segi pertimbangan Kerajaan adalah amat patut untuk dijadikan kebudayaan kebangsaan. Bukanlah bertujuan Kerajaan mahu membangkit atau membangunkan kebudayaan Melayu dan meninggalkan kebudayaan Cina. Rasa saya tidak ada perasaan-perasaan ataupun tujuan-tujuan itu. Kebudayaan Melayu sendiri pun

berapa banyak telah ditinggalkan dan tidak diambilkira dan tidak pula diungkit-ungkit, dicongkil-congkil oleh orang-orang Melayu supaya Kerajaan menghidupkan kembali.

Begitu juga kebudayaan Cina. Telah banyak orang-orang Cina sendiri sudah redha tinggal kebudayaan itu kerana di antara kebudayaan-kebudayaan itu tidak ada memberi faedah. Dan dengan kebudayaan-kebudayaan itu setengah-setengahnya mengganggu boleh menghilangkan ketenteraman keadaan berbilang kaum. Misalannya umpamanya tarinaga. Apakah hikmatnya Kerajaan tidak mengizinkan kerana Tarian Naga ini ialah boleh mengambil tempat-tempat yang banyak yang boleh menghilangkan ketenteraman. Misalannya selalu tarinaga di jalan-jalan besar atau tempat kawasan-kawasan yang luas.

Rasa saya kalau hendak buat tarinaga dalam rumah agak saya tentu sekali Kerajaan benarkan. Tetapi dalam rumah sahaja, tidak di jalan-jalanraya. Selalunya tarinaga ini memakan tempat yang besar. Boleh menyekatkan jalanraya dan sebagainya. Lain daripada komping. Sebagaimana wakil dari Kota Melaka membandingkan komping dengan tarinaga, tentu jauh sekali. Komping ini ialah orang berarak. Tempat orang-orang kahwin begitu. Tidak ada pula menyekat atau sekat-sekat jalanraya. Tetapi tarinaga ini menyekat jalanraya dan bising. Gendangnya itu terlampau bising dan mengganggu ketenteraman.

Maka kebudayaan-kebudayaan yang tidak mengganggu maka kerajaan tidak menghalangkan dan dibebaskan misalnya kalau hendak ikut kebudayaan Melayu betul dari segi pakaian; ini yang kita pakai bukan pakaian Melayu jati. Pakaian Melayu jati itu seluar empat karat yang selalu dipakai masa bersilat maka sudah

hilang pada kalangan orang Melayu. Kebudayaan pakaian Cina pula, yang ada sekarang dalam bandar Kuala Lumpur orang Cina yang pakaiannya banyak bukan pakaian Cina yang kita lihat sekarang. Pakaian Cina betul-betul seluar dan baju longgar—20 tahun dahulu kalau pandang dalam Kuala Lumpur bagaimana rupa orang Cina, adakah seperti sekarang? Kalau ikut kebudayaan Cina betul-betul, dia ada bertocang. Kalau sekiranya wakil Kota Melaka mahu ungkit-ungkit maka kita syorkan supaya bertocang semula.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, sudah lebih satu minit saya beri masa.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Oleh yang demikian, saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya menyokong di atas usul yang telah dibentangkan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

*5.12 ptg.*

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Bismillahir-rahmannir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong usul menjunjung kasih Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dicadangkan oleh sahabat saya Ahli dari Kuantan pada hari Isnin kerana pembukaan mesyuarat pertama Penggal Kedua Parlimen Keenam.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyarankan di dalam titah ucapannya, saya sedutkan di sini sedikit minta izin):

“Di atas kesedaran inilah Kerajaan Beta berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke

dalam sistem pentadbiran negara. Nilai Islam yang sememangnya bersifat mulia dan universal,.....”

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyarankan di sini walaupun saya telah pun bangkitkan dalam penggal yang sudah tetapi saya ingin bercakap lebih detail lagi iaitu berkenaan dengan pakaian menurut Islam di negara kita ini lebih-lebih lagi kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan kita, murid-murid sekolah dan kepada guru-guru sekolah.

Saya bersyukur, alhamdulillah menyaksikan bahawa murid-murid sekolah telah pun memakai pakaian tutup kepala sehingga tak nampak aurat sebelah atas dan begitu juga baju sehingga pergelangan tangan. Tetapi masih terdapat ada pula guru-guru yang tidak gemar murid perempuannya berpakaian demikian.

Saya berharap sangatlah kepada Kementerian Pelajaran supaya mengambil perhatian dan tindakan selanjutnya supaya biarlah selaras dan selari semua sekolah dalam negara ini. Kalau murid yang beragama Islam di Sekolah Menengah, lebih dari umur 9 tahun pelajar perempuan hendaklah mereka tutup aurat sebagaimana pegawai-pegawai Kerajaan yang ada di hadapan kita sekarang yang memakai tudung, begitu cantik molek rupa muslimat memakai pakaian Islam sedemikian.

Begitulah juga kakitangan Kerajaan yang beragama Islam lain hendaklah digalakkan, bukan dilarang kononnya tak cantik. Akal setengah boss yang hendak menengok tenguk perempuan itu disuruhnya buka tudung. Inilah yang terjadi dan ada pula di jabatan-jabatan Kerajaan, Pegawai Kerani disuruh buka pula walhal pekeja-pekerja itu hendak menghayati Islam.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Buka apa itu?

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Buka pakaian tudung (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, bukan buka lain.

Begitu juga saya telah menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa tahun dahulu berkenaan dengan pakaian jururawat. Mereka hendaklah memakai pakaian sesuai seperti dalam TV ada satu siri dahulu, mereka memakai bell bottom. Ini walaupun digunakan oleh jururawat sekarang ini, tetapi masih ada juga lagi yang memakai gaun, tak seimbang dan selaras. Kalau dapat, biarlah semua sekali memakai seluar panjang, menutup aurat mereka dan bajunya tangan panjang juga, tak nampak aurat. Jadi sekarang ada yang bergaun dan ada juga yang berseluar panjang. Jadi masih tidak sekata terutama sekali kepada jururawat Islam. Sekarang ini terbalik pula, kadang-kadang jururawat bukan Islam memakai seluar panjang, tetapi perempuan Melayu Islam pula memakai gaun pendek, mungkin dialter supaya pendek lagi. Mungkin supaya orang lelaki syok menengoknya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam Pasukan Polis, diharap Polis wanita yang pakai gaun itu, eloklah mereka pakai seluar yang sesuai. Sekarang ada wanita yang pakai seluar panjang iaitu pasukan muzik atau Police Band.

Jadi apakah salahnya diambil Pasukan Polis, wanita-wanita dari kampung-kampung yang ada semangat Islam itu, teruskan sahaja tutup aurat. Kadang-kadang mereka gayat, cuba sehari dua akhirnya terpaksa pakai gaun itu juga. Saya rasa biarlah diteruskan pakai seluar supaya cantik. Sekarang ini apabila lori lalu, trafik wanita itu ada orang buat begini, begini. Itu yang sedihnya, hendak ditutup peha itu uniform pendek dan terpaksa tegak di hadapan

orang lalu lalang. Budak-budak nakal, drebar-drebar lori pula mengejek: Opah, opah buka itu! Inilah kejadian yang saya sendiri saksikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang mendukacitakan, apabila saya datang dari Tapah ke mari, selalu ke Kuala Lumpur ini, saya tengok pada hari Minggu dan petang Sabtu, bukan bangsa asing atau ugama lain, tetapi wanita-wanita dan pemuda-pemuda Melayu begitu banyak dan penuh di hutan Templer Park. Selalunya harimau sahaja di dalam hutan itu, sekarang sudah penuh manusia keturunan Islam, orang Melayu. Saya terbaca sebuah majallah mingguan, *BUMI*, pengarangnya sendiri menyaksikan perkara maksiat berlaku, bukan main ramai pemuda pemudi Melayu di sana. Kejadian itu pula mungkin lah berlanjutan.

Saya hendak ceritakan sedikit kejadian di tempat saya tinggal, di flat. Pernah seekor kucing menarik seorang bayi yang umurnya 4 hari daripada tempat bakul sampah. Saya dengar cerita itu, kemudian minggu depannya keluar berita itu dalam *Utusan Zaman*. Inilah cerita yang sebenar, seorang bayi sudah nampak anggotanya lebih kurang, diheret oleh kucing daripada tempat pembuangan sampah.

Jadi sekarang menderu wanita-wanita dan pemuda-pemuda daripada desa ke bandar, manalah diketahui oleh ibu bapanya di kampung. Tetapi pengawasan mereka itu tidak ada. Sepatutnya mereka itu ada pengawasan daripada kubu-kubu yang disediakan daripada fikiran, daripada hati, daripada jiwa mereka yang hening jernih yang dibawa daripada kampung sebagai Islam sejati, tetapi beransur kurang apabila sudah sampai ke bandar. Datang pula pengaruh video, tengok video pula ada yang lucah. Siapa tahu? Saya sudah sebut dahulu dalam satu soalan saya kepada

Apakah perlu Kerajaan dan adakah bijak bagi Kerajaan bergesa-gesa dalam perkara ini. Ingin saya tegaskan bahawa usaha-usaha ke arah ini tanpa memberi pertimbangan yang wajar kepada hakikat yang Malaysia itu adalah sebuah negara yang terdiri dari berbilang kaum mungkin tidak dapat membawa kepentingan negara sepertimana yang diharap-harapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya suka menyatakan sokongan saya sekali lagi kepada usul yang dicadangkan itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Masa ada setengah jam lagi, jadi saya minta Ahli Yang Berhormat yang akan bercakap ini had setakat 10 minit sahaja. Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

*5.00 ptg.*

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat gembira sekali kerana dapat bersama-sama mengikuti melahirkan hasrat junjungan kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan terus menyokong di atas usul yang dikemukakan oleh . . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Minta angkat suara sedikit, tidak dengar ini, pegawai-pegawai hendak mencatatkan.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** . . . . dan terus saya menyokong di atas usul yang telah dibentangkan oleh wakil daripada Kuantan tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memetikkan sedikit sebanyak atas Titah Ucapan Baginda Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Titahnya kemajuan pelajaran dan pembangunan kebudayaan merupakan

alat-alat yang penting bagi mencapai perpaduan negara. Dalam ucapan-ucapan yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia di dalam Dewan yang mulia ini adalah merupakan hikmat-hikmat yang boleh dipegang dan menjadi panduan kepada seluruh rakyat Malaysia. Dan dalam hikmat-hikmat perkataan Titah Duli Yang Maha Mulia itu sekiranya dipegang dan dipakai oleh segenap lapisan maka sudah tentu akan tercapai kepada matlamat-matlamat yang dikehendaki oleh Kerajaan dan rakyat. Diantara perkataan Titah Duli Yang Maha Mulia itu, kebudayaan merupakan alat-alat yang penting bagi mencapai perpaduan negara. Ertinya bahawa kebudayaan yang ada di dalam negara kita ini adalah kebudayaan yang timbul daripada kaum-kaum ataupun bangsa-bangsa yang ianya rakyat Malaysia iaitu daripada orang Melayu, Cina dan Hindu.

Hasrat Kerajaan untuk membentuk suatu dasar kebudayaan kebangsaan ialah bertujuan supaya tiap-tiap kaum tidak merasai dirinya itu sebagai seorang Cina ataupun orang Melayu, orang India pun merasai dirinya masih India lagi kerana selagi ada perasaan-perasaan yang seumpama ini menimbulkan ketiadaan ikhlas kita berada dalam tanahair ini.

Apa yang digambarkan oleh wakil daripada Seremban tadi menyarankan supaya Kerajaan buka dengan bebasnya rakyat-rakyat Malaysia boleh menziarahi atau pergi ke negeri China. Ini adalah satu gambaran diberi kepada orang-orang Cina yang ianya rakyat Malaysia supaya mengenang kembali tentang ke negeri China. Dan hikmat Kerajaan menutup atau tidak menggalakkan itu, ialah suatu hikmat yang besar terutama sekali ialah untuk menjaga perasaan orang Melayu. Kalaulah orang Cina di buka dengan luas boleh pergi ziarah ke negeri China, tentu sekalilah mereka bertalu-talu

pergi ke negeri China, seolah-olah balik ke tempat ibunda masing-masing. Tetapi kepada orang Melayu pula kemana hendak pergi. Ini untuk menjaga perasaan. Adapun dalam segi syakwasangka tentang pengaruh-pengaruh komunis dan sebagainya, rasa saya itu tidak begitu timbul.

Dalam segi kebudayaan, saya percaya bahawa bagi pihak Kerajaan telah mengkaji dengan secara yang amat teliti, ianya mendatangkan pertimbangan yang cermat untuk menyesuaikan kepada penerimaan seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Dalam hemat saya bahawa dalam dasar ini patutlah kita memberi kepercayaan penuh kepada Kerajaan yang mana susunan-susunan Kerajaan itu tidak lain tidak bukan ialah untuk mewujudkan ketenteraman dan kemakmuran hidup rakyat Malaysia dan keamanan negara. Dan sepatutnya pihak-pihak wakil-wakil pembangkang merasa berpuashati dan tidak usahlah mengungkit-ungkit lagi dalam Dewan ini sebagaimana apa yang telah disarankan oleh wakil dari Kota Melaka yang menyarankan supaya Kerajaan membentuk satu Jawatankuasa yang terdiri dari wakil-wakil kaum untuk membincangkan masalah dasar kebudayaan kebangsaan.

Sekiranya Kerajaan membenarkan perkara ini, maka akan menjadi suatu perkara yang boleh menimbulkan kekacauan dalam negara ini. Sebab tidak lain tidak bukan dalam segi pertimbangan Kerajaan adalah amat patut untuk dijadikan kebudayaan kebangsaan. Bukanlah bertujuan Kerajaan mahu membangkit atau membangunkan kebudayaan Melayu dan meninggalkan kebudayaan Cina. Rasa saya tidak ada perasaan-perasaan ataupun tujuan-tujuan itu. Kebudayaan Melayu sendiri pun

berapa banyak telah ditinggalkan dan tidak diambilkira dan tidak pula diungkit-ungkit, dicongkil-congkil oleh orang-orang Melayu supaya Kerajaan menghidupkan kembali.

Begitu juga kebudayaan Cina. Telah banyak orang-orang Cina sendiri sudah redha tinggal kebudayaan itu kerana di antara kebudayaan-kebudayaan itu tidak ada memberi faedah. Dan dengan kebudayaan-kebudayaan itu setengah-setengahnya mengganggu boleh menghilangkan ketenteraman keadaan berbilang kaum. Misalannya umpamanya tarinaga. Apakah hikmatnya Kerajaan tidak mengizinkan kerana Tarian Naga ini ialah boleh mengambil tempat-tempat yang banyak yang boleh menghilangkan ketenteraman. Misalannya selalu tarinaga di jalan-jalan besar atau tempat kawasan-kawasan yang luas.

Rasa saya kalau hendak buat tarinaga dalam rumah agak saya tentu sekali Kerajaan benarkan. Tetapi dalam rumah sahaja, tidak di jalan-jalanraya. Selalunya tarinaga ini memakan tempat yang besar. Boleh menyekat jalanraya dan sebagainya. Lain daripada komping. Sebagaimana wakil dari Kota Melaka membandingkan komping dengan tarinaga, tentu jauh sekali. Komping ini ialah orang berarak. Tempat orang-orang kahwin begitu. Tidak ada pula menyekat atau sekat-sekat jalanraya. Tetapi tarinaga ini menyekat jalanraya dan bising. Gendangnya itu terlampau bising dan mengganggu ketenteraman.

Maka kebudayaan-kebudayaan yang tidak mengganggu maka kerajaan tidak menghalang dan dibebaskan misalnya kalau hendak ikut kebudayaan Melayu betul dari segi pakaian; ini yang kita pakai bukan pakaian Melayu jati. Pakaian Melayu jati itu seluar empat karat yang selalu dipakai masa bersilat maka sudah

hilang pada kalangan orang Melayu. Kebudayaan pakaian Cina pula, yang ada sekarang dalam bandar Kuala Lumpur orang Cina yang pakaiannya banyak bukan pakaian Cina yang kita lihat sekarang. Pakaian Cina betul-betul seluar dan baju longgar—20 tahun dahulu kalau pandang dalam Kuala Lumpur bagaimana rupa orang Cina, adakah seperti sekarang? Kalau ikut kebudayaan Cina betul-betul, dia ada bertocang. Kalau sekiranya wakil Kota Melaka mahu ungkit-ungkit maka kita syorkan supaya bertocang semula.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, sudah lebih satu minit saya beri masa.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Oleh yang demikian, saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya menyokong di atas usul yang telah dibentangkan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

*5.12 ptg.*

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Bismillahir-rahmannir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong usul menjunjung kasih Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dicadangkan oleh sahabat saya Ahli dari Kuantan pada hari Isnin kerana pembukaan mesyuarat pertama Penggal Kedua Parlimen Keenam.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyarankan di dalam titah ucapannya, saya sedutkan di sini sedikit minta izin):

“Di atas kesedaran inilah Kerajaan Beta berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke

dalam sistem pentadbiran negara. Nilai Islam yang sememangnya bersifat mulia dan universal,.....”

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyarankan di sini walaupun saya telah pun bangkitkan dalam penggal yang sudah tetapi saya ingin bercakap lebih detail lagi iaitu berkenaan dengan pakaian menurut Islam di negara kita ini lebih-lebih lagi kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan kita, murid-murid sekolah dan kepada guru-guru sekolah.

Saya bersyukur, alhamdulillah menyaksikan bahawa murid-murid sekolah telah pun memakai pakaian tutup kepala sehingga tak nampak aurat sebelah atas dan begitu juga baju sehingga pergelangan tangan. Tetapi masih terdapat ada pula guru-guru yang tidak gemar murid perempuannya berpakaian demikian.

Saya berharap sangatlah kepada Kementerian Pelajaran supaya mengambil perhatian dan tindakan selanjutnya supaya biarlah selaras dan selari semua sekolah dalam negara ini. Kalau murid yang beragama Islam di Sekolah Menengah, lebih dari umur 9 tahun pelajar perempuan hendaklah mereka tutup aurat sebagaimana pegawai-pegawai Kerajaan yang ada di hadapan kita sekarang yang memakai tudung, begitu cantik molek rupa muslimat memakai pakaian Islam sedemikian.

Begitulah juga kakitangan Kerajaan yang beragama Islam lain hendaklah digalakkan, bukan dilarang kononnya tak cantik. Akal setengah boss yang hendak menengok tenguk perempuan itu disuruhnya buka tudung. Inilah yang terjadi dan ada pula di jabatan-jabatan Kerajaan, Pegawai Kerani disuruh buka pula walhal pekeja-pekerja itu hendak menghayati Islam.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Buka apa itu?

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Buka pakaian tudung (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, bukan buka lain.

Begitu juga saya telah menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa tahun dahulu berkenaan dengan pakaian jururawat. Mereka hendaklah memakai pakaian sesuai seperti dalam TV ada satu siri dahulu, mereka memakai bell bottom. Ini walaupun digunakan oleh jururawat sekarang ini, tetapi masih ada juga lagi yang memakai gaun, tak seimbang dan selaras. Kalau dapat, biarlah semua sekali memakai seluar panjang, menutup aurat mereka dan bajunya tangan panjang juga, tak nampak aurat. Jadi sekarang ada yang bergaun dan ada juga yang berseluar panjang. Jadi masih tidak sekata terutama sekali kepada jururawat Islam. Sekarang ini terbalik pula, kadang-kadang jururawat bukan Islam memakai seluar panjang, tetapi perempuan Melayu Islam pula memakai gaun pendek, mungkin dialter supaya pendek lagi. Mungkin supaya orang lelaki syok menengoknya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam Pasukan Polis, diharap Polis wanita yang pakai gaun itu, eloklah mereka pakai seluar yang sesuai. Sekarang ada wanita yang pakai seluar panjang iaitu pasukan muzik atau Police Band.

Jadi apakah salahnya diambil Pasukan Polis, wanita-wanita dari kampung-kampung yang ada semangat Islam itu, teruskan sahaja tutup aurat. Kadang-kadang mereka gayat, cuba sehari dua akhirnya terpaksa pakai gaun itu juga. Saya rasa biarlah diteruskan pakai seluar supaya cantik. Sekarang ini apabila lori lalu, trafik wanita itu ada orang buat begini, begini. Itu yang sedihnya, hendak ditutup peha itu uniform pendek dan terpaksa tegak di hadapan

orang lalu lalang. Budak-budak nakal, drebar-drebar lori pula mengejek: Opah, opah buka itu! Inilah kejadian yang saya sendiri saksikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang mendukacitakan, apabila saya datang dari Tapah ke mari, selalu ke Kuala Lumpur ini, saya tengok pada hari Minggu dan petang Sabtu, bukan bangsa asing atau ugama lain, tetapi wanita-wanita dan pemuda-pemuda Melayu begitu banyak dan penuh di hutan Templer Park. Selalunya harimau sahaja di dalam hutan itu, sekarang sudah penuh manusia keturunan Islam, orang Melayu. Saya terbaca sebuah majallah mingguan, *BUMI*, pengarangnya sendiri menyaksikan perkara maksiat berlaku, bukan main ramai pemuda pemudi Melayu di sana. Kejadian itu pula mungkin lah berlanjutan.

Saya hendak ceritakan sedikit kejadian di tempat saya tinggal, di flat. Pernah seekor kucing menarik seorang bayi yang umurnya 4 hari daripada tempat bakul sampah. Saya dengar cerita itu, kemudian minggu depannya keluar berita itu dalam *Utusan Zaman*. Inilah cerita yang sebenar, seorang bayi sudah nampak anggotanya lebih kurang, diheret oleh kucing daripada tempat pembuangan sampah.

Jadi sekarang menderu wanita-wanita dan pemuda-pemuda daripada desa ke bandar, manalah diketahui oleh ibu bapanya di kampung. Tetapi pengawasan mereka itu tidak ada. Sepatutnya mereka itu ada pengawasan daripada kubu-kubu yang disediakan daripada fikiran, daripada hati, daripada jiwa mereka yang hening jernih yang dibawa daripada kampung sebagai Islam sejati, tetapi beransur kurang apabila sudah sampai ke bandar. Datang pula pengaruh video, tengok video pula ada yang lucah. Siapa tahu? Saya sudah sebut dahulu dalam satu soalan saya kepada

Timbalan Menteri Dalam Negeri, dia menjawab tak ada video lucah. Saya kata video lucah ada, pemuda pemudi berpusu-pusu di pusat-pusat video, budah-budak muda dan wanita-wanita muda pergi membelinya atau menyewanya dibawa ke dalam bilik. Tengok video kadang-kadang bercampur lelaki perempuan pula. Akhirul kalam, Wallahu 'alam bissawab, wa'ilaihil marji'u wal-maab.

Jadi keadaan seperti itu akan merosakkan jiwa anak bangsa kita. Inilah juga diminta sungguh-sungguh supaya pihak Kerajaan terutama daripada pasukan Polis itu ditubuhkan Pasukan Pencegah Maksiat, cari orang-orang yang warak dalam Pasukan Polis dikhaskan dan dijadikan sebagai Pasukan Pencegah Maksiat. Jadi bukan sahaja Pasukan Pencegah Dadah, Pencegah Jenayah seperti rompak dan sebagainya tetapi Pencegah Maksiatpun mesti ada dalam pasukan Polis kerana pihak Jabatan Ugama sangat kekurangan tenaga untuk menyediakan Pencegah Maksiat, mereka tidak tertangkap kerana berleluasa sangat perkara ini.

Itu di peringkat orang bawahan.....

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Seminit lagi.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Itu peringkat orang bawahan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Yang Berhormat, seminit lagi.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Peringkat atasannya pula, menyimpan wanita simpanan. Wanita simpanan tidak dapat siapa hendak menangkapnya. Lebih-lebih lagi ini ada satu berita yang menyatakan wanita menjadi perempuan simpanan adalah bebas dari sebarang tindakan dari Mahkamah Syariah, Wilayah Persekutuan. Mahkamah itu tidak

mempunyai kuasa untuk mendakwa wanita-wanita tersebut kerana setakat ini tidak ada sebarang cerai-an undang-undang yang membolehkan tindakan diambil ke atas mereka. Cuma yang ada didakwa di bawah Fasal 157 atau 158. Kedua-dua Fasal tersebut adalah bagi mereka yang berkhalwat dan berzina sahaja.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Dari mana berita itu?

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Daripada satu majalah. Saya sudah potong kepala. Tidak tahu saya daripada mana (*Ketawa*). Itu pun carik di bawahnya, maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Mengambil yang itu sahajakah?

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Ada lagi. Tetapi saya tidak hendak sebut, fasal saya ada masa lagi untuk bercakap lain, Tuan Yang di-Pertua.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan keputusan nombor ekor di kedai-kedai hendaknya janganlah sampai beri tahu Timbalan Menteri Dalam Negeri, dia sudah keluar. Jangan dipamir apabila waktu Maghrib. Kerana adalah maruah orang-orang yang pergi sembahyang Maghrib ke masjid itu menyaksikan orang Melayu lebih ramai lagi menyaksikan nombor-nombor ekor yang menang nombor satu, nombor dua, nombor tiga. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, nanti saya hendak berhenti sudah.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Sudah cukup, sudah lebih ini.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya akhirnya berkenaan gambar di kedai-kedai gambar dan kedai-kedai cermin ada iklan budak kecil bercium. Budak-budak kecil telah diajar bercium. Ini mintalah perhatian pihak Kementerian Dalam Negeri.

Akhir, saya turut menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini dua hari yang lalu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Yang Berhormat ada tujuh minit lebih kurang. Kena berhenti jam 5.30 petang.

5.24 ptg.

**Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh):**

Saya bangun untuk menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Titah Baginda menaikkan semangat kita semua kerana memberikan nasihat membina mengenai kemajuan sebuah negara dinamik lagi bersatupadu yang negara kita harus menjadi. Dalam Titah Baginda adalah dinyatakan dengan khasnya bahawa kemajuan pelajaran dan pembangunan kebudayaan merupakan alat-alat yang penting bagi mencapai perpaduan negara.

Saya tidak boleh, tidak bersetuju dengan pandangan Baginda. Oleh itu adalah menjadi tugas saya untuk menimbulkan perasaan tidak puas hati kaum Cina terhadap pengendalian kelas-kelas bahasa ibunda murid oleh pihak Kementerian Pelajaran. Malah mereka menaruh syak wasangka terhadap keikhlasan pihak Kerajaan dalam mengendalikan kelas-kelas tersebut. Dengan adanya perasaan ini bagaimana kita dapat capai perpaduan. Kelas-kelas POL (Pupil Own Language) dengan izin biasanya dilengahkan selama tiga atau empat bulan selepas sekolah dibuka untuk tahun akademik baru. dalam masa itu kelas-kelas POL tidak diindahkan kelewatan itu disebabkan oleh pita merah.

Setiap tahun beberapa minggu selepas sekolah dibuka untuk sesi persekolahan baru, barulah sekolah-sekolah akan menulis kepada ibubapa murid untuk mengetahui sama ada mereka mahukan kelas-kelas POL diadakan bagi anak-anak mereka. Jika sambutan ibubapa menggalakkan iaitu kedatangan 15 orang murid-murid atau lebih untuk setiap kelas pihak sekolah akan memohon kepada Jabatan Pelajaran kelulusan untuk memulakan kelas-kelas POL. Pihak sekolah tidak boleh memulakan kelas-kelas POL sehingga kelulusan diberikan oleh Jabatan Pelajaran. Pita-pita merah dan prosedur itu diulangkan setiap tahun dan banyak jam pelajaran murid telah hilang. Ini akan menambah bebanan kerja yang tidak perlu kepada pihak sekolah dan Jabatan-jabatan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping ini banyak daripada kelas-kelas POL dikendalikan selepas waktu sekolah atau pada hujung minggu. Hasilnya kerap berlaku kemerosotan bilangan murid kelas-kelas POL dan peluang untuk kaum murid belajar bahasa ibundanya didiamkan walaupun secara tidak langsung.

Kaum Cina tidaklah salah 100% kalau mereka berfikir bahawa Kerajaan tidak bertindak dengan secukupnya untuk melindungi hak kebebasan belajar bahasa ibunda sendiri. Bertambah buruk lagi guru-guru POL sukar dicari walaupun kelulusan sudah diperolehi daripada pihak Jabatan Pelajaran. Guru-guru POL yang bukan berkelulusan Universiti dibayar \$7.00 sejam. Walaupun mungkin dinaikkan hingga \$10.00 sejam tahun ini. Dan mereka biasanya dibayar lebih lambat daripada guru-guru biasa.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya harap Kementerian Pelajaran boleh menerima penyelesaian saya

untuk mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum Cina. Yang pertama kita mesti menggunakan sumber tenaga rakyat yang ada sekarang. Banyak terdapat guru-guru terlatih yang mempunyai kredit dalam bahasa Cina di peringkat SPM atau STP. Memandangkan kita tidak cukup guru-guru yang dilatih khas untuk mengajar bahasa Cina kita kenalah menggunakan mereka sehingga adanya lebih banyak guru-guru yang berkelayakan. Yang kedua, kita mesti meniadakan pita-pita merah iaitu memohon setiap tahun untuk mengadakan kelas-kelas POL pada Jabatan Pelajaran. Selagi terdapat cukup murid yang ingin belajar bahasa ibundanya selagi itulah pihak sekolah haruslah dibenarkan secara otomatis membuka kelas-kelas POL untuk menyediakan murid tersebut peluang seperti itu.

Yang ketiga, sekolah haruslah menjalankan tinjauan dalam penggal sekolah ketiga untuk menentukan sama ada cukup murid-murid yang ingin berdaftar dengan kelas-kelas POL untuk tahun berikut. Jika hasilnya positif, kelas-kelas POL haruslah bermula di penggal tahun berikut seperti kelas-kelas yang lain. Penyelesaian ini sebagaimana tidak menyelesaikan masalah kekurangan guru-guru yang berkelayakan mengajar bahasa Cina. Buat sekali dan selama-lamanya Kementerian Pelajaran haruslah melatih lebih banyak guru yang dapat menampung keperluan sekolah-sekolah rendah Cina dan kelas-kelas POL.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Masa sudah cukup yang terhormat.

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Sedikit sahaja.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Seminit lagi tambah.

**Tuan Peter Chin Gun Oon:** Pengantar bahasa atau medium of

instruction, dengan izin, di sekolah-sekolah rendah Cina ialah bahasa Cina. Walau bagaimanapun, kredit dalam bahasa Malaysia SPM sudah disyaratkan untuk mengikuti latihan perguruan. Kementerian Pelajaran tidak haruslah mengadakan syarat yang tidak perlu itu, oleh kerana guru seperti itu hanya perlu mengajar dalam bahasa Cina. Kelulusan dalam bahasa Malaysia dan kredit dalam bahasa Cina haruslah menjadi syarat bagi guru-guru begini sebagai gantinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat gembira Baginda telah menyentuh Dasar Pertanian Nasional. Perindustrian dan pembangunan kawasan-kawasan yang mengelilingi bandar-bandar dan kampung-kampung baru telah membawa pembuangan penanam-penanam sayur-sayuran dari kawasan seperti itu. Kaum penanam sayur-sayuran itu telah bercucuk tanam di kawasan-kawasan tersebut sejak tahun 50an dan merekalah pengeluar utama sayur-sayuran segar untuk pasaran tempatan. Pembuangan kaum penanam tersebut dari tanah mereka bukan sahaja membawa kesengsaraan kepada diri mereka tetapi juga menyebabkan kekurangan sayur-sayuran segar. Kekurangan sayur-sayuran tersebut akan menaikkan harga dan para pengguna khususnya yang miskin akan menderita.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Sedikit sahaja lagi.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Sudah saya bagi lebih daripada satu minit.

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Tidak, kurang daripada satu minit!

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Setengah minit sahaja lagi.

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Baiklah. Kekurangan sayur-sayuran tersebut akan menaikkan harga dan para pengguna khususnya yang miskin akan menderita. Oleh hal yang demikian, peruntukan kawasan ganti kepada kaum penanam itu sudah menjadi suatu perkara genting. Dasar Pertanian Nasional haruslah memuaskan konsep bandar tanam di mana penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran dimasukkan ke dalam pembangunan keseluruhan bersama-sama dengan perumahan dan perindustrian.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salled:** Masa sudah cukup.

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab, hari ini kita cuma ada kurang empat minit satu jam dan besok ada lagi empat jam, yang hendak menjawab lebih kurang 20 Kementerian. Jadi, saya sangat berharap supaya Yang Berhormat Menteri-menteri dapat menjimatkan masa bagi peluang semua Menteri menjawab dalam masa yang kita tentukan.

Jadi, untuk yang pertama saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan yang kedua Kementerian Perusahaan Awam. Saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab sekarang.

5.34 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran, syor-syor yang membina

terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri sepanjang perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam tempoh perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja hampir semua Ahli yang Berhormat yang berucap telah membangkitkan perkara-perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri antaranya telah disentuh mengenai tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Perancangan Tenaga Manusia, Prestasi Perkhidmatan Awam, Penyerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran dan Perpaduan. Ini adalah menjadi tajuk yang telah disentuh dalam perbahasan yang berlaku.

Berhubung dengan soal tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuantan, sukalah saya menerangkan bahawa Kerajaan telah pun menjelaskan sebelum ini bahawa setakat ini belum ada sebarang keputusan muktamad dibuat mengenainya. Kerajaan akan membuat keputusan mengenai perkara ini apabila tiba masanya kelak. Sebagaimana Dewan yang mulia ini akan maklum apabila berpeluang meneliti dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat tidak lama lagi pertumbuhan ekonomi negara telah terjejas akibat kemelesetan ekonomi dunia. Keadaan ini telah memberi kesan secara langsung kepada usaha-usaha pembangunan dan matlamat-matlamatnya hendak dicapai termasuklah yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru itu. Seajar dengan perkembangan ini pihak Kerajaan telah pun menggariskan arah-arab baharu dalam pembangunan dan pelaksanaan strategi-strategi yang ada sekarang. Kerajaan sememangnya mengawas dan menilai kesan daripada tindakan-tindakan penyesuaian strategi-strategi baru ini seperti yang

terkandung dalam Dasar Persyarikatan Malaysia, Pengswastaaan, Dasar Pandang ke Timur dan sebagainya. Oleh itu Kerajaan berpendapat tidak perlulah soal pelanjutan tempoh Dasar Ekonomi Baru diputuskan ketika ini ataupun sekarang juga sebelum kita telah dapat melihat hasil tindakan-tindakan tersebut khasnya tindakan-tindakan hasil dari menggunakan strategi-strategi baharu yang difikirkan akan dapat memesatkan lagi usaha-usaha kita ke arah mencapai matlamat, objektif Dasar Ekonomi Baru itu. Walau bagaimanapun, segala ulasan, segala pandangan, segala teguran yang telah dibuat oleh semua pihak, semua golongan sama ada daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ataupun di luar dalam majlis-majlis ataupun dalam forum-forum ataupun dalam seminar-seminar semuanya ini akan diberi perhatian dan diberi pertimbangan oleh Kerajaan apabila Kerajaan hendak membuat satu keputusan muktamat tentang perkara ini iaitu melanjutkan DEB ataupun tidak.

Berhubung dengan Program Gunatenaga Manusia atau Perancangan Tenaga Manusia di negara ini, Kerajaan memang memberi perhatian serius dan program ini dikaji dari masa kemasa. Sebenarnya ada sebuah Jawatankuasa yang pada masa sekarang memberi perhatian sepenuhnya tentang Program Gunatenaga Manusia dan Jawatankuasa ini adalah diketuai oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Kajian dibuat baik di peringkat Majlis Tindakan Negara mahupun di peringkat Jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat Kementerian. Majlis Tindakan Negara telah mengeluarkan beberapa arahan kepada agensi-agensi Kerajaan khususnya EPU (Economic Planning Unit) atau Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam (MAMPU) dan agensi-agensi pusat yang lain untuk menyelaraskan dan

mengawal semua aspek perancangan tenaga manusia. Tindakan-tindakan ini sememangnya telah diselaraskan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru itu. Dalam hubungan ini Kerajaan menubuhkan dua lagi badan penyelarasan mengenai Tenaga Manusia iaitu Jawatankuasa Pemandu Perancangan Tenaga Manusia dan Lembaga Kemajuan Tenaga Manusia. Satu laporan yang dibuat oleh MAMPU telah mengenalpasti beberapa pekerjaan telah mengalami kekurangan termasuklah pekerjaan-pekerjaan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuantan itu. Ini bererti bidang-bidang yang tertentu itu mengalami kekurangan tenaga manusia keseluruhannya bukan sahaja kekurangan di kalangan Bumiputera. Kerajaan telah, sedang dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menampung kekurangan tenaga manusia yang terdapat itu seberapa yang boleh.

Bagi meningkatkan bilangan Bumiputera dalam kategori profesional, Kerajaan sedang berusaha menambah bilangan mereka melalui program-program seperti kursus matrikulasi, kursus sains asasi di universiti-universiti tempatan dan juga menganjurkan pelajar lepasan SPM, MCE ke institusi pelajaran tinggi di luar negeri. Kesan daripada program-program ini akan dapat dilihat dalam jangka masa panjang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai Perkhidmatan Kerajaan. Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datuk telah menyentuh soal penempatan pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat daerah dan telah menyatakan iaitu penempatan pegawai tinggi Kerajaan diutamakan di peringkat pusat. Adalah tidak benar bahawa pegawai-pegawai tinggi Kerajaan hanya ditempatkan di peringkat pusat sahaja. Bagi Kerajaan semua jabatan adalah penting dan

penempatan pegawai-pegawai di sesebuah jabatan dibuat sesuai dengan kelulusan dan latihan serta pengalaman pegawai-pegawai berkenaan di samping itu beberapa faktor penting yang lain seperti penerimaan oleh agensi-agensi berkenaan juga diambil kira di samping peranan yang diharapkan daripada pegawai yang berkenaan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan berpendapat motivasi pegawai-pegawai Kerajaan masih boleh dipertingkatkan lagi. Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menyentuh tentang perlunya diwujudkan golongan-golongan pentadbir yang berdedikasi dan cekap.

Sebagaimana termaklum, Kerajaan memang senantiasa memikirkan cara-cara baru untuk meningkatkan lagi motivasi dan kecekapan kakitangan Kerajaan. Usaha-usaha Kerajaan dalam bidang memajukan perkhidmatan awam, menambahkan atau meningkatkan kecekapan dan prestasinya bolehlah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu yang pertama yang berhubung dengan memperbaiki alam pekerjaan (work environment); yang keduanya memperbaiki lagi kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang digunakan dalam pentadbiran. Ini termasuklah kerja seperti mengadakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang berhubung dengan environment of work itu, improvement kepada environment of work, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ada kena mengena juga dengan satu rancangan iaitu mengadakan office terbuka dan yang ketiganya ialah yang berhubung dengan bidang memperbaiki lagi kerjaya pegawai-pegawai kita dengan mengadakan program-program latihan dan sebagainya dan juga memperbaiki lagi skim perkhidmatan untuk membolehkan kenaikan pangkat dibuat berasaskan kepada pengalaman. Bidang yang keempat

yang berhubung dengan mewujudkan atau melahirkan sikap yang sesuai, yang positif untuk melaksanakan tugas dengan lebih berkesan, dengan lebih mementingkan kejayaan projek-projek yang dilaksanakan itu dan bidang yang akhir sekali iaitu yang berhubung dengan menyemak semula atau mengkaji semula segala peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan kerjakerja dalam pentadbiran awam khususnya peraturan-peraturan, undang-undang kecil dan sebagainya yang ada kaitan dengan memberi khidmat kepada rakyat seperti pengeluaran lesen itu adalah satu contoh.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Jawatankuasa bagi memajukan perkhidmatan awam yang saya sendiri menjadi Pengerusinya sekarang ini boleh dikatakan sudah sebanyak 18 langkah dan adalah diharapkan dengan tindakan-tindakan yang sedang diambil dan yang akan terus diambil bagi melaksanakan langkah-langkah itu maka perkhidmatan awam kita akan dapat memperlihatkan satu improvement, satu peningkatan tahap kecekapan atau prestasinya.

Kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa usaha pentadbiran, pertambahan jawatan-jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan dibuat tanpa kajian yang sewajarnya adalah tidak benar. Sesungguhnya tiap-tiap jawatan yang diwujudkan dalam perkhidmatan Kerajaan adalah dibuat selaras dengan pemeriksaan yang terperinci dengan berasaskan kepada norma-norma, kriteria-kriteria, tugas dan tanggungjawab tiap-tiap satu jawatan itu sebelum ia diluluskan ataupun diwujudkan. Ini adalah selaras dengan amalan sistem Belanjawan Program dan Prestasi (Programme and Performance Budgeting).

Pertambahan jawatan dalam sektor awam ialah berikutan dengan

perlaksanaan rancangan-rancangan pembangunan negara yang telah berkembang dengan pesat semenjak kemerdekaan negara ini. Walaupun begitu Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada struktur, kepada organisasi pentadbiran kita dan kepada implikasi kewangan yang timbul darinya dan Kerajaan sentiasa berpegang kepada prinsip bahawasanya dalam perkhidmatan kita, dalam pentadbiran itu mesti ada ekonomi, ertinya mesti ada penjaminan tenaga dan wang.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah mendakwa bahawa sistem patronage menjejaskan kecekapan daya pengeluaran dan keikhlasan perkhidmatan awam dan ianya perlu dihapuskan. Ini adalah satu dakwaan yang saya perlu menyangkal. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Kerajaan tidak berpegang kepada konsep patronage di dalam perkhidmatan awam sebaliknya perkhidmatan awam kita adalah berpandukan kepada pendekatan career civil service di mana lantikan dan kemajuan dalam kerjaya adalah diasaskan semata-mata kepada kelayakan dan kebolehan seseorang pegawai itu. Pihak yang melantik biasanya adalah satu badan bebas seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Ini bermakna pegawai-pegawai yang dilantik dalam perkhidmatan awam akan kekal dalam perkhidmatannya walaupun Kerajaan berubah tetapi saya tidak nampak yang Kerajaan kita akan berubah kerana tentulah Kerajaan Barisan Nasional akan terus dapat mentadbir dan memerintah negara Malaysia ini selagi rakyat menyokongnya.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan telah juga menyentuh mengenai penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri. Inginlah dijelaskan iaitu

Kerajaan sedar bahawa pelajar-pelajar lepasan SPM yang dihantar ke luar negeri itu adalah terdiri dari anak-anak yang masih muda dan telah didedahkan kepada suasana dan keadaan yang serba mencabar di luar negeri. Dengan kesedaran inilah maka Kerajaan telah memutuskan supaya pelajar-pelajar lepasan SPM ini yang disyaratkan menghadiri kursus persediaan dalam tempoh 9 hingga 12 bulan lamanya. Kursus ini adalah memberi persediaan Bahasa Inggeris dan juga matapelajaran Matematik, Ugama dan Tata Negara supaya pelajar-pelajar akan lebih matang dan bersedia untuk menghadapi pembelajaran, dan cabaran-cabaran serta kehidupan di luar negeri.

Di samping itu pelajar-pelajar juga diwajibkan menghadiri kursus Orientasi Intensif selama 10 hari sebelum mereka berlepas ke luar negeri. Kursus ini telah dibentuk khas untuk menerapkan rasa bangga dan cinta kepada negara dan membina defence mechanism pelajar-pelajar supaya mereka dapat mempertahankan diri daripada anasir-anasir yang tidak diingini.

Ada lagi satu dasar yang telah pun dipersetujui oleh Kerajaan iaitu Kerajaan akan melaksanakan secara beransur-ansur iaitu program latihan memberi kursus tahun pertama dan tahun kedua peringkat universiti kepada pelajar-pelajar kita yang hendak dihantar ke luar negeri. Ini bererti untuk masa-masa yang akan datang setelah program ini dilaksanakan, maka pelajar-pelajar yang akan dihantar ke luar negeri itu akan terdiri daripada mereka yang sudah pun tamat kursus tahun pertama, tahun kedua dan akan masuk ke tahun ketiga dalam universiti di luar negeri. Perlaksanaan rancangan ini sekarang ini sedang dirundingkan dengan universiti-universiti di luar negeri supaya dapat mempersetujui dengan satu formula "transfer of

credit" yang bererti bahawa universiti-universiti di luar negeri itu akan memberi pengiktirafan kepada kursus tahun pertama dan tahun kedua yang dijalankan di negara kita ini yang membolehkan pelajar-pelajar kita terus masuk ke tahun yang ketiga. Tindakan ini apabila berjalan dengan lancar dan baik tentulah akan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan, tentulah akan mengurangkan pengaliran wang negara ke luar negeri dan disamping itu juga ia mempunyai satu advantage, satu manfaat iaitu dalam negara kita ini kita akan meningkatkan keupayaan negara kita dalam memberi latihan ataupun pembelajaran kepada anak-anak kita kepada peringkat universiti dan pengalaman ini adalah sesuatu yang sangat berguna dalam konteks perkembangan dan pembangunan pelajaran tinggi di negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyuarakan kebimbangannya bahawa kebebasan beragama, kepercayaan dan amalan akan dilemahkan dengan usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam yang dijalankan oleh Kerajaan. Sukalah saya menegaskan bahawa usaha-usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam tidak bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia. Apa yang Kerajaan usahakan ini tidak menyentuh kepentingan dan kepercayaan agama-agama lain kerana agama Islam mengutamakan kesederhanaan dan keadilan dalam sebarang tindakan.

Sebenarnya kebebasan untuk beragama selain daripada agama Islam bagi kaum-kaum lain tetap bebas dan tetap ada di negara kita ini adalah jelas pada pandangan kita semua. Oleh itu orang yang bukan Islam yang ingin mengamalkan kepercayaan dan agama mereka sendiri tidaklah sepatutnya merasa risau ataupun gelisah kerana Perlembagaan Malaysia kita memang

memberi jaminan dalam hal ini. Malah dalam Islam sendiri tidak ada apa-apa paksaan dalam perkara ini dan usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran jangan sekali-kali dianggap sebagai satu usaha ke arah memaksa agama-agama lain untuk menerima ajaran agama Islam itu. Tetapi apa yang ditekankan dalam penerapan nilai-nilai Islam itu ialah menerapkan nilai-nilai seperti bersih, cekap, amanah, keadilan sosial, hormat menghormati, kesungguhan bekerja. Jadi nilai-nilai ini tentu diterima oleh masyarakat majmuk di negara Malaysia ini kerana saya percaya nilai-nilai ini juga adalah diterima oleh agama-agama lain.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membangkitkan mengenai perlunya usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam diterangkan kepada rakyat. Dalam hubungan ini pihak Kerajaan sememangnya sentiasa memberi penjelasan mengenai usaha penerapan nilai-nilai Islam kepada orang ramai dari masa ke semasa. Rancangan ini sedang diusahakan dan akan terus diusahakan melalui masmedia masa dan badan-badan Kerajaan seperti Institut Dawak di Jabatan Perdana Menteri, Yayasan Dakwah dan juga lain-lain badan. Kita percaya sebahagian besar daripada rakyat tentulah mempunyai tanggapan yang positif terhadap usaha ini. Sebenarnya puak yang bikin heboh tentang perkara ini adalah berupa satu kumpulan yang sangat kecil yang saya ingat dalam hal ini lebih takut kepada bayang-bayang daripada realiti yang terdapat dalam usaha kita menerapkan nilai-nilai Islam dan saya harap cakap-cakap Yang Berhormat yang berhubung dengan perkara ini bukanlah diasaskan kepada motivasi politiknya tetapi diharapkan lebih mementingkan hal-hal yang berhubung dengan kebajikan dan hak kaum-kaum lain. Jadi ertinya nampaknya ada tanda-tanda dalam cakap Yang Berhormat itu motivasinya

hanya politicking semata-mata untuk mendapat sokongan daripada kaum-kaum yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perpaduan, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah mendakwa bahawa polarisasi kaum adalah semakin luas dinegara ini. Ini tentulah pendapat peribadi beliau, masalah hubungan kaum sememangnya ada di mana-mana negeri yang ada masyarakat majmuk dan kita adalah sebuah negeri yang tidak terkecuali dari masalah ini. Walaupun begitu tahap perpaduan di negara ini tidaklah seburuk sebagaimana yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Kerajaan telah dan akan meneruskan usaha ke arah perpaduan negara, perpaduan antara kaum dengan harapan integrasi yang betul-betul mantap akan dicapai dan ini merupakan satu proses yang berterusan dan mengambil masa dan diharap Ahli Yang Berhormat dapat menyertai usaha ini dan jangan pula menimbul-nimbulkan perkara-perkara yang boleh merenggangkan perhubungan antara kaum, perkara-perkara yang sensitif yang akan dapat mengukuh lagi polarisasi antara kaum. Inilah satu perkara yang patut sentiasa kita ingat kalaulah kita ingin mewujudkan perpaduan, maka semangat toleransi itu adalah satu semangat yang mesti diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu perkara, yang tadi tidak termasuk dalam lima tajuk umum yang telah saya sebutkan tadi yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dalam perbahasan iaitu yang berhubung dengan Kempen Kepimpinan Melalui Teladan. Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawasanya adalah menjadi objektif Kerajaan, tujuan Kerajaan untuk meneruskan usaha-usaha atau kempen Kepimpinan Melalui Teladan ini dengan tujuan

supaya konsep Kepimpinan Melalui Teladan ini akan menjadi satu gerakan rakyat, satu konsep yang menjadi pegangan rakyat, satu gaya bekerja yang akan diikuti oleh semua rakyat, gaya kerja mengikut konsep Kepimpinan Melalui Teladan.

Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa semenjak Kempen Kepimpinan Melalui Teladan dilancarkan, adalah didapati bahawasanya pada masa ini pegawai-pegawai Kerajaan Memang mementingkan perlunya Kepimpinan Melalui Teladan itu diamalkan dan daripada riaksi daripada rakyat sebagaimana yang telah dapat dikesan oleh Sekitarat Kepimpinan Melalui Teladan yang sekarang ini dikelolakan oleh INTAN, jelas menunjukkan bahawa penghargaan daripada rakyat itu tetap ada dan rakyat juga dapat melihat adanya improvement dalam gaya kita bekerja dan pentadbiran yang diberikan ataupun khidmat yang diberikan oleh pentadbiran kita kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan yang telah berlaku selama ini dan saya sukalah sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang berhormat yang telah mengambil bahagian dan yang telah menimbulkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri serta memberi pandangan-pandangan yang bernas dan yang membina terhadapnya. Adalah menjadi harapan saya supaya dengan teguran-teguran yang telah diberikan itu mutu khidmat yang boleh diberikan oleh Kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri akan meningkat dari masa ke semasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Dalam Negeri.

5.56 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menghulurkan ucapan terima kasih serta penuh penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri.

Berhubung dengan gesaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh untuk menarik balik atau menggantung kewarganegaraan pelajar-pelajar Malaysia yang menentang Kerajaan di luar negeri. Adalah dimaklumkan bahawa penarikan balik atau perlucutan taraf kewarganegaraan Malaysia adalah tertakluk kepada perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Oleh yang demikian Kementerian saya perlu mengkaji perkara ini dengan penuh penelitian sebelum mengambil tindakan untuk melucutkan taraf kewarganegaraan Malaysia seseorang itu.

Mengenai perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, sukacita dinyatakan bahawa Kerajaan kini mengamalkan sikap liberal terhadap penerbitan. Oleh yang demikian, Kerajaan hanya mengharamkan mana-mana penerbitan dari dalam atau luar negeri sekiranya ianya merupakan penerbitan yang, dengan izin, "prejudicial" terhadap ketenteraman awam, kedaulatan negara dan akhlak mulia.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan ini diambil terhadap mana-mana jua penerbitan demi memelihara dan menjamin keharmonian dan kesejahteraan rakyat.

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat, ingin saya menegaskan

di sini bahawa adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab pertubuhan-pertubuhan berdaftar termasuk juga parti-parti politik dalam menjalankan aktiviti dan hal ehwal pengurusan serta perjalanannya memastikan bahawa ia adalah selaras dan bertepatan dengan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan-perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri. Peruntukan ini jelas termaktub dalam Seksyen 2A (i) Akta Pertubuhan 1966 di mana jika terdapat mana-mana aktiviti atau hal ehwal mana-mana pertubuhan itu termasuk pertubuhan parti politik adalah pada apa cara jua pun melanggar atau mengurangkan atau bertentangan, atau menampak sikap tidak mengindahkan:

- (a) Sistem pemerintahan berdemokrasi yang diketuai oleh Raja yang berperlembagaan bagi Persekutuan dan oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri yang berperlembagaan bagi negeri-negeri; atau
- (b) Kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan beserta agama-agama lain yang diamalkan dengan aman dan harmoni; atau
- (c) Penggunaan Bahasa Kebangsaan bagi maksud-maksud rasmi; atau
- (d) Kedudukan orang-orang Melayu dan bumiputera di negeri Sabah dan Sarawak; atau
- (e) Kepentingan yang sah bagi masyarakat-masyarakat lain;
- (f) Apa-apa perkara lain Kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas dan wajar keatas mana-mana pertubuhan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong mendakwa bahawa dalam lawatannya ke Penjara

Pudu, beliau dapati keadaannya kurang memuaskan, khususnya dari segi bekalan makanan serta kebersihan di satu-satu bilik.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Penjara Pudu itu mengalami kesesakan, pihak Kerajaan sentiasa mengambil berat untuk melayani keperluan banduan-banduan agar keadaan mereka sentiasa berada di dalam suasana aman dan selesa. Malah kesesakan ini terpaksa dihadapi sehingga penjara baru di Kajang siap sepenuhnya bagi menempatkan banduan-banduan ini di sana.

Pihak Penjara sentiasa mengambil berat ke atas kebersihan. Banduan-banduan, Tuan Yang di-Pertua, disiplin untuk mengamal kebersihan dan kesihatan. Misalnya, mereka tidak dibenar membuang sampah di merata-rata ceruk atau meludah di merata-rata tempat. Dan jika mereka didapati melakukan demikian, tindakan tatatertib di bawah Undang-undang Penjara akan diambil ke atas mereka yang terlibat.

Mengenai makanan, Tuan Yang di-Pertua, pihak Penjara menyediakan makanan (meals) sebanyak tiga kali sehari iaitu sarapan pagi, makan tengah hari dan petang. Bekalan makanan yang disaji kepada banduan-banduan ini adalah berasaskan Kaedah-kaedah Penjara 1953. Seksyen 61 umpamanya:

*Makan Tengah Hari—*

Di dalam soal ini kita menyediakan nasi yang berlaukkan ayam, daging, ikan masin, ikan basah secara bergilir; di samping sayur-sayuran dan buah-buahan dihidang bersama. Kerajaan juga menyediakan nasi dan roti untuk sarapan petang. Kerajaan juga membekalkan banduan dengan mee, telur dan majerin dengan roti.

Akan banduan-banduan yang sakit pula, Jabatan Penjara menyediakan

makanan yang sejajar dengan nasihat dan kehendak serta panduan doktor.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Seremban telah menyentuh soal warganegara Malaysia yang melawat ke Republik Rakyat China tanpa cop khusus.

Sukalah saya mengambil kesempatan ini menyatakan bahawa dasar lawatan ke Republik Rakyat China yang ada sekarang adalah berasaskan dasar perhubungan diplomatik di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China iaitu hubungan di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan dan bukannya di antara rakyat dengan rakyat. Dasar ini sebenarnya berpandu kepada kepentingan keselamatan negara. Namun demikian, pihak Kerajaan telah membuat kelonggaran terhadap permohonan daripada warganegara Malaysia yang ingin melawat Republik Rakyat China yang mana tujuannya adalah:

- (a) untuk menziarahi saudara mara yang rapat seperti ibu bapa, adik beradik, isteri dan anak-anak;
- (b) untuk membuat lawatan perubatan bagi penyakit yang merbahaya kepada kehidupan dan tidak dapat dirawati di Malaysia ini. Saya ulang, penyakit yang tidak boleh dirawati oleh doktor-doktor di Malaysia ini.
- (c) melancang bagi mereka yang berumur 65 tahun keatas dan kemudahan ini diberi hanya sekali seumur hidup.
- (d) urusan perdagangan melalui Pameran Perdagangan Canton yang dikendalikan oleh PERNAS;
- (e) urusan perkhidmatan bank yang diluluskan oleh Perbendaharaan, Kementerian Luar

Negeri dan Kementerian Dalam Negeri;

- (f) lawatan perdagangan, pengilang dan pengeksport persendirian tertakluk kepada pertimbangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan berpuas hati dengan tatacara dan peraturan menimbang permohonan untuk lawatan Republik Rakyat China oleh warganegara Malaysia. Sehingga sekarang, Kerajaan tidak menganggap bahawa lawatan ini boleh menjejaskan keharmonian dan ketenteraman rakyat negara ini. Namun demikian Kerajaan akan sentiasa mengawasi dan mengikuti perkembangan selanjutnya dengan tujuan untuk menjamin bahawa ketenteraman dan keselamatan negara tidak terjejas.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab rakyat Malaysia yang terlibat supaya benar-benar jujur dan ikhlas menggunakan kemudahan ini seperti yang dimaksudkan oleh Kerajaan serta bersama-sama memelihara keharmonian dan ketenteraman rakyat serta keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita berupaya mengesahkan bahawa mereka melawat ke Republik Rakyat China tanpa mendapat cop khas dari Kerajaan Malaysia, maka passport mereka akan ditarik balik. Mereka tidak akan dibenarkan membuat lawatan ke luar negeri selama tempoh yang akan ditentukan oleh Kerajaan.

Di samping itu kita juga mengkaji kemungkinan melucutkan taraf kewarganegaraan mereka yang terlibat itu berasaskan Perkara 24 (2) Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk mengulas satu-persatu memandangkan kesuntukan

masa, malah ingin memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan mengkaji dan memberi perhatian yang sewajarnya terhadap syor-syor dan pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat sejak 13hb Mac sampai pada hari ini. Saya sekali lagi menghulurkan ucapan ribuan terima kasih dan penuh penghargaan di atas pandangan-pandangan yang begitu bernas yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Insha Allah dapatlah dengan peraturan-peraturan ini kita melaksanakan tugas-tugas kita dengan lebih baik lagi mudah-mudahan Kementerian Dalam Negeri akan dapat menjalankan tugasnya dengan lebih baik dan teratur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

6.05 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut bersama membahaskan usul Ucapan Terima Kasih Atas Titah Ucapan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun nampaknya pada kali ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agak kurang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, mungkin masalah perumahan ini tidaklah begitu hebat seperti dahulu ataupun mungkin tidak payahlah saya panjang lebar di sini, Tuan Yang di-Pertua, hanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sungai Petani yang tadi telah membangkitkan masalah perumahan awam kos rendah.

Memanglah saya akui apa yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani itu adalah betul, kerana baru-baru ini

juga saya pun telah melawat di skim perumahan yang disebutkannya itu dan saya akui apa yang telah dikatakannya tadi. Tetapi saya ingin pula membawa Ahli Yang Berhormat untuk memandang daripada segi lain pula iaitu rumah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu di Sungai Layar ini memanglah rumah jenis kos rendah tetapi dua tingkat. Bila rumah itu dua tingkat, luasnya bila dibuka itu adalah kalau tidak silap saya dalam 12' ataupun 14', tetapi oleh kerana rumah ini bertingkat, luas persegi rumah itu adalah serupa dengan rumah-rumah kos rendah yang lain iaitu lebih kurang 600' persegi, tetapi bila kita hendak tingkatkan dua tingkat, rumah ini tadi kenalah dikecilkan sedikit pembukaan 12' dan bila kita campurkan 12' di atas itu, kalau kita buat rumah di tanah bermaknalah keluasannya 24'. Jadi kadang-kadang dalam bahasa Inggeris "optical illusion," ini memang ada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan begitu oleh kerana keluasan yang sama juga 600' persegi itu kita dirikan rumah-rumah kos rendah di tempat yang lain misalnya di Kedah di kawasan Sik, saya telahpun menengok rumah yang didirikan di kawasan Sik ini didapati bentuk rumah ini ialah rumah teres dan bilik tidurnya boleh dikatakan tiga bilik. Jadi, rasa saya ini lebih selesa kepada keluarga yang mempunyai ramai anak ataupun kaya dengan anak sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan kos rendah ini memanglah saya juga merasa begitu menyulitkan kepada penghuni-penghuninya dan setelah melawat berapa projek perumahan di merata negara, saya juga berpendapat iaitu kita perlu mengkaji semula bagaimana kita hendak melaksanakan pembinaan rumah kos rendah ini.

Saya telah pun meminta pegawai-pegawai di dalam Kementerian untuk mengkaji semula kesesuaian rumah-rumah tersebut daripada segi bentuknya, daripada segi keluasannya dan juga daripada segi bahan-bahan binaannya juga. Malahan rasa saya kajian itu patutlah kajian yang menyeluruh supaya mutu rumah-rumah ini juga terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menerangkan di sini iaitu sungguhpun Kementerian ini membuat dasar-dasar dan juga Kementerian berusaha untuk memperolehi peruntukan untuk membina rumah-rumah ini, tetapi kerja-kerja untuk melaksanakan Dasar-dasar Perumahan Negara ini terletaknya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Jadi, dengan apa garis panduan yang ada pada hari ini yang kita syorkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri ada juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang membina rumah dalam bentuk sesebuah yang pada pendapat saya sangat berkesan ataupun sangat baik kerana bila penghuni-penghuni yang membeli rumah ini tadi mempunyai ataupun keadaan ekonomi mereka itu bertambah baik, maka bolehlah mereka itu menambahkan rumah-rumah ini mengikut kemampuan mereka.

Saya telah pun melawat dua projek yang sedemikian rupa di Karak, Pahang dan juga satu lagi skim perumahan di Negeri Sembilan. Saya berharaplah kita akan dapat menggunakan kajian semula ini untuk melaksanakan skim pembinaan rumah-rumah kos rendah ini, mungkin di dalam Rancangan Malaysia Kelima kerana pada hari ini kebanyakan rumah-rumah ataupun projek-projek yang telah dikenalpasti itu telah pun ditetapkan bentuknya dan sebagainya dan rasa saya adalah sedikit lewat untuk dibuat perubahan-perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memandangkan tidak ramai yang hendak menyentuh tentang masalah perumahan ataupun masalah Kerajaan Tempatan pada kali ini rasa saya elok jugalah saya terangkan berkenaan dengan kemajuan fizikal projek-projek perumahan awam kos rendah ini untuk makluman kita semua.

Oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani menunjukkan minatnya eloklah saya mula dahulu dengan negeri Kedah. Pada 31hb Disember, 1983 laporan yang didapati menunjukkan iaitu negeri Kedah telahpun diperuntukkan sebanyak 7,681 unit rumah kos rendah dan daripada angka yang saya sebutkan itu sebanyak 2,321 unit telahpun siap ataupun 30.2%. Sebanyak 56.2% pula dalam peringkat binaan dan 53% di dalam peringkat awal pelaksanaan. Ini bermaknalah sekiranya keadaan ekonomi kita mengizinkan, insya Allah, pada penghujung Rancangan Malaysia Keempat ini kita akan dapat mencapai sekurang-kurangnya 86% ataupun 86.2% rumah-rumah akan dapat dibina untuk negeri Kedah.

Bagi negeri-negeri yang lain pula seperti negeri Johor sebanyak 29.6% telahpun sedia ataupun siap dibina, 13.6% dalam peringkat binaan bangunan dan 55.8% dalam peringkat awal pelaksanaan.

Bagi negeri Kelantan pula sebanyak 24.3% rumah telah siap dibina. Negeri Melaka 47.7%, Negeri Sembilan 30%, Pahang 18.4%, Perak 11.9%, Perlis 58.3%, Pulau Pinang 40%, Selangor 16.4% dan Terengganu sebanyak 37.8%. di Sabah dan Sarawak pula boleh dikatakan 15.4% telah siap dibina, di negeri Sabah dan di Sarawak 41.5%.

Bagi keseluruhannya sasaran di bawah Rancangan Malaysia Keempat ini adalah sebanyak 176,500 unit dan daripada ini sebanyak 27.1% telah

siap dibina ataupun 44,502 unit, 15.1% pula di dalam peringkat binaan bangunan dan 51.3% di dalam peringkat awal pelaksanaan projek. Hanya terdapat 6.5% sahaja di mana terdapat tapaknya belum diukur lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan yang ada pada saya hari ini untuk menyatakan juga iaitu daripada peruntukan pinjaman di bawah Rancangan Malaysia Keempat ini yang berjumlah \$1,000 juta sebanyak \$866,362,070 telahpun diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal di dalam Kementerian supaya dapat digunakan oleh negeri-negeri wang tersebut.

Jadi kami berharaplah di dalam masa yang ada ini sebelumnya akhir Rancangan Malaysia Keempat kita akan dapatlah melaksanakan program-program ini dengan harapan juga, iaitu keadaan ekonomi kita akan sihat semula seperti masa-masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini sahajalah dapat saya sampaikan dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani yang telah minat untuk menimbulkan masalah perumahan di dalam Dewan yang mulai ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Luar Negeri.

*6.21 ptg.*

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya hari ini dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana teguran dan juga pandangan yang dibuat terhadap Dasar Luar kita.

Di dalam soal ini, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dua

tiga perkara di sisi Dasar Luar Negera kita kerana terlampau banyak pertanyaan-pertanyaan, bukan sahaja daripada anggota-anggota Dewan yang mulia ini tetapi juga di luar daripada Dewan ini, bahkan di luar negara.

Pertamanya pertanyaan yang ditanya kepada kita iaitu mengapakah Malaysia ini ligat sekali untuk mencari penyelesaian di Cassablanca berkenaan dengan kembalinya Mesir ke pangkuan OIC. Ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah disebabkan kerana OIC itu adalah ciptaan dan rekaan daripada Malaysia dahulu, jangan kita lupa bahawa pada waktu Tunku Abdul Rahman, beliau menganjurkan idea Commonwealth of Islamic Countries sehingga teretusnya satu peristiwa Al-Aqsar dicabul oleh Israel, waktu itu satu perjumpaan diadakan di Rabad pada tahun 1969 dan pada waktu itulah maka terwujudnya idea sebagai formal di dalam dan di sisi rakyat dan negara-negara Islam sehingga Tunku sendiri diundang dijadikan Setiausaha Agung kepada OIC. Jadi dengan keadaan begitu sudah tentu Malaysia mengambil berat berkenaan dengan keadaan kesihatan dan pergolakan di dalam OIC.

Didapati baru-baru ini keadaan di dalam OIC itu nampaknya semakin lama semakin kurang sihat kerana banyak sangat retak-retak dan daripada retak-retak ini timbul bermacam-macam tohmah yang mengatakan ini adalah disebabkan Arab sendiri tak dapat bersatu sehingga ada daripada negara-negara Islam Asia dan negara Islam Afrika mengatakan mengapa Arab ini membawa bencana kepada kita bahkan solidaritas daripada segi orang-orang Islam itu boleh wujud kalau tidak sebab bangsa Arab ini berpecah-pecahan.

Jadi dengan sebab itulah kita mengadakan sebagai permulaan cara

untuk membawa balik solidaritas kita di dalam OIC itu maka kita mencuba dengan sedaya upayanya mencari jalan supaya dapat Mesir kembali ke pangkuan OIC kerana dengan kembalinya Mesir maka satu daripada retak itu dapat kita hilangkan. Dengan kembalinya juga Mesir, kita percaya dan yakin dari Kerajaan Malaysia bahawa Mesir mempunyai satu peranan yang penting di dalam mencari penyelesaian soal Palestin kerana Mesir dengan Jordan, dengan PLO dan usaha mereka bertiga ini Mesir boleh menjadi satu titi di antara Jordan dan Palestin dengan United States dan Israel.

Sebab itulah saya menjawab pada hari ini mengapa kita begitu sekali berusaha dengan minatnya untuk membawa balik Mesir ke pangkuan OIC. Dengan izin Allah maka perkara ini sekarang sudah wujud dan Mesir sekarang sedang memainkan peranan yang sangat penting di dalam mencari penyelesaian berkenaan dengan Palestin. Palestine sendiri juga adalah satu daripada perkara yang kita sangat utarakan, iaitu daripada mulanya lagi perkara ini bangkit Malaya dahulu, sehingga Malaysia tidak terkebelakang dari segi mencari cara-cara untuk menyelesaikan perkara ini dan juga membantu rakyat Palestin yang teraniaya.

Jadi di dalam perkara ini di beberapa tempat, di sini mulanya dan di Geneva dan baru-baru ini di Casablanca, saya mendapat kesempatan untuk berbincang dengan panjang lebar dengan Saudara Yassir Arafat tentang cara-cara untuk mencari jalan penyelesaian dan juga dengan ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin negara-negara yang lain. Maka didapati dalam perbincangan saya dengan Saudara Yassir Arafat dan juga saudara-saudara lain umpamanya Khadumi, iaitu pemimpin-pemimpin PLO, mereka

sudah mengatakan kepada saya soal Palestin ini hendaklah diselesaikan dengan cara politik. Ini adalah satu manik yang kita patut terima dan sanjung tinggi kerana kalau satu waktu dahulu masing-masing mengatakan penyelesaian hanya dengan cara kekerasan, sekarang mereka mengatakan dengan cara politik, dengan cara damai.

Yang keduanya, Yassir Arafat dengan pengikut-pengikutnya daripada PLO yang kita dari Malaysia yakin bukan sahaja PLO, tetapi juga mereka yang masih tinggal di Palestine itu sangat sanjung tinggi kepada Arafat, maka dia sekarang mengatakan kepada saya mereka dari PLO dan Palestine sangat terikat dengan idea-idea hendak mengadakan satu konfederasi, bukan federasi-konfederasi, di antara Palestine dan Jordan dan ini hendaklah di selenggarakan dengan cara menyiasat pemikiran rakyat Palestine sendiri. Maknanya diadakan satu "process of self determination", dengan izin Tuan Yang di-Pertua, supaya pergolakan yang akan mencetus atau mewujudkan konfederasi ini akan benar-benar kekal dan benar-benar diresui oleh rakyat dan diizinkan Allah. Dan dia mengatakan juga bahawa soal ini hendaklah juga dilibatkan di involvekan kuasa-kuasa besar, terutama sekali mereka yang di dalam Permanent Members daripada Security Council kerana kalau mereka ini tidak terlibat, maka susah hendak mencari penyelesaian kerana masing-masing mengatakan formula itu formula dia, jadi saya tak hendak; orang ini pula kata sebab dia punya, saya tak hendak. Jadi sebab itulah Arafat mengatakan bahawa eloklah dilibatkan semua kuasa besar di dalam Security Council, terutama sekali yang lima, iaitu Amerika, Soviet, Inggeris, Perancis dan China dan saya diminta pula oleh Arafat untuk berbincang dengan beberapa negara.

Maka saya usahakan dengan Negara China apabila Menteri Luar Wu datang ke mari dan dia menerima apa juga yang saya sebutkan kepada dia sebagai utusan Arafat dan ada di dalam pertimbangan dia. Begitu juga Inggeris, apabila sampainya di sini Menteri Luar Inggeris, Mr Lauce, begitu juga sambutannya menerima dan akan menimbangkan. Tetapi apabila perkara ini dibawa di Washington oleh Perdana Menteri kita waktu melawat ke sana dan berjumpa dengan Reagan, maka Kerajaan Amerika masih berpegang teguh dengan satu pendirian bahawa Arafat mesti dengan lantangnya mengaku bahawa ada hak bagi Israel wujud di dunia ini, dengan lain perkataan, PLO dan Arafat mesti mengiktirafkan Negara Israel.

Jadi, apabila saya balik mendengar cerita ini, datangnya pula Menteri daripada Amerika, maka saya sampaikan pesan daripada Malaysia kepada Presiden Reagan, iaitu kita Malaysia akan membawa perkara ini kepada Saudara Arafat kalau Amerika benar-benar boleh mengatakan kepada kita Israel mana yang mesti diiktirafkan. Adakah Israel tahun 1948? Adakah Israel tahun 1967? Adakah Israel yang dikatakan oleh Zionis daripada Sungai Nile ke Sungai Euphratis? Beritahu kepada kita yang mana satu. Iasya Allah, kita akan bawa kepada pertimbangan dunia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup, esok boleh sambung.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Esok boleh sambung, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*